



MALAYSIA

Hari Selasa
15hb April, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 865]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 908]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Jururawat (Pindaan) [Ruangan 908]
- Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) [Ruangan 927]
- Rang Undang-undang Dagangan Komoditi [Ruangan 972]
- Rang Undang-undang Penghitungan Semula Pencen [Ruangan 995]
- Rang Undang-undang Elektrik (Pindaan) [Ruangan 1001]
- Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) [Ruangan 1019]
- Rang Undang-undang Filem Wayang Gambar (Penapisan) (Pindaan) [Ruangan 1026]

MALAYSIA

PARLIMEN YANG KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KELIMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. S.M.J. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARIIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 15hb April, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

JURUTERA J.K.R.

1. Dato' Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau bercadang menambahkan bilangan Jurutera-jurutera J.K.R. supaya rancangan-rancangan diperingkat daerah dapat diselenggarakan dengan lebih cepat.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sukacita diberitahu bahawa tambahan jawatan bukan sahaja bagi Kumpulan A tetapi juga kumpulan-kumpulan lain telah pun diperolehi bagi mempercepatkan projek Rancangan Malaysia Ketiga. Penambahan tersebut adalah melibatkan semua peringkat iaitu peringkat Ibupejabat J.K.R. Persekutuan, Negeri juga J.K.R. Daerah.

Jumlah jawatan yang telah diluluskan bagi semua peringkat ialah 3,616 dari jumlah itu 634 adalah jawatan profesional iaitu Jurutera-jurutera, Akitek-akitek, Jurukur dan Jurukur Bahan. Tindakan sedang diambil bagi memenuhi jawatan-jawatan yang telah diluluskan itu.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar disebabkan kekurangan Jurutera J.K.R. maka rancangan-rancangan daerah tidak dapat diselenggarakan dengan cepat atau adakah disebabkan

lain-lain perkara yang menyebabkan terlambat rancangan-rancangan daerah.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang seseorang Jurutera sekurang-kurangnya ditempatkan di tiap-tiap daerah bagi penilaian rancangan-rancangan pembangunan. Di samping itu, Jurutera-jurutera tambahan juga ditempatkan di setengah-setengah daerah bagi penilaian projek-projek tertentu seperti bekalan air, jalan, bangunan dan lain-lain.

Tuan Ismail bin Hashim: Terima kasih atas jawapan Menteri yang berkenaan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa dalam masalah menubuhkan jawatan-jawatan ini memakan masa yang terlampau lama disebabkan dengan proses di dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kalau sekiranya benar, apakah tindakan yang sewajarnya untuk mempercepatkan dalam mengisi kekosongan jawatan-jawatan yang penting dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ataupun pembangunan negara yang ada sekarang.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelesaikan masalah itu Kementrian saya dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengambil banyak tindakan tetapi untuk memenuhi jawatan-jawatan itu ada juga masalah-masalah sebab kita tidak ada orang-orang profesional yang memohon untuk mendapatkan jawatan itu.

Tuan Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya tidak dapat mengisi kekosongan dari segi orang-orang baik di Malaysia, oleh sebab negara kita hendak membangun dengan begitu cepat dan peruntukan yang sebegitu banyak telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan apa yang kita telah pastikan lebih kurang \$14 ribu juta masih lagi berbaki. Bolehkah atau tidak pihak Kementerian

yang berkenaan untuk mengambil pegawai-pegawai profesional daripada negara jiran kita ataupun daripada negara-negara ASEAN untuk memenuhi hasrat Kerajaan.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kita beri peluang kepada orang-orang dari negeri kita sendiri dahulu, selepas itu kita akan timbangkan perkara Yang Berhormat cadangkan tadi.

BUMIPUTRA DALAM BIDANG PERNIAGAAN—BANTUAN

2. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) usaha-usaha yang dibuat untuk membantu kaum Bumiputra dalam bidang perniagaan di Wilayah Persekutuan; dan
- (b) sama ada Kementeriannya akan memperhebatkan lagi usaha menanam pokok dan bunga demi untuk mengindahkan lagi Ibu Kota kita.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang akan melaksanakan berbagai projek dan rancangan untuk membantu kaum Bumiputra di dalam bidang perniagaan di Wilayah Persekutuan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% peniaga Bumiputra di Bandaraya ini, Dewan Bandaraya memberi keutamaan kepada peniaga-peniaga Bumiputra terutamanya dalam memperuntukkan kedai-kedai di Perumahan Awam, gerai-gerai, Pasar, tempat-tempat penjaja serta Kompleks Perniagaan. Pemaju-pemaju perumahan swasta pula adalah disyaratkan supaya memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% rumah/kedai untuk Bumiputra sahaja, dan pemilihan pembeli-pembeli dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pemberian kerja-kerja kepada kontraktor-kontraktor, Dewan Bandaraya juga menentukan supaya sekurang-kurangnya 30% diutamakan kepada kontraktor-kontraktor/pembekal-pembekal Bumiputra.

Di samping itu beberapa bekalan dan perkhidmatan tertentu hanya diberikan kepada pembekal-pembekal Bumiputra sahaja seperti membekalkan pakaian seragam, penyewaan kantin dll.

Dewan Bandaraya sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti MARA dan UDA dalam membimbing serta menambahkan lagi penyertaan kaum Bumiputra di bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya memperuntukan \$1 juta daripada hasilnya pada tiap-tiap tahun untuk membantu kaum Bumiputra di lapangan perniagaan dan perusahaannya ini tidak termasuk peruntukan-peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek tertentu Kompleks Perniagaan Kecil/Pasar di Pekan Sungai Besi, Pasar Borong di Jalan Ipoh dan lain-lain.

(b) Kerja-kerja menanam pokok dan bunga untuk mengindahkan Ibu Kota Kuala Lumpur merupakan satu usaha yang dijalankan sepanjang tahun. Dewan Bandaraya sentiasa menjalankan kerja-kerja menanam pokok dan bunga, terutama di jalanraya-jalanraya (approach roads) menuju ke Kota Kuala Lumpur. Untuk tahun 1980 ini sebanyak \$500,000 telah pun diperuntukkan oleh Dewan Bandaraya bagi berbagai-bagai projek pengindahan Kuala Lumpur. Projek-projek tersebut termasuk menanam pokok-pokok dan bunga, membina taman permainan kanak-kanak, membina/mencantikan tempat berjalan kaki (footpaths) di Pusat bandar dan lain-lain lagi.

Adalah menjadi harapan Dewan Bandaraya dengan kerja-kerja pengindahan yang dijalankan di sekitar ibukota Kuala Lumpur akan dapat menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah "Bandaraya Dalam Taman" (Garden City).

BUMIPUTRA DALAM KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN

3. Puan Zawiah binti Abdullah (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah pelajar Bumiputra yang telah diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Kolej Tunku Abdul Rahman; dan
- (b) jumlah bilangan penuntut Bumiputra dan bukan Bumiputra di Kolej itu.

Mnteri Pelajaran (Dato Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan

- (a) iaitu jumlah pelajar bumiputra yang telah diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Kolej Tunku Abdul Rahman ialah 13.
- (b) Jumlah bilangan penuntut di Kolej Tunku Abdul Rahman ialah 6,233 adalah 111 orang dan bukan bumiputra seramai 6,122 orang.

PELABUHAN KUANTAN—SIASATAN KEROSAKAN

4. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Jawatankuasa Perunding untuk menyiasat kerosakan sebahagian daripada Pelabuhan di Tanjung Gelang, Kuantan yang baru dilantik itu akan dapat menyiapkan laporannya dan bilakah pelabuhan itu dapat digunakan sepenuhnya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah melantik Firma Perunding Sir Bruce White, Wolfe Barry & Partners bagi tujuan menyiasat sebab-sebab keretakan yang berlaku pada "quay-wall" Pelabuhan Kuantan dan juga supaya mengesyorkan kerja-kerja memperbaikinya. Perunding tersebut dijangka akan dapat menyiapkan laporannya pada bulan Julai/Ogos, 1980 itu.

Bila Pelabuhan tersebut boleh dapat digunakan sepenuhnya hanya akan dapat diketahui selepas laporan Juru perunding diterima dan dikaji oleh Kerajaan dengan pandangan-pandangan yang difikirkan menjadi kebaikan kepada dermaga berkenaan.

SIMPANAN TERKUMPUL PETRONAS

5. Dr Choo Kooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan jumlah simpanan (reserve) yang telah dikumpulkan oleh Petronas semenjak penubuhannya dan di mana wang itu sedang dilaburkan.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, mengikut akaun yang telah diodit, simpanan (reserve) yang telah terkumpul oleh Petronas sejak ianya ditubuhkan sehingga akhir bulan Mac 1979 berjumlah \$2,000 juta.

Sebahagian daripada simpanan itu telah atau akan dilaburkan dalam projek-projek yang berikut:

1. Stesyen Tangki Sementara (Skid Tank Stations).
2. Depoh minyak penerbangan (Aviation Depots).
3. Depoh barang-barang minyak (Petroleum Product Depots).
4. Kemudahan-kemudahan Gas Petroliaam Cecair (Liquefied Petroleum Gas).
5. Stesyen-stesyen penjualan minyak dan lain-lain kemudahan penjualan. (Retail Service Stations and other retail facilities).
6. Loji campuran minyak licin. (Lubrication Blending Plant).
7. Makmal (Laboratory).
8. Petronas Carigali Modal berbayar. (Petronas Carigali-Paid-up-capital).
9. Gas Asli Cecair (Liquefied Natural Gas).
10. Projek Asean Amonia/Urea (Bintulu) (Asean Ammonia/Urea Project (Bintulu)).
11. Projek Asean Amonia/Urea (Aceh) (Asean Ammonia/Urea Project (Aceh)).
12. Kilang-kilang Penapis Minyak (Oil Refineries).
13. Terminal dan Saluran Minyak di Trengganu (Oil Pipeline and Terminal (Trengganu)).
14. Loji Proses Gas (Trengganu) (Gas Processing Plant (Trengganu)).
15. Pengkalan Bekalan di Sabah (Supply Base (Sabah)).

Petronas telah juga melaborkan wangnya dalam simpanan bank dan surat jaminan (securities) utama di Malaysia dan di Seberang Laut.

Selain daripada itu projek-projek yang sedang dalam kajian ialah saluran gas di laut (off shore gas pipeline) loji methanol (methanol plant) dan kompleks petro-kimia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah.

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 6. Sebelum soalan saya dijawab, saya hendak terangkan sedikit. Apa yang saya hendak tahu daripada Menteri yang berkenaan ialah bayaran cukai, bukan bayaran tax. Contohnya bila kita hendak "search" sekarang bayaran mulai daripada \$10 tetapi di Johor sekarang sudah menjadi \$30, semua bayaran sudah naik dua tiga kali ganda. Itu saya hendak minta keterangan daripada Menteri berkenaan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, adakah itu soalan tambahan? Saya tidak mengerti kerana saya hendak menjawab bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menjawab soalan No. 6 seperti yang ditetapkan di sini.

CUKAI TANAH

6. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa cukai tanah di Negeri Johor lebih tinggi daripada negeri-negeri lain dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk menyelaraskan bayaran cukai ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Cukai tanah bagi tiap-tiap jenis kegunaan tanah di dalam satu-satu negeri itu adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri tersebut dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tidaklah mempunyai kuasa untuk campur tangan selain daripada memberi teguran dan nasihat. Dari kajian yang telah dijalankan adalah didapati cukai-cukai tanah yang dikenakan dalam negeri Johor itu adalah seimbang dengan yang dikenakan di negeri-negeri lain. Bahkan bagi beberapa jenis kegunaan lebih rendah dari yang dikenakan di negeri-negeri lain. Di bawah ini diperturunkan perbandingannya:

CUKAI TAHUNAN

Jenis	Negeri	Johor	Selangor	Pahang	Wilayah Persekutuan
Getah		\$ 7.00 s.e.	\$ 7.00 s.e.	\$ 11.00 k.p.	\$ 7.00 s.e.
Kelapa Sawit		\$ 8.00 s.e.	\$ 7.00 s.e.	\$ 11.00 k.p.	\$ 7.00 s.e.
Padi		\$ 3.00 s.e.	\$ 2.50 s.e.	\$ 1.00 s.e.	\$ 2.50 s.e.
Bangunan (Residential) Per- usahaan		\$ 10.00 bagi 1,000 k.p. \$200.00 seekar bersamaan \$4.60 bagi 1,000 k.p.	\$ 20.00 bagi 1,000 k.p. \$ 60.00 bagi 1,000 k.p.	\$ 5.00 bagi 1,000 k.p. \$ 20.00 bagi 1,000 k.p.	\$ 20.00 bagi 1,000 k.p. \$ 70.00 bagi 1,000 k.p.

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang National Land Code, Seksyen 4 semua negeri mesti mengadakan cukai tanah yang sama, tetapi nampaknya negeri Johor pakai undang-undang yang lain. Bolehkah Menteri yang berkenaan tarik balik kuasa ini dan cukai tanah disamakan di semua negeri?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya katakan tadi bidang kuasa tanah adalah di bawah jajaan

Negeri itu sendiri bahkan mengikut Perlembagaan pun begitu. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang tiap-tiap 10-15 tahun sekali, ada land rent revision. Jika difikirkan perlu, perkara ini akan diperhatikan dan saya minta Ahli Yang Berhormat menulis terus kepada Kerajaan Negeri kerana seperti saya katakan tadi ini adalah bidang kuasa negeri dan Kementerian ini hanya dapat menasihatkan dan memberi pandangan kepada Kerajaan Negeri.

PROJEK PERKILANGAN

7. Tuan Oh Siew Aun (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan nilai-nilai projek-projek yang telah diluluskan dalam tahun 1979 dan jumlah sebenar yang telah dilaburkan dalam tahun 1979.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1979, sejumlah 484 Projek-projek perkilangan telah diberikan kelulusan oleh Kerajaan. Projek-projek ini bercadang untuk melabur \$4,538.9 juta. Angka ini amat tinggi dan luar biasa kerana salah satu daripada projek-projek tersebut ialah projek Malaysia LNG yang akan melabur \$2,600 juta. Daripada 484 projek-projek perkilangan itu, 98 telahpun memulakan operasi pada akhir tahun 1979 dan telah melaburkan \$485.2 juta.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Oleh sebab pelaburan ini sangat baik bagi kepentingan ekonomi negara, saya suka bertanya, adakah hanya 98 projek yang telah dapat dijalankan sedangkan 300 projek lebih masih tidak dapat dijalankan pelaburan yang dicadangkan pada tahun 1979, apakah sebabnya?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, selalunya apabila sesuatu projek diluluskan, projek itu daripada perancangan sampai masuk dalam production kena mengambil masa satu hingga dua tahun. Jadi daripada 484 projek itu seperti saya katakan tadi 98 telah juga menguruskan pengeluaran, bakinya sebanyak 65 itu ialah untuk memasang alat-alat jentera dan membina kilang-kilang, 26 sudah mendapat tapak kilang dan 290 sedang giat untuk dilaksanakan.

UNIVERSITI BARU—PENUBUHAN

8. Dato' Phua Cheng Leong (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan bilangan universiti-universiti yang ada di negara ini sekarang dan sama ada beliau akan menimbang menubuhkan sebuah universiti bukan sahaja untuk rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, tetapi juga untuk penuntut-penuntut dari luar negeri seperti yang ada di Amerika dan di Eropah.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, saya merasa berpuas hati dengan bilangan universiti-universiti yang ada di negara ini sekarang dan buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah lagi universiti di negara ini seperti Yang Berhormat maksudkan. Ini adalah disebabkan Kerajaan sekarang sedang memusatkan pembangunan dan perkembangan universiti-universiti di negara ini. Rancangan-rancangan pemelesaian yang saya maksudkan itu ialah:

- (i) Pembinaan kampus Cawangan yang baru di Bintulu, Sarawak bagi Universiti Pertanian Malaysia;
- (ii) Pembinaan kampus Cawangan yang baru di Likas, Kota Kinabalu bagi Universiti Kebangsaan Malaysia;
- (iii) Pemindahan Universiti Teknologi Malaysia ke kampus barunya di Sekudai, Johor bila kampusnya siap nanti;
- (iv) Pembinaan kampus dan kemudahan-kemudahan baru untuk Pusat Pengajian Sains Perubatan di Kubang Kerian, Kelantan;
- (v) Pembinaan Kampus Akademik Islam Universiti Malaya di Bacok, Kelantan;
- (vi) Mengembang serta membesarkan kampus-kampus induk yang sedia ada.

Dengan adanya rancangan-rancangan seperti di atas, bilangan pelajar untuk masuk ke universiti sudah tentu akan bertambah.

JALAN BARU DI JOHOR

9. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembinaan jalanraya di Johor adalah tidak memuaskan yakni memberi nahas kepada pengguna-pengguna jalanraya oleh kerana kontraktor tersebut hanya membina jalanraya tanpa "side table". Jika sedar, apakah tindakan beliau akan ambil dalam perkara ini.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita di maklumkan bahawa

semua jalan-jalan baru yang dibina di Johor adalah berdasarkan standard design iaitu rekabentuk piawaian yang diluluskan Kerajaan di mana bahu jalan (road shoulder) atau side table disediakan pada tiap-tiap jalan tersebut. Lebar side table adalah bergantung kepada keadaan tanah dan kesebukan lalulintas, biasanya antara 4 kaki hingga 10 kaki. Di samping itu tindakan juga telah, sedang dan akan diambil bagi mengadakan side table terhadap jalan-jalanraya yang sedia ada.

PAKAIAN GURU WANITA DI SEKOLAH

10. Puan Hajjah Ton Saodah binti Haji Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa setengah guru-guru wanita berpakaian tidak senonoh di sekolah dan sama ada beliau akan memberi arahan mengenai pakaian guru-guru.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari kemungkinan adanya sebilangan kecil guru-guru wanita yang berpakaian tidak sesuai dan wajar sebagai guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telahpun mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas yang memberi garis panduan kepada guru-guru berhubung dengan pakaian mereka di sekolah-sekolah.

Mengikut Surat Pekeliling yang dikeluarkan itu, guru-guru wanita dilarang memakai mini-skirt, pakaian-pakaian yang terlampau mendedahkan bahagian belakang, seluar-seluar pendek, seluar-seluar (jeans) yang ketat dan pakaian-pakaian yang bahagian hadapan terbuka jauh ke bawah. (*Ketawa*) Ini serius, Tuan Yang di-Pertua.

Guru-guru Besar adalah bertanggungjawab bagi menentukan guru-guru wanita mematuhi peraturan-peraturan mengenai pakaian ini.

KESALAHAN LALULINTAS

11. Tuan M. Mahalingam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa dalam kebanyakan kes-kes kesalahan lalulintas, pihak-pihak didakwa gagal hadir di Mahkamah dan oleh itu Waran-waran Tangkap dikeluarkan terhadap pihak-pihak yang didakwa oleh Mahkamah dan kebanyakan Waran-waran serupa ini tidak disampaikan oleh pihak polis dan akibatnya orang-

orang yang bersalah terlepas dari hukuman, nyatakan bilangan saman lalulintas di mana Waran Tangkap yang dikeluarkan tidak disampaikan bagi tahun 1977, 1978, 1979 dan 1980 di Semenanjung Malaysia dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mencegah dan mengatasi masalah ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar dalam membicarakan kes-kes kesalahan lalulintas ada berlaku pihak-pihak yang didakwa gagal hadir di Mahkamah. Tetapi usaha untuk menyampaikan Waran-waran Tangkap yang dikeluarkan terhadap pihak-pihak yang didakwa oleh Mahkamah adalah dijalankan terus walaupun kes-kes itu terpaksa ditangguhkan sehingga waran-waran berkenaan dapat disampaikan oleh pihak polis.

Bilangan saman lalulintas di mana waran tangkap yang dikeluarkan tidak dapat disampaikan bagi tahun 1977, 1978, 1979, dan 1980 di Semenanjung Malaysia, ianya tidak dapat dipastikan dengan tepat oleh kerana tindakan bagi menyampaikan waran-waran tangkap tersebut sentiasa dilakukan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan oleh pihak MAMPU, Jabatan Perdana Menteri yang sedang membuat kajian mengenai Organisasi Pentadbiran, Jabatan Kehakiman. Kajian ini akan membuat berbagai-bagai perakuan berhubung dengan pentadbiran mahkamah-mahkamah termasuk juga tindakan yang baik dan sesuai diambil bagi mencegah dan mengatasi masalah penyampaian waran tangkap bersabit dengan kes Kesalahan Lalulintas.

BEKALAN AIR BANDAR KUANTAN

12. Datuk Phua Cheng Leong minta Mentari Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa bekalan air di Kuantan dan di beberapa bandar di Negeri Pahang telah terjejas atau menjadi kurang menjelang Tahun Baru China tahun ini dan ini telah menyebabkan kesukaran kepada orang ramai pada masa hari perayaan itu; jika ya, nyatakan sebab-sebabnya serta tindakan yang akan diambil untuk mengelakkan berlakunya kejadian seumpama itu.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa bekalan air bandar Kuantan telah berkurangan semasa perayaan Tahun Baru Cina. Ini iaitu dua hari sebelum perayaan itu dan dua hari selepas kekurangan bekalan air tersebut adalah disebabkan terlalu banyak air garam dari laut masuk ke sungai Kuantan, dengan ini pengambilan air sungai yang belum diproses terpaksa dihentikan untuk beberapa ketika. Kemasukan air garam ke sungai Kuantan tersebut adalah akibat tingginya air pasang yang berlaku serentak dengan aliran air sungai yang rendah di musim kemarau yang berlarutan.

Mengikut sukatan air pasang pada masa itu bagi sungai Kuantan ialah 3.2 meter berbanding dengan 2.8 meter dan 2 hingga selepas itu. Untuk mengelakkan kemasukan air garam di masa-masa akan datang, sebuah barrage yang merintang sungai Kuantan akan dibina.

Saya tidak sedar adanya kekurangan bekalan air di bandar-bandar lain selain dari Kuantan semasa musim Perayaan Tahun Baru Cina itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 13.

TUNJUK PERASAAN DI POLITEKNIK UNGKU OMAR

13. Puan Zawiah binti Abdullah (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan membentangkan kepada Parlimen laporan yang akan dibuat oleh Kementerian-kementerian mengenai tunjuk perasaan di Politeknik Ungku Omar baru-baru ini; jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya masih sedang menyasat peristiwa-peristiwa berkaitan dengan tunjuk perasaan yang berlaku di Politeknik Ungku Omar baru-baru ini. Saya tidak bercadang membentangkan laporan peristiwa ini kepada Parlimen oleh sebab ianya adalah soal pentadbiran dalam bidang Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Nordin bin Pesah.

Tuan Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 14.

PONDOK POLIS DI BAWAH SKIM SALLEH

14. Tuan Ismail bin Hashim (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada pondok-pondok Polis yang telah dibina di bawah "Skim Salleh" mendapat sambutan yang baik dari orang ramai dan samada ianya masih digunakan lagi; jika tidak, mengapa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, pondok-pondok polis yang di bawah apa yang dikatakan "Skim Salleh" dibina selepas peristiwa Mei 1969 kerana pada masa itu kita sangat kekurangan bilangan anggota polis. Pondok-pondok ini telah memainkan perannya untuk memberi khidmat kepada orang ramai di mana anggota-anggota polis ditempatkan di pondok itu menunggu sebarang laporan atau aduan yang dibuat oleh orang ramai sambil memerhatikan keadaan dan apa yang berjalan di sekitarnya tidak terganggu.

Daripada perhatian atau kajian yang dibuat oleh polis, sistem pondok polis ini masih berguna tetapi kebanyakannya adalah di luar bandar. Di dalam bandar nampaknya kurang memberi kesan kerana nampaknya orang di bandar sekarang lebih senang dan lebih suka pergi terus ke Balai Polis dan kerana adanya pada masa ini anggota bertambah dari pihak polis maka perondaan dapat dibuat dengan sekurang-kurangnya berdua-berdua. Jadi dengan itu banyaklah daripada bandar-bandar ini pondok-pondok yang tersebut ditutup atau diserahkan kepada Rukun Tetangga. Jadi itulah keadaannya pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Joseph Unting anak Umang.

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 15.

UNDANG-UNDANG POLIS DI SARAWAK

15. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri menyatakan samada undang-undang Polis di Sarawak sama dengan undang-undang Polis di Semenanjung.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soal Akta Polis di Sarawak. Akta Polis tahun 1967 adalah sebuah Akta yang berkuatkuasa terhadap semua anggota Polis Di Raja Malaysia termasuk mereka yang bertugas di Sarawak dan juga di Sabah.

Walau bagaimanapun di bawah peruntukan Seksyen 98 Akta Polis mana-mana Undang-undang Polis Sarawak rules atau regulationsnya yang tidak dibatalkan dan tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan Akta Polis, 1967 tadi akan terus dipakai sehingga ianya dimansuhkan. Peruntukan ini wujud kerana ada keadaan-keadaan tertentu yang terdapat di Sarawak di mana undang-undang yang berkenaan masih lagi perlu dipakai.

Walau bagaimanapun sekarang adalah didapati perlu untuk menyelaraskan semua Undang-undang Polis di seluruh negara. Untuk maksud ini satu Akta Polis yang baru sekarang sedang digubal. Dengan adanya Akta ini nanti insya Allah semua anggota-anggota Polis Di Raja Malaysia akan tertakluk di bawah satu undang-undang sahaja.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, oleh sebab Akta Polis ini pada pendapat saya sangat mustahak diselaraskan dengan seberapa segera kerana Malaysia adalah satu, tidak ada dalam Malaysia ada pula lain Undang-undang Polis oleh sebuah negeri. Sebab itu saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bolehkah diberi pengetahuan kepada Dewan yang mulia ini bahawa satu sahaja Akta Polis di Malaysia akan dibuat pada tahun 1980 ini juga.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya boleh janji insya Allah dengan secepat mungkin.

BIL TUNTUTAN TELEFON

16. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan samada beliau sedar bahawa baru-baru ini terdapat

ramai pengguna telefon telah menerima bil telefon dengan jumlah tuntutan yang luar biasa dan jika ia nyatakan:

- (a) sebab-sebab berlakunya perkara seperti ini; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Telekom untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan bahawa soalan yang hampir sama telahpun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Mahmoud Salim bin Haji Mohamad pada 11hb April yang lalu dalam Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk menambah jawapan yang telah diberikan itu.

HUKUMAN BUNUH ATAS KESALAHAN ROGOL

17. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada tindakan-tindakan yang lebih berat akan diambil seperti hukuman bunuh bagi kesalahan rogol yang semakin bertambah setiap hari di negara ini.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan buat masa ini tidak ada apa-apa cadangan untuk meminda undang-undang berkenaan bagi mengenakan hukuman mati di atas kesalahan rogol. Penalti yang ada sekarang bolehlah dikatakan memadai.

Mengikut Seksyen 376 Kanun Kesiksaan, seorang yang didapati salah kerana melakukan kesalahan merogol boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan sebagai tambahan ia boleh juga dihukum denda ataupun sebat dengan rotan.

Keadaan pada masa ini tidaklah sebegitu membimbangkan bagi Kerajaan mengambil tindakan meminda undang-undang untuk hukuman mati dijatuhkan di dalam kes-kes merogol.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, saya pandang perkara ini berat (serious) oleh kerana pada akhir-akhir ini

apa yang kita ketahui dalam akhbar sehinggakan bapa telah merogol sampai 3-4 anak. Jadi ini satu perkara yang saya nampak serius. Adakah Kementerian yang berkenaan puas hati dengan penalti yang ada atau hendak ditambah lagi?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab tadi, buat masa ini belum ada cadangan lagi kerana difikirkan penalti yang ada sekarang ini sudah memadai.

GURU-GURU DAN MURID-MURID SEKOLAH PERSENDIRIAN

18. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada:

- (a) pihak Kementerian Pelajaran sentiasa membuat lawatan menjejut ke sekolah-sekolah persendirian untuk mengawasi kegiatan guru-guru dan murid-murid sekolah-sekolah tersebut; dan
- (b) beliau sedar bahawa ada sebuah sekolah persendirian di Trengganu menjalankan kegiatan politik dalam sekolah itu.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) Pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran dan Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri ada membuat lawatan-lawatan ke sekolah-sekolah persendirian untuk memastikan bahawa sekolah-sekolah tersebut mematuhi segala kehendak-kehendak yang terpakai baginya seperti yang disyaratkan di bawah Akta Pelajaran, 1961 dan arahan-arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Tujuan lawatan-lawatan itu termasuklah juga untuk memerhatikan kegiatan guru-guru dan murid-murid di sekolah-sekolah tersebut.

Jawapan kepada soalan (b) Soalan yang kedua dari Yang Berhormat adalah terlalu umum. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat menghubungi saya untuk menyatakan dengan lebih tepat dan lanjut lagi mengenai perkara ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam lawatan ke sekolah-sekolah persendirian, kita dapat tahu akhir-akhir ini banyak sekolah-sekolah

ini telah ditumbuhkan oleh anasir-anasir yang kurang sihat umpamanya anasir komunis bukan sahaja pada peringkat murid termasuk juga pada guru-guru. Sekiranya didapati kejadian ini tidak boleh dikurangkan oleh pihak pentadbir sekolah, adakah satu ketika kelak kita akan menutup sekolah-sekolah tersebut?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat apa-apa maklumat yang menyatakan bahawa ada sekolah-sekolah persendirian yang ditumbuhkan oleh anasir-anasir jahat ataupun anasir-anasir komunis. Kalau ada tolonglah beritahu saya dan saya sukalah menyatakan bahawa kalau sebenarnya didapati ada kejadian-kejadian begitu, tentulah akan ditutup.

Walau macammanapun, saya suka menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kegiatan-kegiatan di sekolah ini termasuklah kurikulum dan aktiviti-aktiviti pada keseluruhannya memanglah diperhati dan diawasi oleh Kementerian Pelajaran. Setakat ini nampaknya tidak ada kejadian-kejadian yang begitu serius seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

HUBUNGAN DIPLOMATIK PEKING-JAKARTA

19. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau ada membuat apa-apa tindakan bagi memulihkan perhubungan diplomatik antara Peking dan Jakarta.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hubungan diplomatik di antara Peking dan Jakarta telah dibekukan semenjak beberapa tahun yang lalu. Apa-apa usaha untuk memulihkan semula hubungan diplomatik di antara Republik Rakyat China dan Indonesia adalah persoalan yang hanya melibatkan kedua-dua negara tersebut. Malaysia bersedia untuk membantu memulihkan hubungan diplomatik kedua-dua negara sekiranya usaha kita diminta. Bagaimanapun, sehingga dewasa ini tidak ada apa-apa permintaan yang diterima daripada kedua-dua negara tersebut.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tadi Yang Berhormat telah mengatakan hingga setakat ini belum ada lagi permintaan daripada Jakarta mengatakan supaya minta usaha Malaysia campurtangan supaya Peking dapat menghubungkan perhubungan diplomatik dengan Indonesia. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berjumpa dengan Yang Mulia Presiden Suharto di Kuantan, adakah masalah ini juga ada diperbualkan dalam perkara hubungan diplomatik antara Jakarta dengan Republik Rakyat China itu.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan tambahan, tolong kemukakan lain kali.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Masa perhubungan terputus antara negara Republik Rakyat China dengan Republik Indonesia pada tahun 1965 keadaan masa itu iaitu dasar Kerajaan Republik Rakyat China terhadap negara-negara ASEAN itu berlainan. Tetapi sekarang dasar Republik Rakyat China itu telah bertukar sikap terhadap negara-negara Asia dan ASEAN keseluruhannya. Oleh sebab itu, saya ingin tahu bagaimanakah kedudukan perhubungan antara kedua-dua negara pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ini terpolang kepada kedua-dua negara.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Ini terpolang kepada negara-negara itu sendiri.

PENGEDAR DADAH

20. Datuk Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pengedar dadah yang telah dihukum bunuh dalam tahun 1979;
- (b) bilangan pengedar dadah yang telah dihukum penjara seumur hidup dalam tahun 1979;
- (c) bilangan penagih dadah yang ditahan dan dihantar ke pusat-pusat pemulihan; dan
- (d) bilangan orang asing yang telah ditangkap di atas tuduhan memiliki dadah dalam negara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1979 seramai 3 orang telah dihukum gantung dan seorang daripadanya telah digantung. 76 dihukum penjara seumur hidup. Sehingga akhir tahun 1979 seramai 3,606 penagih telah dihantar untuk menjalankan pemulihan di pusat-pusat pemulihan di negara ini dan jumlah orang asing yang telah ditangkap kerana memiliki dan mengedar dadah di negara ini ialah 28 orang. Dari jumlah ini seramai 22 orang telah dipenjarakan, 5 orang ditahan di bawah Akta Darurat.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi angka peratus penagih dadah daripada pusat-pusat pemulihan yang telah dipulih dan kembali ke masyarakat yang biasa?

Tan Sri Haji Mohammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat berterima kasih kepada Kementerian ini yang dapat membawakan segala pengedar dadah ini kepada hukuman bunuh. Cuma saya hendak tahu apakah sikap Kementerian ini terhadap suara-suara yang mengatakan bahawa hukuman bunuh dengan sebab pengedar dadah ini hanya terkena kepada kaum atau orang Cina sahaja dan tidak pada orang Melayu. Keadaan ini bagaimana pandangan Kementerian ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kementerian ini tidak memilih, tidak memandang dari segi kulit atau warna. Dia hanya memandang buat salah atau tidak buat salah. Siapa juga membuat salah mengikut undang-undang akan ditangkap.

SYARIKAT MINYAK ASING

21. Datuk Haji Ahmad bin Arshad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan syarikat minyak asing seperti Esso, Shell, Caltex, Mobil dan B. P. selalu sahaja cuba menaikkan harga samada Kerajaan bercadang untuk menghakmilik-negarakan Tenaga yang penting itu supaya menguntungkan dan menyelamatkan negara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perindustrian minyak di Malaysia, yang di-sertai bersama oleh syarikat-syarikat luar negeri, mengandungi aktiviti-aktiviti yang berikut:

- (1) mengadakan kajian-kajian "geological" dan "geophysical" untuk mencari kawasan-kawasan minyak supaya boleh menambahkan simpanan minyak.
- (2) membangun kawasan-kawasan minyak yang dijumpai untuk mengeluarkan minyak untuk kegunaan tempatan atau dieksport.
- (3) memproses dan menapis minyak mentah untuk mengeluarkan bahan-bahan petroleum bagi keperluan pasaran tempatan.
- (4) memasar atau mengedar barang-barang petroleum untuk memenuhi keperluan tempatan.

Sebagaimana yang kita dapat perhatikan bahawa kegiatan-kegiatan syarikat luar negeri seperti Shell dan Esso adalah meliputi bidang yang luas, dan tidak hanya terhad kepada kegiatan pemasaran dan penentuan harga barang-barang petroleum.

Teknologi yang terlibat dan pengalaman yang diperlukan untuk aktiviti-aktiviti itu adalah sangat khusus dan kompleks. Lagi pun, adalah dasar Kerajaan untuk tidak memilik-negarakan mana-mana perindustrian. Kerajaan berpendapat bahawa syarikat-syarikat luar negeri boleh memainkan peranan yang positif dalam ekonomi negara ini. Pengalaman kita selama ini telah menunjukkan bahawa sungguhpun syarikat-syarikat ini membuat keuntungan mereka, mereka juga menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negara ini. Walau bagaimanapun, mengenai komoditi-komoditi yang perlu dan strategik, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu untuk menjamin bahawa negara ini tidak terlalu bergantung kepada syarikat-syarikat luar negeri. Bagi bidang pengurusan petroleum, Kerajaan telah menubuhkan PETRONAS untuk menepati tujuan ini.

Saya ingin juga menyebutkan di sini bahawa dengan adanya syarikat-syarikat minyak luar negeri di negeri ini yang memasarkan barang-barang petroleum dan yang mempunyai

sumber-sumber bekalan sendiri, keadaan bekalan kita menjadi lebih stabil. Dalam keadaan kekurangan petroleum pada masa ini penglibatan mereka dalam negeri ini adalah menguntungkan negara.

Berhubung dengan perkara menentukan harga barang-barang petroleum, memang benar syarikat-syarikat minyak luar negeri ada meminta kenaikan harga dari semasa ke semasa. Permintaan mereka itu selalunya dikaji oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan teliti. Kerajaan hanya memberi persetujuannya setakat yang menasabah. Sebenarnya, dalam masalah penentuan harga faktor yang terpenting adalah keadaan pasaran dunia (world market forces).

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, saya ingin tahu mana yang lebih menguntungkan negara ini dengan dasar minyak yang berjalan sekarang dengan kita memilik-negarakan minyak itu.

Yang kedua, adakah satu masa, satu ketika kelak segala syarikat-syarikat minyak luar negeri ini, kita akan pindahkan kepada PETRONAS kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan, mengikut keadaan yang ada sekarang ini cara kita mengendalikan sumber minyak kita ini adalah menguntungkan kita. Mengikut keadaan sekarang, sepertimana yang saya terangkan tadi, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak memilik-negarakan mana-mana syarikat.

AHLI-AHLI SUKAN NEGARA

22. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menggalakkan ahli-ahli sukan negara, memandangkan kesulitan yang mereka hadapi dari segi pekerjaan dan kenaikan pangkat dalam pekerjaan mereka.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa memberi perhatian berat kepada ahli-ahli sukan negara umpamanya memberi perakuan-perakuan mendapatkan pertimbangan untuk

pingat-pingat dan bintang-bintang kehormatan Negeri dan Persekutuan. Mengenai dengan soal pekerjaan dan kenaikan pangkat, perkara ini adalah melibatkan dasar perkhidmatan Kerajaan keseluruhannya. Peraturan-peraturan dan syarat-syarat tertentu seperti kelulusan akademik dan peperiksaan yang mesti diduduki semasa perkhidmatan adalah wajib. Sebelum sesuatu usaha yang konkrit boleh diambil, keadaan ini mestilah dikaji bersama dengan beberapa badan Kerajaan tertentu. Walaupun demikian, keutamaan adalah diberi kepada ahli-ahli sukan semasa pengambilan kakitangan di Jabatan Kerajaan jika mereka mempunyai kelulusan yang sama.

Tuan Ismail bin Hashim: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, Ini masalah rakyat negara kita yang telah memberikan image negara kita yang begitu tinggi dalam masalah sukan ini. Rasa saya sudah sewajarnya bagi pihak Kerajaan kita menitikberatkan supaya memberi satu sumbangan yang boleh diabdikan; sumbangan dia kepada Kerajaan dan negara dan bagi pihak negara pula kepada dia, sebagaimana yang telah dibuat oleh negara jiran tetangga kita seperti Rudy Hartono diberikan rumah, beberapa kemudahan untuk mereka ini supaya dapat lagi membangunkan dari segi sukan negara mereka. Boleh atau tidak bagi pihak Kerajaan kita menimbangkan dalam masalah ahli-ahli sukan kita yang meningkat di negara kita kerana sukan dari segi negara?

Datuk Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan mengambil perhatian atas cadangan itu.

Datuk Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tadi kalau tidak salah saya Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut di dalam memberi pekerjaan keutamaan diberi kepada ahli-ahli sukan sekiranya kedua permohonan ini mempunyai kelulusan yang sama. Bolehkah saya mendapat penjelasan sama ada ini satu polisi Kerajaan sepenuhnya atau di Kementerian ini sahaja.

Datuk Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, walaupun bukan satu polisi tetapi ini adalah satu galakan yang diberikan kepada ahli-ahli sukan negara.

RUMAH-RUMAH PANGSA/KOS RENDAH

23. Datuk Dr Wee Khoo Hock (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil supaya membina lebih banyak rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah kos rendah bagi penduduk-penduduk miskin di bandar dan mencapai matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga itu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya telah mengambil beberapa tindakan untuk membina lebih banyak rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah awam kos rendah yang juga akan dapat mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga. Tindakan-tindakan tersebut termasuk penubuhan Majlis Perundingan Kebangsaan mengenai perumahan yang dianggotai oleh wakil-wakil agensi Kerajaan dan badan-badan profesional. Majlis Perundingan ini sedang mengkaji beberapa aspek pembinaan perumahan seperti keupayaan, sektor pembinaan, bekalan bahan-bahan binaan dan sebagainya. Hasil kajian tersebut akan dapat digunakan oleh Kementerian ini untuk memperbanyak dan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek rumah awam kos rendah dalam Rancangan Malaysia Keempat.

SEKOLAH LUAR BANDAR—TARAF PELAJARAN

24. Tuan M. Mahalingam (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) rancangan beliau untuk meninggikan taraf pelajaran di luar bandar lain daripada kemudahan-kemudahan yang telah ada;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa salah satu penghalang besar bagi pelajar-pelajar meneruskan pelajaran ke institusi-institusi pengajaran tinggi ialah kerana kurangnya pengetahuan tentang pentingnya pelajaran tinggi dan juga masalah kewangan, jika sedar nyatakan langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa taraf pelajaran di setengah sekolah-sekolah luar bandar adalah tidak begitu memuaskan dan

sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, kemudahan-kemudahan yang lebih baik telah dan akan terus diperuntukkan kepada sekolah-sekolah yang berkenaan. Langkah-langkah lain yang di ambil untuk meninggikan taraf pelajaran sekolah-sekolah itu ialah:

- (1) Penempatan guru-guru yang berkelulusan dan terlatih ke sekolah-sekolah luar bandar.
- (2) Latihan semula guru-guru dengan mengadakan kursus dalam perkhidmatan untuk mengemaskini dan meninggikan taraf kaedah mengajar mereka.
- (3) Pembekalan buku-buku teks percuma untuk meringankan beban kewangan ibubapa terutama di luar bandar.
- (4) Menimbang cadangan untuk menambah lagi lain-lain perbelanjaan berulang tahun (OCAR) bagi sekolah-sekolah kecil di luar bandar.
- (5) Membaiki perkhidmatan perpustakaan sekolah-sekolah luar bandar.
- (6) Mengadakan pengajaran pemulihan bagi darjah-darjah rendah di sekolah-sekolah rendah.
- (7) Mengadakan rancangan makanan tambahan bagi semua sekolah-sekolah luar bandar.
- (8) Menyedarkan ibubapa tentang betapa pentingnya pelajaran melalui perkhidmatan media masa serta melalui Persatuan Ibubapa dan Guru.

Di samping itu di dalam laporan Jawatan-kuasa Pelaksanaan Dasar Pelajaran yang diumumkan baru-baru ini telah jua dibuat beberapa perakuan-perakuan dalam usaha untuk meninggikan taraf pelajaran di luar bandar. Di antara perakuan-perakuan yang sedang di teliti oleh Kementerian saya termasuklah:

- (i) Rancangan pencantuman sekolah-sekolah kecil di luar bandar diteruskan.
- (ii) Pembinaan asrama untuk mengumpulkan murid-murid dari sekolah-sekolah kecil ini.
- (iii) Bantuan pengangkutan bagi murid-murid yang akan berulang alik ke sekolah pusat.

- (iv) Peruntukan guru yang lebih kepada sekolah kecil di luar bandar jika tidak dapat dicantumkan.
- (v) Pertimbangan khas diberi untuk membekalkan kemudahan-kemudahan fizikal dan bahan-bahan kurikulum.

Untuk menjawab bahagian (b) kepada soalan ini, saya sedar bahawa kurangnya pengetahuan tentang pentingnya pelajaran tinggi dan masalah kewangan adalah di antara sebab-sebab yang menjadi penghalang kepada setengah-setengah pelajar-pelajar meneruskan pelajaran ke institusi-institusi pengajaran tinggi.

Untuk mengatasi perkara ini, Kementerian Pelajaran telah pun mengambil langkah-langkah yang positif untuk menjelaskan betapa pentingnya pelajaran tinggi kepada pelajar-pelajar luar bandar. Di antara langkah-langkah yang diambil:

- (i) Menyediakan rancangan panduan dan kerjaya dan juga guru-guru panduan yang boleh memandu murid-murid mengenai pelajaran tinggi.
- (ii) Menggalakkan Persatuan Ibubapa dan Guru ditubuhkan sebagai satu saluran yang mana ibubapa boleh diberitahu tentang pentingnya pelajaran tinggi.
- (iii) Menyediakan buku-buku di perpustakaan mengenai pelajaran tinggi dan panduan kerjaya.

Tentang masalah kewangan pula Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun menyediakan biasiswa untuk pelajar-pelajar yang layak untuk melanjutkan pelajaran tinggi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Saya cuma hendak membangkitkan dalam masalah rancangan iaitu Kementerian ini mencantumkan sekolah-sekolah kecil. Ini sangat baik. Dalam masalah percantuman ini adakah dimaksudkan Sekolah Kebangsaan sahaja atau Sekolah Jenis Kebangsaan.

Yang kedua, sekiranya rancangan ini dapat dilaksanakan bagaimana pula kedudukan bangunan-bangunan yang pada sekolah-sekolah asal itu, adakah Kementerian ini bermurah hati hendak memberikan bangunan-bangunan ini untuk kegunaan umum di kampung itu.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab pada soalan yang pertama tadi, rancangan ini termasuk semua Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan.

Di atas soal kedua tadi, belum dapat dipastikan dahulu apakah akan terjadi kepada bangunan-bangunan yang akan dipindah pelajar-pelajarnya daripada sekolah itu. Oleh sebab ada faktor-faktor yang begitu kompleks yang harus ditentukan. Kita tidaklah dapat menentukan polisi setakat ini seperti saya katakan tadi rancangan ini sedang diteliti oleh Kementerian Pelajaran.

HARGA BAJA/BAHAN KIMIA PERTANIAN

25. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa harga baja dan bahan-bahan kimia pertanian telah meningkat dan menambahkan kos pengeluaran kepada petani-petani yang kemudiannya memanjangkan beban itu kepada pembeli-pembeli, jika sedar apakah ikhtiar bagi menahan kenaikan harga tersebut yang pada umumnya didalihkan pada kenaikan harga minyak.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa harga baja dan bahan kimia yang digunakan oleh petani-petani telah meningkat baru-baru ini, meningkatnya harga barang-barang tersebut adalah disebabkan oleh kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia. Disamping itu harga bahan-bahan mentah untuk menghasilkan baja yang mana hampir kesemuanya diimport dari luar negeri dan barang-barang kimia juga telah meningkat.

Saya ingin memaklumkan bahawa barang-barang seperti baja, cuka getah dan ethral telah diistiharkan sebagai barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, dan bukan di bawah Akta Kawalan Harga. Perbezaannya ialah di bawah Akta Kawalan Bekalan tujuannya untuk memastikan bekalan yang mencukupi dalam negeri, menyekat "profiteering" dan menghapuskan perbuatan menyorok. Walau bagaimanapun Kementerian saya sedang dalam proses mengkaji samada kenaikan harga baja tersebut adalah menasabah atau tidak, jika tidak tindakan sewajarnya akan diambil.

BAYARAN SAGUHATI DARI TABUNG PERTAHANAN NEGARA

26. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- kadar bayaran saguhati atau ganjaran kepada anggota tentera kita yang mendapat kecederaan atau terkorban dalam menjalankan tugas mereka;
- adakah kadar bayaran itu akan dikaji semula untuk ditambah lagi pada masa akan datang; dan
- adakah kadar yang dibayar sekarang ini sama dengan kadar yang dibayar kepada anggota Pasukan Polis Di-Raja Malaysia.

Menteri Pertahanan Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua,

- Kadar bayaran saguhati akan diberi daripada Tabung Pertahanan Negara adalah seperti berikut:

Kematian	\$10,000.00
Cedera Parah yang mengakibatkan pemberhentian seseorang askar itu daripada perkhidmatan	\$ 5,000.00
Cedera Parah yang mengakibatkan penamatan perkhidmatan	\$ 2,000.00
Cedera Rengan	\$ 300.00

- Kadar-kadar ini adalah didapati memuaskan dan tidak akan ditambah pada masa sekarang. Sebarang tambahan mestilah dikaji dengan teliti berasaskan kepada kemampuan Tabung untuk membayar kadar-kadar yang lebih tinggi. Seperti Ahli Yang berhor-mat sedia maklum Tabung Pertahanan Negara adalah kutipan dari orang ramai dan isinya terhad. Di samping itu seseorang askar yang cedera atau waris orang yang meninggal dunia akan boleh mendapat bantuan daripada Sekim Perkhidmatan di bawah peraturan Kerajaan.
- Kadar-kadar ini adalah sama dengan kadar yang dibayar kepada anggota Pasukan Polis Di-Raja Malaysia.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, sama ada Yang Berhormat Menteri dapat menjawab, apakah bantuan selanjutnya yang diberi kepada anak-anak anggota tentera yang terkorban dalam menjalankan tugas mereka terhadap negara?

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pelajaran, amalan kami sekarang ini ialah untuk mendapatkan biasiswa bagi kanak-kanak askar yang telah meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 27 hingga 45 adalah diberi di bawah ini.)

PROJEK JALAN-JALAN LUAR BANDAR

27. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kumpulanwang pembangunan yang telah diuntukkan dan diberi kepada negeri Pahang dalam tahun 1979 di bawah butiran 8 iaitu "Jalan di Luar Bandar" (Maksud Pembangunan 8 berjumlah \$165,000,000) dan berikan senarai nama-nama jalan luar bandar di Negeri Pahang yang dibina daripada kumpulanwang tersebut.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Untuk makluman Yang Berhormat itu, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (RMT) sebanyak \$32.38 juta telah diluluskan bagi projek jalan-jalan luar bandar Negeri Pahang, dan peruntukan ini telah ditambah menjadi \$67.87 juta oleh kerana kenaikan kos projek. Jumlah tersebut diperuntukkan untuk membiayai pelaksanaan sebanyak 55 projek jalan sepanjang 285 batu.

Daripada jumlah tersebut sebanyak \$15 juta adalah diperuntukkan dalam tahun 1979. Projek-projek tersebut adalah terdiri daripada projek yang dilaksanakan sendiri oleh pihak JKR Negeri Pahang dan juga projek di bawah kontrek Package "C". Jumlah yang dibelanjakan daripada peruntukan bagi tahun 1979 itu ialah sebanyak \$10.66 juta yang meliputi pembinaan jalan-jalan luar bandar

sepanjang 54.4 batu. Jalan-jalan yang dibina dalam tahun 1979 dengan peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Projek-projek yang dilaksanakan oleh J.K.R. Negeri Pahang.
- | | |
|---|----------|
| (i) Jalan Teluk Sentang/Temerloh/Paya Perak lipat Kijang, Temerloh | 3.0 batu |
| (ii) Jalan Kuala Krau/Penderas, Temerloh | 1.0 batu |
| (iii) Jalan Kuala Krau/Ulu Cheka, Temerloh | 7.0 batu |
| (iv) Jalan Keranbit/Tanjung Buluh/Jeram Landak, Jerantut | 3.5 batu |
| (v) Jalan Gintong/Tanah Nyior, Jerantut | 4.0 batu |
| (vi) Jalan Simpang Kallang, Raub | 3.0 batu |
- (b) Projek-projek di bawah Kontrek Package C.
- | | |
|---|-----------|
| (i) Jalan Kampong Soi/Kampong Penor/Cherok Paloh/Ubai/Termasuk Tanjong Lumpur, Kuantan | 25.4 batu |
| (ii) Jalan Pandan I, Kuantan ... | 3.5 batu |
| (iii) Jalan Pandan II, Kuantan ... | 2.5 batu |
| (iv) Jalan Jaya Gading, Kuantan | 1.5 batu |

LAYANAN KEPADA KONTRAK BUMIPUTRA

28. Dato Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samaada beliau sedar bahawa kerja-kerja kontrak yang dijalankan oleh Bumiputra selalu lambat mendapat bayaran dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil supaya kontrak-kontrak Bumiputra akan mendapat layanan dan kemudahan yang lebih baik.

Dato S. Samy Vellu: Saya sedar mungkin ada setengah-setengah bayaran kemajuan kerja-kerja kontrak yang dijalankan oleh pemborong-pemborong Bumiputra lambat dibayar. Saya amat memandang berat atas perkara ini dan mengesyorkan supaya pemborong-pemborong berkenaan mengemukakan pengaduan secara terus kepada saya dengan memberi butir-butir yang lengkap supaya siasatan yang rapi dapat dijalankan. Jika benar-benar didapati mana-mana pegawai yang bersalah dalam perkara ini tindakan "surcharge" serta disiplin akan dikenakan ke

atas pegawai-pegawai yang terlibat. Pegawai-pegawai saya telah diarah supaya membuat bayaran atas tiap-tiap tuntutan dalam tempoh sebulan dari menerima tuntutan.

Bagaimanapun mungkin juga kelengahan mendapat bayaran berpunca dari pemborong-pemborong sendiri. Misalnya mungkin dakwaan bahawa satu-satu kemajuan kerja itu telah mencapai peratus yang sepatutnya melayakkan bayaran kemajuan didapati tidak mencapai peratus sebenar setelah diperiksa oleh Pegawai Penyelia di tapak projek. Dalam keadaan sedemikian tuntutan belum boleh dibayar.

HUBUNGAN MALAYSIA-VIETNAM

29. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) kedudukan perhubungan Malaysia dan Vietnam sekarang; dan
- (b) bilangan anggota diplomatik Vietnam yang bertugas di Kuala Lumpur.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):

- (a) Hubungan dua-hala di antara Malaysia dan Vietnam adalah berterusan dengan mesra dan persahabatan. Kedua-dua negara percaya bahawa hubungan ini adalah sejajar dengan keinginan kedua-dua pihak untuk bekerjasama antara satu sama lain bagi kepentingan dan faedah bersama. Ini juga merupakan minat keseluruhannya untuk mengujudkan keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara ini.

Oleh kerana itu, Malaysia dan Vietnam ingin meneruskan dialog dan ini boleh dilakukan melalui pertukaran lawatan antara kedua negara seperti lawatan saya ke Hanoi pada bulan Januari lalu. Seperti Ahli Yang Berhormat sudah maklum, Menteri Luar Vietnam Encik Nguyen Co Thach telah menerima jemputan saya untuk membuat lawatan rasmi ke Malaysia dalam sedikit masa lagi bagi membalas lawatan saya ke Hanoi terdahulu itu.

- (b) Buat masa ini, terdapat empat orang anggota Diplomatik Vietnam di Kedutaan Besarnya di Kuala Lumpur.

BADMINTON DAN HOKI— MUTU SUKAN

30. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa taraf permainan badminton dan hoki di negara kita telah merosot dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meninggikan kembali taraf permainan sukan ini serta galakan yang diberikan kepada pemain-pemain pasukan negara kita.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad Idris): Adalah sukar bagi menyatakan sama ada mutu sukan badminton dan hoki kita merosot atau tidak. Yang jelasnya, negara kita agak ketinggalan dalam mengikuti kemajuan sukan badminton dan hoki ini. Jika dibandingkan dengan prestasi pemain-pemain negara lain, kemungkinan kadar kemajuan yang dicapai oleh negara-negara lain lebih pesat daripada kadar kemajuan yang dicapai oleh pemain-pemain Malaysia.

Untuk memperbaiki keadaan ini, beberapa program telah dilancarkan dan di antaranya adalah seperti berikut:

(i) *Skuad Badminton Remaja Kebangsaan*

Skuad ini telah pun dimulakan pada awal tahun ini. Sebuah Jawatankuasa bersama antara Kementerian ini, Persatuan Badminton Malaysia dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia telah pun ditubuhkan. Skuad Remaja Kebangsaan ini sedang mengikuti latihan sepanjang tahun disamping menyertai semua kejohanan-kejohanan serkit (Circuit) Kebangsaan. Mereka juga akan dipertimbangkan bagi menyertai pertandingan-pertandingan di luar negeri. Matlamat skuad ini ialah Kejohanan Piala Thomas tahun 1982. Dari segi kebajikan, pemain-pemain Kumpulan Remaja di atas ditempatkan di Kuala Lumpur, di bawah satu bumbung dan bagi yang menganggur, pekerjaan untuk mereka sedang diusahakan oleh Jawatankuasa Bersama. Bagi yang sedang menuntut, usaha-usaha membantu mereka dari segi tuition sedang dijalankan.

(ii) *Pasukan Remaja Hoki*

Memang diakui bahawa prestasi pasukan Hoki Kebangsaan kita telah menurun jika ianya dipandang dari segi kedudukan tempat di pertandingan antarabangsa. Dari kesedaran ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan program 3 tahun untuk mengujurkan satu pasukan yang baru, iaitu pasukan remaja (Junior Team).

Untuk mengukur sejauh manakah "performance" Pasukan Remaja ini telah meningkat, kita telah menghantar pasukan ini ke Kejohanan Hoki Remaja Antarabangsa yang diadakan di Paris, dalam tahun 1979 dan pasukan ini telah mendapat tempat ke 4.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mencuba dan berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan peluang pekerjaan kepada beberapa pemain Kebangsaan dan pada masa ini kesemua pemain Hoki Kebangsaan telah mendapat pekerjaan.

PINJAMAN PERUMAHAN TANPA FAEDAH

31. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan menimbang memberi pinjaman perumahan 100% tanpa faedah atau faedah syarat "token" sahaja kepada pembeli-pembeli rumah kos murah.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Saya mengucapkan terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Kementerian saya menimbang pemberian pinjaman perumahan 100% tanpa faedah atau dengan kadar faedah syarat "token" kepada pembeli-pembeli rumah kos rendah. Buat masa ini, Kementerian saya tidak bercadang untuk memberi pinjaman perumahan tanpa faedah atau faedah syarat "token" kepada pembeli-pembeli rumah awam kos rendah kerana tiada-tiap Kerajaan Negeri yang menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek-projek perumahan

awam kos rendah perlu membayar faedah sebanyak 4% semasa menjelaskan pinjaman tersebut. Oleh yang demikian Kerajaan-kerajaan Negeri telah dibenarkan mengenakan bayaran faedah kepada tiap-tiap pembeli rumah kos rendah sebanyak 5½% untuk membantu membiayai sebahagian daripada kos pentadbiran yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat faedah yang dikenakan adalah lebih rendah daripada faedah purata yang ditetapkan oleh bank-bank atau institusi-institusi kewangan bagi pinjaman perumahan.

PERUSAHAAN GETAH VIETNAM— BANTUAN MALAYSIA

32. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilangan pakar-pakar getah Malaysia yang dihantar ke Vietnam untuk memulihkan perusahaan getahnya dan apakah bantuan Vietnam kepada Malaysia sebagai membalas jasa baik kita.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Dalam menjawab soalan ini saya percaya Ahli Yang Berhormat merujuk kepada lawatan ke Vietnam pada tahun 1977 untuk membuat kajian bagi memulihkan perusahaan getah Vietnam. Lawatan ini dibuat atas permintaan pihak Vietnam dan ianya selaras dengan pengu-muan negara-negara di rantau ini untuk memberikan kesanggupan mereka untuk membantu Vietnam dalam usahanya memulihkan ekonominya. Seramai tujuh (7) orang pakar-pakar getah Malaysia termasuk pegawai Kedutaan Malaysia di Hanoi dan seorang pegawai di Kementerian Luar Negeri telah membuat lawatan ke Vietnam pada tahun 1977 untuk tujuan penilaian bagi memulihkan perusahaan getah Vietnam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bantuan-bantuan Malaysia di dalam bidang getah kepada Vietnam itu bukanlah dengan tujuan untuk kita mendapat apa-apa faedah secara terus. Sebaliknya bantuan ini lebih merupakan bantuan berbentuk kerjasama antarabangsa terutama antara negara-negara pengeluar getah asli. Dalam hubungan ini Malaysia memberikan bantuan bagi memulih dan membangunkan perusahaan getah Vietnam adalah selaras dengan hasrat dan usaha

Malaysia bagi menambahkan pengeluaran getah dunia berikutan dari jangkaan kekurangan bahan tersebut di tahun-tahun lapan puluhan.

Walau bagaimanapun, berikutan dari teretusnya kekacauan di Kampuchea, bantuan Malaysia kepada Vietnam telah digantung.

BANGUNAN KEDUTAAN MALAYSIA DI AMERIKA SYARIKAT

33. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah membeli sebuah bangunan di Bandaraya di Amerika Syarikat.

Tengku Dato Ahmad Rithaudeen Al-haj: Kementerian saya sekarang mempunyai sejumlah tiga (3) buah bangunan di Amerika Syarikat terletak di Washington D.C. Bangunan-bangunan tersebut terdiri dari 2 buah pejabat dan satu rumah kediaman rasmi Duta Besar.

Bangunan Canseri dan rumah kediaman rasmi telah dibeli dalam tahun 1957, sementara Canseri tambahan telah dibeli dalam tahun 1979 untuk mengatasi masalah kekurangan ruang pejabat.

TARAF PEREMPUAN ASING YANG BERKAHWIN DENGAN WARGA- NEGARA MALAYSIA SELEPAS 6-2-80

34. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa memandangkan kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian beliau baru-baru ini berhubung dengan isteri-isteri dari warganegara asing, bolehkah beliau menerangkan tentang taraf isteri-isteri asing warganegara Malaysia yang berkahwin selepas tarikh 6hb Februari, 1980.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Mohamad Ghazali bin Shafie): Bagi perempuan-perempuan asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia selepas 6-2-1980, sebelum permohonan mereka untuk mendapatkan taraf penduduk tetap di negara ini dapat dipertimbangkan, mereka perlulah membuktikan bahawa mereka telah berkahwin dan tinggal bersama suaminya bagi satu tempoh selama 5 tahun berterusan. Jelasnya,

hanya permohonan-permohonan dari mereka yang telah tinggal bersama suaminya selama 5 tahun berterusan sahaja akan dipertimbangkan. Kementerian saya tidak lagi akan mengeluarkan Pas Lawatan di atas sebab perkahwinan.

PELAJAR-PELAJAR MENYAMBUNG PELAJARAN KE LUAR NEGERI

35. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil usaha-usaha yang telah dibuat untuk mendapat banyak lagi tempat di Universiti-universiti asing bagi pelajar-pelajar Malaysia semenjak Kerajaan United Kingdom menaikkan yuran-yuran persekolahan bagi pelajar-pelajar dari seberang laut.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Kementerian saya memang berusaha sedaya upaya mencari peluang-peluang pelajaran bagi pelajar-pelajar kita untuk menyambung pelajaran mereka keluar negeri dengan mengadakan perbincangan-perbincangan mengenai perkara tersebut di antara Kementerian saya dengan pihak berkenaan di luar negeri untuk mendapatkan peluang pelajaran bagi pelajar-pelajar Malaysia. Semasa lawatan saya ke Australia dan New Zealand pada 12hb November, 1979 untuk menghadiri mesyuarat Tahunan Persatuan Parlimen Komenwel yang diadakan di Wellington, New Zealand, saya telah diberi jaminan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan kedua-dua negara tersebut bahawa mereka akan terus mengamalkan dasar terbuka berkaitan dengan pengambilan pelajar-pelajar asing dan tidak bercadang mengadakan sekatan ke atas bilangan pelajar-pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka di negara-negara tersebut.

Mengenai jumlah tempat yang diberikan oleh tiap-tiap negara, ini adalah bergantung kepada polisi negara-negara berkenaan. Misalnya negara-negara Australia dan New Zealand mengamalkan dasar terbuka berkaitan dengan pengambilan pelajar-pelajar asing. Jumlah tempat yang diberikan adalah bergantung kepada bilangan pemohon yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pusat-pusat pengajian di sana. Di samping itu ada juga negara-negara yang menetapkan jumlah tempat yang tertentu

kepada pelajar-pelajar asing seperti negara India dan Pakistan, terutamanya dalam bidang kedokteran dan Farmasi, tetapi jumlah tempat yang diperuntukkan adalah berubah dari masa ke semasa.

Selain dari itu baru-baru ini saya juga telah mendapat tawaran dari Negeri Jerman Barat untuk menempatkan 50 orang pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka ke pelajaran tinggi di negara itu mulai Sessi 1980/1981 ini.

Saya juga akan berlepas ke Paris pada akhir bulan ini untuk menghadiri mesyuarat UNESCO di mana saya akan mengambil kesempatan itu untuk menemui dan berbincang dengan Menteri Pelajaran Perancis tentang kemungkinan mendapatkan tempat belajar di Institusi-Institusi Pelajaran tinggi di negara tersebut.

BANTUAN PERUNTUKAN KE SEKOLAH-SEKOLAH

36. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan harga barang-barang keperluan sekolah semakin meningkat sama ada Kementerian Pelajaran bercadang mengkaji, menyemak dan menaikkan bantuan ke sekolah-sekolah termasuk peruntukan untuk pengajaran Hisab/Sains, Seni Lukis, Sains Rumah-tangga dan Perkembangan Perpustakaan.

Dato' Musa bin Hitam: Kementerian saya memang sedar tentang kekurangan beberapa bantuan yang diberi kepada sekolah-sekolah dan oleh itu pengkajian secara menyeluruh sedang dibuat supaya kadar bantuan ini dapat disesuaikan dengan keadaan sekarang. Kajian ini meliputi kadar bantuan antara lainnya ialah kadar belanja berulang tahunan untuk pengurusan sekolah, termasuk penyelenggaraan bangunan serta kawasan, kadar bayaran api dan air, kadar bantuan bagi mata-mata pelajaran seperti Sains, Ilmu Hisab, Urusan Rumah-tangga, Sains Perusahaan, Sains Pertanian, Perdagangan dan Lukisan. Pengkajian ini adalah juga berkait dengan Lapuran Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran yang baru sahaja diterima oleh Kerajaan dan apabila perkara ini telah selesai kadar-kadar baru itu akan cuba dilaksanakan dengan seberapa segera.

LAWATAN WAKIL PEMBEBASAN AFGHANISTAN KE MALAYSIA

37. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa wakil pembebasan Afghanistan yang melawat Malaysia baru-baru ini telah diperintah meninggalkan negara ini.

Tan Sri Haji Mohammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, adalah tidak benar wakil-makil pembebasan Afghanistan tersebut diperintah meninggalkan negara ini. Mereka telah datang pada 31-1-1980 dan kembali ke negaranya pada 9-2-1980, walaupun Pas Lawatan yang dikeluarkan kepada mereka tamat pada 13-2-1980.

AKTA PENYALAHGUNAAN DADAH

38. Datuk Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang hendak meminda Akta Penyalahgunaan Dadah yang ada sekarang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Semakan ke atas Ordinan Dadah Merbahaya 1952 sedang dibuat dengan tujuan memperkemaskan lagi apa-apa kelemahan supaya matlamat Kerajaan menghapuskan masalah dadah akan tercapai.

ORDINAN SETEM, 1949—PINDAAN

39. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau bersedia mengkaji semula dan meminda Ordinan Setem, 1949 supaya Kuala Lumpur dapat dijadikan sebuah pusat kewangan negara.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Adalah dimaklumkan bahawa Ordinan Setem sedang dikaji sekarang ini dan tentu sekali kajian ini akan mengambil kira berbagai-bagai matlamat yang Kerajaan hendak capai. Walau bagaimanapun, pindaan kepada Ordinan Setem sahaja tidak akan menjamin bahawa Kuala Lumpur akan menjadi pusat kewangan.

PERGERAKAN PENGGUNA

40. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada bantuan kewangan yang dijanjikan oleh beliau pada akhir tahun 1979 kepada Pergerakan Pengguna telah diberi atau belum.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Bantuan Kewangan berjumlah sebanyak \$106,430 telah pun diberi kepada Pergerakan Pengguna melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam tahun 1979. Bagi tahun 1980, peruntukan sebanyak \$100,000 telah pun diluluskan. Patutlah juga disebutkan bahawa sumbangan kewangan kepada Pergerakan Pengguna adalah menunjukkan hasrat Kerajaan untuk meneguhkan Pergerakan tersebut yang didapati masih lemah, agar Pergerakan ini dapat membantu usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan semangat "Consumerism" di kalangan rakyat amnya dan melawan kenaikan harga barang-barang yang tidak berpatutan khususnya. Sungguhpun begitu, Pergerakan Pengguna tidaklah patut mengharapkan bantuan sepenuhnya secara berterusan daripada Kerajaan. Malah, bantuan Kerajaan hendaklah dianggap sebagai subsidi sahaja dan Persatuan-persatuan Pengguna hendaklah berusaha lebih giat lagi untuk menambah sumber kewangan mereka sendiri supaya mereka akhirnya dapat menjalankan kegiatan-kegiatan tanpa bantuan langsung dari Kerajaan. Di samping itu bantuan kewangan yang diberikan itu adalah bergantung kepada program-program aktiviti mereka yang dikemukakan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

BAS MINI—PERMIT

41. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah permit Bas Mini yang telah dikeluarkan dalam tahun 1978 dan 1979 mengikut kaum; dan
- (b) sama ada beliau bercadang untuk mengeluarkan lebih banyak permit pada masa yang akan datang, jika tidak, mengapa?

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman):

- (a) Tidak ada permit-permit Bas Mini yang dikeluarkan dalam tahun 1978 dan 1979.
- (b) Buat masa ini tidak ada cadangan untuk menambah atau mengeluarkan lagi bas mini. Tiap keperluan adalah dikaji dengan mendalam dan adalah difikirkan yang dikehendaki adalah bas biasa yang boleh membawa lebih banyak penumpang.

PELAJAR-PELAJAR KE LUAR NEGERI—BANTUAN

42. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan-tindakan yang sedang diambil untuk menolong pelajar-pelajar kita di seberang laut khasnya mereka yang sedang menuntut di United Kingdom yang membayar yuran yang tinggi di universiti-universiti dan nyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah kumpulan wang untuk menolong mereka yang memerlukan bantuan.

Dato Musa bin Hitam: Sebagaimana Yang Berhormat dan Dewan maklum, bagi tujuan membantu pelajar-pelajar kita yang berada di United Kingdom yang mengalami kesulitan akibat daripada kenaikan yuran pengajian, Kementerian Pelajaran telah pun menubuhkan satu tabung di bawah Kumpulan Wang Kemudahan dan Kebajikan Pelajar-pelajar di United Kingdom dan Eire. Tabung ini adalah bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang terlibat dengan kenaikan yuran pengajian ini dan ianya akan dikuatkuasakan dalam tahun 1980. Untuk tahun 1980, peruntukan tambahan sebanyak \$300,000 telah diluluskan untuk tabung ini. Tabung ini kemudiannya juga telah menerima sumbangan derma sebanyak \$50,000 menjadikan jumlah besarnya sebanyak \$350,000.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi melicinkan pentadbiran Kumpulan Wang Kemudahan dan Kebajikan Pelajar-pelajar di United Kingdom dan Eire, Kementerian Pelajaran telah meminda peraturan-peraturan akaun amanah dan pindaan-pindaan ini telah dihantar kepada Perbendaharaan untuk mendapat persetujuan.

Bagi makluman Yang Berhormat tabung yang bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar ini akan dikelolakan oleh Pengarah, Jabatan Penuntut Malaysia London di bawah arahan Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran. Borang-borang permohonan di sediakan oleh Jabatan Penuntut Malaysia London dan setiap permohonan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan tersebut. Kuasa meluluskan pinjaman yang mana dicadangkan tidak akan melebihi 50% daripada jumlah yuran yang dikenakan, terletak secara mutlak di tangan Pengarah, Jabatan Penuntut Malaysia, London.

WORLD CONSERVATION STRATEGY— RUMUSAN PERHUTANAN

43. **Datuk Dr Wee Khoon Hock** minta Menteri Perusanaan Utama menyatakan berasaskan pandangan yang diberi oleh "World Conservation Strategy" pada 5hb Mac, 1980 bahawa hutan Malaysia, Indonesia dan Filipina akan hapus dalam tahun 2000;

- (a) sama ada Kementerian beliau akan menganjurkan satu dialog dengan negara-negara Asean yang terlibat untuk memelihara hutan di rantau ini;
- (b) jumlah ekar hutan di Malaysia yang telah dikerjakan dalam tahun 1979 dan yang telah ditanam semula;
- (c) jumlah ekar hutan di Malaysia yang telah dikerjakan dalam tahun 1979 untuk pengeluaran kayu balak; dan
- (d) langkah-langkah yang telah diambil untuk mempercepatkan rancangan "reforestation" dalam negara kita.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Pandangan yang diberi oleh "World Conservation Strategy" itu adalah merupakan satu rumusan dan pendapat secara umum yang dibuat oleh Persidangan tersebut. Ianya bukanlah merupakan satu pendapat yang muktamad mengenai perhutanan di rantau ini khasnya di negara kita Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian saya menganggap bahawa pandangan seperti itu adalah sangat berguna kerana ia memberi ingatan kepada kita supaya menyedari akan hakikat bahawa sumber hutan bukanlah satu sumber yang berkekalan dan, untuk menjamin bekalan masa hadapan langkah-langkah segera perlu diambil dari sekarang juga. Langkah-langkah seperti mengurangkan kadar pembalakan tahunan dan menghutan semula kawasan-kawasan yang telah diusahakan adalah tindakan yang boleh menjamin bekalan sumber hutan yang berterusan.

Mengenai soalan bahagian (a), saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya melalui Jabatan Perhutanan telah mengadakan beberapa mesyuarat melalui Jawatankuasa Tetap Asean mengenai hal ehwal ekonomi yang termasuk perkara mengenai perhutanan. Setakat ini kerjasama di antara negara-negara Asean dalam bidang perhu-

tanan telahpun diadakan dan beberapa projek untuk faedah bersama telah dicadangkan, sebahagian darinya telah dilaksanakan dan yang lain itu masih dalam pertimbangan.

Bagi menjawab soalan (b) dan (c) sukalah saya menyatakan di sini bahawa dalam tahun 1979, kira-kira 790,000 ekar hutan di Semenanjung Malaysia telah dibalak yang mana lebihkurang 250,000 ekar adalah dari kawasan Hutan Simpanan dalam tempoh yang sama, kawasan seluas kira-kira 50,824 ekar telah dipulih semula melalui rawatan silvikalcar, tanam mengaya dan penubuhan ladang hutan.

Mengenai soalan (d) pula, saya suka menyatakan bahawa rancangan "reforestation" ataupun pembangunan hutan adalah diberi perhatian berat oleh Kementerian saya. Dasar Perhutanan Negara yang telah diluluskan oleh Majlis Perhutanan Negara pada 29hb Ogos, 1977 dan seterusnya disahkan oleh Majlis Tanah Negara pada 10hb April, 1978 telah diterima oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan sedang dalam pelaksanaan. Satu daripada Dasar yang dipersetujui ialah penubuhan Hutan Simpan Kekal oleh semua negeri di mana pengurusan sumber hutan atas prinsip "sustained-yield" akan dilaksanakan. Juga kawasan Hutan Simpan Kekal, Kementerian saya adalah sekarang ini sedang menimbangkan satu program menghutan semula dengan menanam pokok-pokok jenis cepat membesar. Kertas Jumaah Menteri mengenai perkara ini telahpun diedarkan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk pandangan mereka. Ini adalah bertujuan untuk menambah bekalan kayu-kayan negara.

BAYARAN LESEN BELAJAR MEMANDU

44. **Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mengurangkan bayaran Lesen Belajar Memandu (Lesen L) ke kadar yang lebih rendah daripada \$20.00.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Kerajaan tidak bercadang hendak mengurangkan bayaran Lesen Belajar Memandu seperti yang ada sekarang ini.

KAIN BATIK LUAR NEGERI— ANCAMAN PERNIAGAAN

45. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar perniagaan pembatik-pembatik di Pantai Timur sekarang ini sedang terancam oleh kemasukan kain-kain batik keluaran negara-negara jiran seperti dari Thailand dan Singapura. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasinya.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Sukacita saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa saya memang sedar yang kain-kain batik dari luar negeri termasuk dari Thailand dan Singapura boleh diimport ke negara kita secara bebas. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mulai 9hb September, 1976 sekatan import ke atas kain termasuk kain-kain batik telah dibatalkan dan pengimportan adalah dibenarkan secara bebas tanpa apa-apa lesen import. Tetapi sebagai langkah untuk melindungi perusahaan pembatik tempatan satu cara perlindungan cukai telah dikenakan untuk setiap pengimportan kain-kain batik ke negara kita di mana Kerajaan telah mengenakan cukai import sebanyak 50% atau \$1.20 sen untuk satu meter kain batik berasaskan yang mana lebih tinggi di samping 5% cukai tokok dan 5% cukai jualan. Di samping itu dari masa ke semasa pihak Kerajaan telah memberi pengecualian cukai import dan cukai jualan sepenuhnya dan mengurangkan cukai tokok ke atas kain-kain putih yang diimport oleh persatuan-persatuan pembatik untuk kegunaan ahli-ahlinya.

Berasaskan keterangan-keterangan di atas saya fikir perusahaan pembatik di Pantai Timur berkemampuan untuk menandingi jualan kain-kain batik yang diimport. Tetapi jika sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu lebih merupakan pengimportan secara haram/penyeludupan kain-kain batik dari Thailand dan Singapura yang mengancam perniagaan pembatik-pembatik di Pantai Timur silalah Ahli Yang Berhormat itu menghubungi Bahagian pencegahan, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja agar siastan dan tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PER- ATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Datuk Pengirau Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JURURAWAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Jururawat 1950.

Akta Jururawat 1950 memperuntukkan pendaftaran bagi para Jururawat. Akta tersebut telah berkuatkuasa di Sarawak pada 1hb November 1969 dan di Sabah pada 1hb Januari 1978. Dengan itu semua pengamal

dalam bidang kejururawatan termasuk mereka di peringkat auxiliary umpamanya Jururawat Masyarakat di Sarawak dan Jururawat Desa di Semenanjung Malaysia adalah ditakluk kepada satu undang-undang sahaja iaitu Akta Jururawat 1950. Kementerian ini telah mendapati bahawa pindaan-pindaan pada beberapa seksyen Jururawat 1950 ini adalah perlu oleh kerana :

- (a) Amalan-amalan dalam peruntukan-peruntukan yang pada waktu ini difikirkan tidak perlu;
- (b) Pemakaian atau keperluan Akta tersebut di negeri Sabah;
- (c) Keperluan memperuntukan pendaftaran bagi kategori-kategori baru kakitangan Jururawat.

Seksyen 4 (1) Akta Jururawat 1950 ini memerlukan nama-nama semua orang yang disenaraikan dalam daftar Jururawat disiarkan setiap tahun menerusi Warta Kerajaan. Ianya didapati membebankan dan tidak berfaedah. Oleh itu pindaan kepada seksyen ini dicadangkan dengan tujuan menghapuskan keperluan tersebut.

Seksyen 4 (2) memerlukan supaya Akta Jururawat mengandungi beberapa bahagian iaitu satu bahagian umum dan beberapa bahagian-bahagian tambahan dengan tiap-tiap bahagian mengandungi nama orang-orang yang terlibat dalam bidang kejururawatan umum dan bidang kejururawatan yang lain. Ada beberapa pindaan yang dicadangkan kepada bahagian-bahagian tambahan di bawah seksyen ini seperti terkandung di dalam huraian dalam Rang Undang-undang ini.

Seksyen 4 (3) memerlukan supaya dalam perbicaraan-perbicaraan salinan Warta Kerajaan yang mengandungi senarai nama-nama jururawat dalam Akta Jururawat dijadikan sebagai bukti pendaftaran. Oleh kerana peruntukan penyiaran Daftar Jururawat dalam Warta Kerajaan tiap-tiap tahun dicadangkan supaya dihapuskan seperti yang saya sebutkan tadi maka peruntukan tersebut dalam seksyen ini dicadangkan supaya dihapuskan juga. Adalah memadai perakuan di bawah tandatangan Pengerusi Lembaga Jururawat dijadikan bukti pendaftaran.

Seksyen 5 (2) (b) memerlukan supaya semua peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mengandungi peruntukan yang memerlukan latihan yang bertujuan untuk membolehkan seseorang itu didaftarkan dalam Daftar Jururawat dijalankan di sebuah Institusi yang diakui atau dalam perkhidmatan Kejururawatan Angkatan Bersenjata United Kingdom. Pindaan yang dicadangkan ke atas peruntukan ini ialah menghapuskan alternatif menjalani latihan dalam perkhidmatan Kejururawatan Angkatan Bersenjata United Kingdom dan memasukkan satu peruntukan tambahan untuk menetapkan:

- (a) kalayakan untuk memasuki sebuah Institusi yang diakui; dan
- (b) Kursus pengajaran yang diberi dalam Institusi itu.

Seksyen 5 (2) (c) memperuntukkan pendaftaran di Sarawak bagi orang-orang yang ditakrifkan sebagai "existing nurse" selepas 2 tahun, peraturan ini berkuatkuasa di Sarawak. Peruntukan ini akan dihapuskan kerana ianya tidak perlu lagi.

Seksyen 6 (1) memperuntukkan hak bagi jururawat yang berdaftar dengan Majlis Pendaftaran Jururawat United Kingdom dan Irish Republic untuk mendaftarkan diri di bawah Akta Jururawat. Peruntukan ini akan dihapuskan untuk memansuhkan hak tersebut. Walau bagaimanapun, pemansuhan peruntukan ini tidak akan menghalang mereka yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Jururawat untuk memohon supaya didaftarkan di bawah Akta ini. Mereka boleh berbuat demikian sebagaimana yang diperuntukan di bawah seksyen 6 (2).

Seksyen 10 memperuntukkan hukuman-hukuman bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen tersebut. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ialah untuk menambahkan denda-denda yang dikenakan supaya ianya selaras dengan keadaan sara hidup sekarang.

Memandangkan keadaan sekarang dan sebab-sebab yang diuraikan di atas, maka adalah perlu seksyen-seksyen berkenaan dalam Akta Jururawat 1950 itu dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan undang-undang bernama Akta Jururawat (Pindaan) 1980 supaya diluluskan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Satu Akta untuk meminda Akta Jururawat, 1950 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Bernormat Datuk Haji Ahmad Arshad.

3.42 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Rang Undang-undang Suatu Akta untuk meminda Akta Jururawat, 1950 yang telah dibenarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dengan hujah-hujah atas pindaan itu. Saya cuma hendak meminta huraian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Menurut hemah saya jururawat ini ada 5; Jururawat Gigi, Jururawat Sakit Otak, Jururawat Biasa, Jururawat Desa dan juga Jururawat yang berkelulusan daripada United Kingdom. Apa yang saya minta penjelasan dalam masalah ini adakah kelima-lima jururawat yang saya sebut ini sama tugasnya yang mana kita adalah mempunyai Pengerusi Lembaga Jururawat Malaysia.

Saya menyebut dalam masalah Jururawat Desa ini Tuan Yang di-Pertua, selalu ditimbulkan oleh penduduk-penduduk luar bandar bahawa jururawat ini tidak dapat melayan dengan begitu sempurna bila mereka menghendakkan ubat yang mereka telah ditimpa sakit-sakit kecil. Masalah ini pernah jururawat itu mengemukakan bahawa kejadian kes ini kami tidak boleh layan, terpaksa dibawa ke pengetahuan doktor. Saya minta penjelasan ini sekiranya dalam latihan yang kita berikan kepada Jururawat Desa ini apa salah dibolehkan mereka memberikan ubat-ubat sakit yang kecil-kecil itu, ini menyenangkan penduduk luar bandar supaya tidak pergi ke bandar berjumpa dengan doktor.

Yang kedua, masalah Jururawat yang daripada United Kingdom ini. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan boleh didaftarkan di bawah Lembaga Jururawat Malaysia. Saya ingin tahu adakah juru-

rawat ini juga dikehendaki supaya menerima latihan di Pusat Jururawat kita di Malaysia ini supaya dapat diselaraskan ilmu pengetahuan dan rawatannya dengan keadaan sakit yang ada dalam tanahair kita ini memang ada berbeza dengan penyakit-penyakit yang ada di United Kingdom sana.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Jururawat Biasa ini, saya bagi pihak rakyat memanglah memuji atas usaha yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan selama ini telah memberikan latihan yang begitu baik kepada Jururawat kita dan melayan pesakit-pesakit. Walau ada timbul sungutan-sungutan, itu saya harap pihak jururawat hendaklah memikirkan itu adalah perkara kecil sebab yang datang kepada mereka itu ialah pesakit memang mempunyai berbagai ragam. Saya mengharapkan dengan kesabaran pinak jururawat mengndapi pesakit-pesakit, khasnya pesakit-pesakit daripada luar bandar, keadaan ini akan lagi mendatangkan perhubungan antara pesakit-pesakit luar bandar dengan Jabatan Kesihatan yang telah Kerajaan tempatkan jururawat di tempat itu. Ada kalanya sungutan yang dibuat oleh penduduk luar bandar atas kekasaran setengah-setengah jururawat. Ini kita tidak boleh nafikan dan perkara ini boleh diperbetulkan dengan adanya perasaan muhibbah antara dua golongan ini.

Saya memandang, Tuan Yang di-Pertua, jururawat ini juga tidak kurang diancam oleh pesakit-pesakit di hospital-hospital sebab pesakit-pesakit yang begitu lama duduk di hospital bila dirawat oleh jururawat ini macam-macam dugaan, tentangan dan kadangkala mendatangkan satu kelakuan yang merupakan seks antara pesakit dengan jururawat. Kalau jururawat berjumpa dengan keadaan ini saya harap jangan dilayan mereka sebab manusia ini sudah lama duduk di situ macam-macam timbul. Bila saya cakapkan ini kita juga dengar ada jururawat-jururawat yang dirogol oleh doktor-doktor kita, jadi betapa ganasnya doktor-doktor yang seumpama ini dan kes-kes ini sedang berlaku. Saya sangat khuatir sebab di bawah bumbung satu Kementerian berlakunya kejadian yang macam ini pada hal profesion doktor itu yang diiktiraf tinggi, yang dihormati oleh jururawat. Saya mengharapkan kalau timbul keadaan ini kepada doktor-doktor yang menjadi buaya ini hendaklah dibatalkan pendaftaran doktornya itu, ini adalah sesuai dan

kita tidak rugi. Kalau kita hindarkan satu dua doktor yang bersifat begini demi kepentingan jururawat, demi kepentingan Kementerian Kesihatan kita. Saya harap kalau betul ada bukti yang sah, doktor itu hendaklah dibatalkan profesion doktor itu.

Saya fikir itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya berikan pandangan dalam masalah ini. Sekali lagi saya memberikan sokongan atas pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Haji Ibrahim bin Yaacob.

3.47 ptg.

Dato Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya sokong apa yang ada dalam pindaan-pindaan ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana dapat meminda pakaian Penolong-penolong Jururawat telah ditukar dengan memakai seluar panjang, tidak lagi memakai gaun pendek kerana berseluar panjang itu lebih selisa dari memakai gaun pendek.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu kepada Kerajaan sebagai seorang pelawat hospital, supaya gaji-gaji Penolong Jururawat dinaikkan lagi seperti gaji Kerani. Penolong-penolong Jururawat mati gajinya \$520 sahaja walhal Kerani Tingkatan Rendah mati gajinya \$595. Penolong-penolong Jururawat sebelum memegang jawatannya menghadiri training selama 2 tahun, Kerani Rendah tidak ada training, cuma mempelajari kerjanya sambil bekerja, maka dari sini Penolong-penolong Jururawat lebih berat tanggungjawabnya dari Kerani Tingkatan Rendah. Maka dengan ini sudah patut gaji Penolong-penolong Jururawat ini dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya seorang pelawat hospital, saya dapati tugas-tugas Penolong-penolong Jururawat yang teruk sekali mereka menjaga pesakit-pesakit, memberi ubat pesakit-pesakit, memberi makan pesakit-pesakit, membawa pesakit-pesakit ke tandas, memimpin pesakit-pesakit yang teruk kalau hendak berjalan dari satu tempat ke satu tempat dan mengikut doktor apabila doktor

datang memeriksa pesakit-pesakit. Tugas-tugas Penolong-penolong Jururawat ini pula pakai shift duty, iaitu bergilir-gilir; seminggu 7.00 pagi, seminggu 2.00 petang dan seminggu 9.00 malam. Kalau duty malam tidak boleh tidur kerana ada pesakit-pesakit yang menge-rang oleh sebab kesakitan maka merekalah yang menjaga. Itulah sebabnya Penolong-penolong Jururawat apabila duty malam hari tidak boleh tidur.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini gaji Staff Nurse telah dinaikkan maka gaji Penolong-penolong Jururawat pula patut dinaikkan masa itu. Tugas-tugas Staff Nurse cuma mengambil rekod, menjaga rekod dan menjaga Penolong-penolong Jururawat menjalankan tugasnya betul atau tidak, yang lain semuanya dibuat oleh Penolong-penolong Jururawat. Inilah rayuan saya kepada Kementerian supaya gaji Penolong-penolong Jururawat dinaikkan juga, gaji maksimumnya dinaikkan lagi lebih daripada gaji Kerani Tingkatan Rendah \$595 manakala Penolong Jururawat cuma \$520, bezanya \$75.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendapat tahu dari Kementerian Kesihatan apa sudah jadi kepada Jururawat-jururawat yang mengambil training di United Kingdom kerana satu masa dahulu terlampau sebok dengan hal ini. Berapa orang jururawat-jururawat ini telah pergi ke United Kingdom mengajak mereka balik ke negara kita supaya mereka bertugas di negaranya sendiri.

Pada tahun 1974 saya berpeluang pergi ke United Kingdom menghadiri kursus di Westminster Abbey sebulan lamanya. Maka saya berpeluang pergi bertemu anak saudara saya di Gamesbury Hospital, seratus enam puluh batu dari London dan saya dapati Jururawat-jururawat yang datang daripada Malaysia yang berada di sana, saya tanyakan adakah mereka suka berkhidmat di United Kingdom ataupun balik ke negaranya. Maka saya dapati ramai yang hendak balik ke negara kita. Walau bagaimanapun, saya suka mendapat tahu dari Kementerian Kesihatan bagaimana kedudukan jururawat-jururawat yang pergi ke United Kingdom mengambil kursus di sana.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dalam lawatan saya ke Hospital Besar, Kuala Lumpur saya sangat puas hati, kerana keber-sihan Hospital Besar, Kuala Lumpur dan

juga memberi pertolongan kepada pelawat-pelawat yang datang mengikut masanya. Cuma satu sahaja pandangan saya kepada Kementerian berkenaan iaitu di Hospital Besar Kuala Lumpur itu bila hari hujan lebat air ditempatkan yang tinggi masuk ke tempat yang rendah. Jadi apabila hujan pelawat-pelawat tidak dapat melawat saudara maranya pada masa itu.

Inilah sahaja pandangan saya pada Bil ini dan saya menyokong segala pindaan-pindaan itu dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ibrahim bin Abdullah.

3.53 ptg.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Jururawat, 1950 terutama bila kita menghalusi implikasi kewangan.

Rang Undang-undang ini tidak melibatkan Kerajaan di dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. Saya puji Menteri Kesihatan yang bijak menjalankan pindaan Akta ini dengan tidak mengambil walau satu sen pun wang bersabit dengannya.

Yang kedua, saya memuji Kementerian ini dalam dua perkara semenjak perubahan baru diadakan di negara ini terutama berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Satu perubahan iaitu meletakkan nama di baju semua pegawai kesihatan. Yang kedua, perubahan pakaian jururawat termasuk penolong jururawat juga diubah daripada pakaian yang dahulu dengan mengikut sistem pakaian jururawat sekarang. Yang ketiga, dengan sebab siaran-siaran kebajikan yang lebih bermakna kepada pesakit. Ada enam tujuh perkara yang dituliskan di hospital, saya rasa ini patut diberi pujian kerana akibatnya orang ramai akan berasa seronok datang ke hospital dan berjumpa pegawai-pegawai yang tertentu, tidak seperti sebelum dijalankan tiga perubahan besar yang saya pandang pada masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kadang-kadang mengejutkan dalam negara kita Malaysia apabila satu Rang Undang-undang ada sahaja terselit seperti disebut

dalam Fasal 2. Terdapat tiga bahagian tambahan baru, satu bagi jururawat-jururawat luar bandar di Malaysia Barat, satu lagi bagi jururawat-jururawat masyarakat di Sarawak, dan satu bagi jururawat-jururawat kesihatan luar bandar di Sabah.

Pada pandangan saya sudah sampai masanya semua pindaan kepada undang-undang dalam negeri ini tidak lagi menyebutkan satu-satu negeri dalam negeri Malaysia yang berbeza-beza dalam beberapa hal. Pada pendapat saya pindaan tersebut seluruh Malaysia cukup, tidak perlu menyebut mana-mana negeri sebab Malaysia adalah satu. Semua negeri yang baru bercantum dengan Malaysia adalah di bawah pentadbiran yang satu, bukan dua.

Yang kedua, dalam Seksyen 10 di bawah Fasal 5 ada dipinda untuk menaikkan sekali ganda denda bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen itu. Seksyen 10 Akta Ibu ada dipinda demikian:

- (a) menggantikan perkataan "lima ratus ringgit" dalam baris ketiga dari bawah seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan "satu ribu ringgit"; dan
- (b) menggantikan perkataan-perkataan "satu ribu ringgit" dalam baris kelima seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan "dua ribu ringgit".

Yang Berhormat Menteri saya harap akan menerangkan apakah kesalahan-kesalahan yang berganda ini ketentuannya bagi makluman yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak memanjangkan apa-apa lagi hal dalam Bil ini dan saya sekali lagi menyokong dengan rasa bangga, sebab zaman beredar cepat, kita juga cepat mengatasi mana-mana perkara yang rasa saya tidak menasabah lagi diadakan perkara yang seperti itu. Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun.

3.57 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri menyokong Rang Undang-undang ini dan

saya juga ingin memberi sedikit ingatan kepada jururawat-jururawat supaya bersopan santun melayan pesakit-pesakit kerana orang-orang yang sakit itu berkehendakkan layanan yang baik serta kata-kata yang lemah lembut.

Saya juga pernah mendengar bahawa jururawat-jururawat yang terlatih di luar negeri serta yang bekerja di luar negeri telah mendapat kepujian dalam menjalankan tugas-tugas mereka, tetapi layanan-layanan yang seumpama itu tidak dibuat apabila balik dan bertugas di negeri sendiri. Ini saya berharap supaya layanan-layanan yang lumayan dapat diberikan kepada pesakit-pesakit di tanahair kerana kita dapati ada di antara pesakit-pesakit itu datangnya dari jauh, dan jauh pula daripada isteri, ibubapa dan saudaramara. Maka ada setengah-setengah daripada mereka itu sangat berharap kepada layanan yang baik daripada jururawat-jururawat.

Tuan Yang di-Pertua: Dr Choo Kooi Fook.

3.58 ptg.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan ke atas Rang Undang-undang Jururawat (Pindaan) ini. Di samping menyokong Rang Undang-undang ini saya juga akan menyentuh satu seksyen iaitu Seksyen 5 sahaja.

Seksyen 5 adalah menghendaki bahawa latihan yang ditetapkan itu hendaklah dijalankan di suatu institusi yang diluluskan oleh Lembaga bagi maksud itu dan menetapkan keperluan-keperluan bagi kemasukan ke institusi yang sedemikian itu dan kursus-kursus pengajaran yang akan diberi.

Tuan Yang di-Pertua, saya anggap seksyen ini adalah penting dan saya harap Menteri Kesihatan akan mengawal latihan dengan ketat.

(Dengan izin): Tuan Yang di-Pertua, It is better not to have a midwife or a nurse in a kampung than to have one untrained or half-trained, because you are giving a false sense of confidence to the people in the kampung. A nurse or midwife posted to rural kampungs must be well trained and with good experience to handle any emergency.

Saya akan beri satu contoh sebagai penjelasan. Di kawasan Selayang di Negeri Selangor, terdapat seorang ibu datang menjumpai bidan menjelang masa bersalin. Ibu itu rasa keadaannya adalah luar biasa dan minta tolong bidan itu supaya dihantar ke hospital, tetapi bidan itu tidak setuju. Mengapa dia tak setuju? Sebab menurut latihannya adalah disebutkan kalau dalam kandungan kedua atau ketiga tak payah pergi ke hospital sebab di hospital sudah banyak sangat ibu bersalin, kalau kandungan yang pertama mesti pergi ke hospital. Kandungan kedua, ketiga dianggap tak payah pergi ke hospital, harus bersalin di rumah. Tetapi ibu itu berasa sangat luar biasa, dia hendak pergi ke hospital, namun demikian bidan itu enggan menghantar ibu itu ke hospital.

Akhirnya, sampailah masa ibu itu bersalin pada 29hb November, 1979 dan dia bersalin kembar tiga (triplete), "and that midwife didn't know about it and the mother had to tell the midwife that she was very uncomfortable and she wanted to go to the hospital." Tetapi ini hanya satu contoh saya beri. Nama anak kembar tiga itu yang pertama Mutalib beratnya 4 lbs kedua, Maharum 2 lbs dan ketiga Mahanum 3 lbs 1 ounce. Oleh sebab kejadian inilah saya harap Menteri Kesihatan akan memberi latihan dan kawalan ketat supaya tidak lulus dengan mudah dan tidak meletakkan mereka yang kurang berkebolehan di kampung-kampung kerana mereka akan menjadi satu alat yang berbahaya kepada penduduk di kampung-kampung.

4.03 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang Jururawat (Pindaan) ini, saya tidak hendak bercakap panjang dan mengulang apa yang sudah di-perkatakan oleh saudara-saudara saya tadi, hanya dalam dua masalah sahaja saya hendak tekankan.

Pertama dalam soalan pakaian jururawat. Terima kasih saya terhadap apa yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan tetapi apa yang hendak diperingatkan, kalau boleh biarlah diselesaikan uniform itu dengan memakai seluar panjang untuk jururawat keseluruhannya, kerana apa yang saya dapat tahu sampai hari ini masih belum menyeluruh dalam masalah tersebut.

Kedua, dalam memberi kursus seperti yang diadakan dan dijalankan di masa yang lalu kepada jururawat dan juga sekarang yang sedang berjalan terus. Apa yang saya harapkan adalah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar dalam kertas soalan peperiksaan jururawat itu masih digunakan lagi bahasa Inggeris dan kertas-kertas kuliah juga mereka masih berjalan dalam bahasa Inggeris. Jadi dalam masalah ini tentulah berbangkit satu masalah yang akan dihadapi oleh pelatih-pelatih yang datang daripada aliran Bahasa Malaysia seperti kelulusan SPM. Maka dalam hal ini diharap dapat Kementerian berkenaan mengubahsuaikan segera supaya jururawat itu dapat mengambil kursus tersebut tanpa menghadapi bebanan yang berat atau problem dan kegagalan di dalam mengambil kursus tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.05 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran dan beberapa cadangan dalam masalah kejururawatan samada dari segi latihan dan lain-lain dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih atas sokongan yang diberi oleh setiap Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi dan ada di kalangan mereka telah membuat cadangan-cadangan yang begitu baik.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah bertanya tentang tugas lima jenis bahagian jururawat iaitu Jururawat Pergigian, Jururawat Sakit Otak, Jururawat Biasa, Jururawat Desa dan juga Jururawat yang berkelulusan dari United Kingdom. Jururawat biasa dan jururawat kelulusan daripada United Kingdom itu sama tetapi tempat mereka itu berlatih adalah berbeza. Mungkin daripada segi kurikulumnya berbeza oleh kerana kita di sini memberi perhatian yang berat terhadap keadaan yang ada di negara kita iaitu kita memberi keutamaan dalam segi memberi jawatan kepada jururawat-jururawat yang dilatih di dalam negara kita sendiri, kerana daripada segi

principles of nursing mungkin sama, tetapi kadang-kadang apabila menentukan masalah satu-satu penyakit di satu-satu negeri itu berlainan. Ini daripada pengalaman saya sendiri semasa saya menjalani latihan dahulu di universiti tempat saya berlatih. Dia tidak memberi begitu tekanan berat terhadap masalah tropical medicines umpamanya. Begitu juga kalau seorang itu dilatih di negara-negara yang lain seperti di United Kingdom mungkin tekanan terhadap latihan itu lebih kepada satu penyakit yang lebih common di negara itu walaupun dari segi principles of nursingnya mungkin sama.

Jururawat pergigian, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, ini sudah tentu jelas sekali. Mereka itu merawat kesihatan gigi khasnya kepada kanak-kanak sekolah. Begitu juga jururawat menjaga pesakit otak, mereka diberi latihan khas dalam masalah kesihatan otak.

Jururawat Desa, Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu tenaga baru oleh kerana kita dapati bahawa dalam usaha Kerajaan hendak memberi keutamaan kepada perkhidmatan perubatan dan kesihatan di luar bandar, kita terpaksa menyesuaikan latihan kita kepada keadaan yang baru itu dan latihan yang diberikan kepada Jururawat Desa adalah lebih menekankan keadaan yang berlaku di kawasan luar bandar. Begitu juga daripada segi maternal and child health, daripada segi nursing dan juga daripada segi kesihatan umum. Jururawat ini, bergantung di mana mereka berada sama ada di Semenanjung Malaysia ataupun di Sabah dan di Sarawak namanya berbeza sedikit walaupun pada umumnya tugas mereka adalah kurang lebih sama. Perkara yang ditimbulkan oleh Senator Ibrahim Abdullah tadi tentang perbezaan nama. Jadi daripada segi tugas kurang lebih sama tetapi latihan ada yang berbeza sedikit bagi menyesuaikan kepada keadaan satu-satu negeri lebih emphasis umpamanya kepada kesihatan umum semacam Jururawat Masyarakat di Sarawak mereka itu boleh disesuaikan sebagai general nurse jika mereka pindah ke satu bandar yang besar. Mereka boleh bertugas di hospital sebagai jururawat biasa dan diletakkan di kawasan luar bandar mereka boleh menyesuaikan diri mereka kepada satu keadaan yang baru. Jadi kita rasa ini merupakan satu perkara yang baik.

Mengenai layanan yang diberi oleh Jururawat desa seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad itu iaitu mereka tidak boleh memberi layanan yang lebih cekap lagi dan terpaksa merujuk kepada klinik lain, ini memang tentu, Tuan Yang di-Pertua, kerana daripada latihan mereka, mereka mempunyai tugas-tugas yang terhad, begitu juga dok.or. Seorang doktor kalau umpamanya dalam bidang penyakit jantung, kalau mereka tidak tahu begitu juga dalam masalah sakit puan kalau mereka tidak mempunyai pengalaman yang cukup dalam masalah itu dan kes itu lebih susah, lebih kompleks dia mesti merujuk kes-kes itu kepada pakar-pakar dalam bidang tertentu. Begitu jugalah dalam masalah jururawat ini apabila mereka memikir bahawa latihan ataupun keupayaan mereka tidak dapat menjalankan rawatan itu terpaksa merujuk kepada pihak yang lebih berpengetahuan lagi sama ada Staff Nurse ataupun Senior Hospital Assistant ataupun terus kepada doktor.

Mengenai jururawat yang dilatih di United Kingdom sama ada mereka dikehendaki menerima latihan tempatan sebelum mereka diserapkan di dalam Jabatan ataupun Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan dalam ucapan saya tadi sungguhpun bahagian itu telah dimansuhkan jururawat-jururawat yang dilatih dari United Kingdom itu yang dahulunya dengan secara automatik mereka boleh berdaftar dengan Lembaga kita, sekarang masalah automatik itu telah dihapuskan. Walau bagaimanapun, mereka boleh berdaftar dengan Lembaga Jururawat Tempatan jikalau mereka telah dapat meyakinkan dan telah dapat bukti-bukti yang memberi kepuasan hati kepada Lembaga ini dan Lembaga ini boleh sama ada mahu, menghendaki mereka menduduki ataupun menjalani satu peperiksaan ataupun tidak. Dengan izin, saya ingin membacakan seksyen ini dalam bahasa Inggeris dalam Rang Undang-undang ini "Nurses Act tahun 1950" dikatakan "Admission to register of persons trained outside Malaysia" dan 6 (a) mengikut keadaan dahulu:

"Any person whose name is registered in any part of the General Nursing Council for England and Wales be entitled to be registered in a corresponding manner under this Act."

Bermakna mereka yang berlatih di United Kingdom dahulu dengan automatik boleh didaftar di sini, tetapi sekarang kita tidak mahu begitu, kerana negara kita negara yang merdeka dan berdaulat dan kita tidak ada menerima reciprocity daripada mereka, bermakna jururawat yang berlatih di sana tidak dengan cara automatik dapat didaftar di sini.

Sungguhpun begitu kita ada peruntukan yang saya sebutkan tadi iaitu seksyen 6 (2):

"If any person proves to the satisfaction of the Board that he or she has been trained in any place outside Malaysia where the standard of training and examination is not lower than the standard of training and examination required under this Act, either as a general nurse for the sick or as a nurse of some special class, and satisfies the Board as to his or her identity and good character, the Board may, either after examination or without examination, upon payment of the fee prescribed for registration under this Act, direct that that person shall be registered in the appropriate part or parts of the Register".

Inilah bahagian yang telah disoalkan oleh Yang Berhormat tadi.

Mengenai meminta supaya jangan dilayan pesakit-pesakit yang mengancam, saya rasa ini susah sebab tugas jururawat itu memang hendak merawat pesakit, walau bagaimanapun mereka didesak dan diugut. Saya rasa memanglah tugas jururawat menghadapi segala cabaran seperti ini yang kadangkadang sangat teruk. Walau bagaimanapun, jururawat ini telah menjalani latihan supaya dapat menghadapi masalah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi.

Mengenai doktor-doktor yang telah menjalankan satu perkara yang tidak diinginkan, yang tidak baik, beliau mencadangkan supaya pendaftaran mereka dibatalkan dan diambil tindakan disiplin. Tuan Yang di-Pertua, jikalau mereka melanggar peraturan-peraturan dan melanggar ethic profession itu, memang sudah tentu sekali mereka akan dilaporkan kepada Majlis Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Council) supaya dihadapkan kepada Disciplinary Board dan terpujalah kepada mereka membuat satu-satu keputusan. Jikalau sekiranya perbuatan seseorang doktor itu adalah merupakan satu

perbuatan yang buruk, perbuatan yang mencemarkan nama baik professionya, saya yakin tindakan yang sewajarnya diambil bahkan mereka mungkin di-register daripada pendaftaran itu.

Yang Berhormat Senator Datuk Ibrahim telah juga menyokong Rang Undang-undang ini dan beliau telah meminta supaya pembantu jururawat itu dinaikkan gaji. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini sepertimana disebutkan oleh Yang Berhormat, nurses itu naik gaji \$30, jadi saya rasa dalam masalah kenaikan gaji pembantu jururawat ini terserahlah kepada pihak yang bertanggungjawab untuk menimbangkannya sama ada mereka patut dinaikkan lagi atau ditunggu sehingga satu ketika yang sesuai kelak. Juga beliau telah menyebutkan tentang mereka bekerja (duty) malam dan tidak boleh tidur. Kalau duty malam mereka hendak tidur, itu tidak ada ertinya dia duty, lebih baik tinggal di rumah dan tidur. Memanglah tugas mereka bekerja di hospital untuk menjaga pesakit-pesakit dan saya tidak dapat bersetuju dengan satu gambaran yang telah diberikan oleh Yang Berhormat tadi iaitu nampaknya beban kerja itu dilonggokkan kepada pembantu jururawat tidak kepada jururawat. Saya tidak bersetuju kerana jururawat itu mempunyai satu tanggungjawab yang lebih berat daripada pembantu jururawat. Dia hanya membantu Jururawat daripada segi latihan dan tugas, tentang tanggungjawab jururawat tentu sekali lebih daripada pembantu jururawat.

Mengenai jururawat yang telah dilatih di seberang laut, apa jadi kepada mereka. Tuan Yang di-Pertua, mereka yang minta kerja di sini ada di kalangan mereka telah diterima. Walau bagaimanapun, sepertimana pernah saya sebutkan dahulu bahawa kita memberi keutamaan kepada jururawat-jururawat kita sendiri, jururawat yang dilatih di dalam negara kita dan mereka itu dilatih sebagai in-service training umpamanya kerana mereka telah dipilih oleh Public Services Commission dan menjalani satu latihan yang tertentu. Jadi kita berkewajipan untuk mengambil mereka bekerja, bermakna keutamaan diberikan kepada mereka. Selain daripada itu, latihan yang diberi kepada jururawat yang dilatih di dalam negara kita merupakan latihan yang agak lebih sesuai untuk keperluan negara kita.

Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Abdullah telah memuji dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini atas beberapa langkah yang telah diambil olehnya iaitu masalah nama tag dan lain-lain lagi. Saya mengucapkan berbilang terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seronak juga sekali-sekala Kementerian ini dapat pujian. Saya rasa mengenai nama tadi saya pun telah jawabkan dan beliau telah bertanya tentang penjelasan seksyen 10 atas hukuman. Hukuman ini adalah dijalankan jikalau seseorang itu membuat satu-satu kesalahan dengan tujuan mengelirukan orang ramai. Dengan izin, saya baca sedikit bahagian ini.

“Every person who—

- (a) not being a person duly registered under this Act, takes or uses the title of registered nurse or its equivalent in any other language, either alone or in combination with any other word or letters or uses any name, title, additions descriptions (dan lain-lain) or recognised by law as a registered nurse or uses any title, uniform or badge prescribed for the use of nurses registered under this Act;
- (b) being a person whose name is included in any part of the register, takes or uses any name, title, addition, description, uniform and badge (dan lain-lain);
- (c) with intent to deceive, makes use of any certificate or registration as a nurse issued under this Act to him or her or to any other person, shall be guilty of an offence and shall, conviction by a Magistrate's Court, be liable to a fine not exceeding \$500 or to imprisonment for a term not exceeding 3 months or both”.

Inilah masalah hukuman yang kita naikkan daripada \$500 kepada \$1,000 dan dari \$1,000 kepada \$2,000.

Yang Berhormat Senator Datin Hajjah Mahimon telah bertanya mengapa jururawat-jururawat kita selepas menjalani latihan yang baik kadangkala kurang bersopan-santun.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita ketahui pada keseluruhannya kebanyakan jururawat-jururawat kita adalah merupakan orang yang baik dan bersopan-santun tetapi

dalam satu keluarga yang begitu besar, beribu-ribu orang jururawat memang ada sebilangan kecil atau segelintir kecil yang berkelakuan yang kurang diingini, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya suka-lah saya meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat mereka itu telah menjalankan kerja-kerja mereka dengan tekun dan sabar sekarang ini sepatutnya menjadikan sikap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr Choo Kooi Fook telah menekankan dua perkara iaitu supaya kita mengawal latihan atau mempercepatkan latihan kita. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr Choo Kooi Fook kerana mengingatkan Kementerian ini dalam masalah mengawal latihan. Ini memanglah menjadi kewajipan dan tugas kita supaya dengan sedaya upaya kita memberi latihan kepada jururawat kita supaya mereka dapat menjalankan kerja mereka dengan lebih berkesan apabila mereka diletakkan terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar.

Beliau juga telah meminta supaya jangan diletakkan jururawat-jururawat ataupun bidan-bidan yang kurang berpengalaman di kawasan-kawasan yang tertentu, di kampung-kampung ataupun kawasan luar bandar, dan beliau telahpun memberi contoh satu kes di mana midwife itu tidak merujuk kes yang melahirkan triplets kepada doktor yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya kita meletakkan jururawat-jururawat atau pun bidan-bidan yang mempunyai lebih sedikit pengalaman bukannya freshie daripada sekolah ke kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun kadangkala memanglah ada serba sedikit kesilapan kerana mereka pun manusia biasa tetapi dengan sedaya upaya suka-lah saya memberitahu Yang Berhormat, kita cuba mengelakkan perkara macam ini berlaku.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah telah menyentuh tentang pakaian jururawat iaitu beliau telah meminta supaya uniform jururawat ini ditukar pada keseluruhannya kepada pantsuit atau pakai seluar. Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk memilih design uniform itu terserahlah kepada satu jawatan-

kuasa yang terdiri juga daripada wakil-wakil Persatuan Jururawat itu sendiri dengan kerjasama pihak Kementerian Kesihatan bahkan sebelum satu keputusan dibuat satu pameran telah diadakan di mana jururawat kita itu berjalan penuh dengan pakaiannya yang dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri sendiri, tetapi dukacita saya sendiri tidak ada bersama pada hari itu, dan pemilihan telah dibuat oleh jururawat itu sendiri iaitu mereka memilih dua; satu yang menggunakan gaun labuh pada paras lutut dan satu lagi memakai pantsuit. Ini memang ada sebab-sebabnya, kerana kalau kita lihat minta maaf, Tuan Yang di-Pertua—bukan semua orang sesuai memakai pantsuit, ada yang gemuk dia tidak hendak memakai pantsuit; nampak sangat. Jadi mereka lebih suka menggunakan gaun labuh. Begitu juga bagi jururawat-jururawat yang mengandung, mereka berasa bahawa pantsuit itu adalah kurang sesuai. Kepada mereka yang menggunakan motosikal bahkan mereka yang bekerja dalam wad, mereka yang mempunyai bentuk badan yang cantik, yang shapely memang betul cantik menggunakan pantsuit itu. Jadi dalam kita mereka pakaian ini kita telah mengambil hitungan beberapa faktor. Satu daripadanya ialah masalah iklim (climate) kita di sini adakah sesuai untuk pekerjaan yang dijalankan dan yang dalam aspek ugama juga kita ambil hitungan, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang kedua ialah masalah sama ada saya sedar bahawa kertas peperiksaan itu masih lagi menggunakan bahasa Inggeris. Sebenarnya inilah kali pertama saya mendengar dan saya tidak meneliti dalam masalah kertas peperiksaan ini tetapi pada keseluruhannya di Semenanjung Malaysia mereka menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar sungguhpun ada juga dalam bahasa pengantar kita gunakan bahasa Inggeris. Di Universiti Kebangsaan pun begitu juga, di beberapa tempat lain bahkan di Cairo yang menggunakan bahasa Arab pun masih menggunakan bahasa Inggeris juga kerana ada di kalangan terminology yang digunakan itu tidak ada terjemahan dalam Bahasa Malaysia ataupun bahasa Arab dan lain-lain.

Saya rasa ini tidak merupakan satu faktor yang besar yang boleh mengancam kejayaan seseorang jururawat itu asalkan mereka mem-

punyai cukup pengetahuan belajar, kalau mereka tidak terang, tidak mengerti bahasa Inggeris mereka boleh bertanya dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun sekiranya ada bukti-bukti menunjukkan bahawa oleh kerana mereka tidak faham dengan bahasa Inggeris dan kertas ini digunakan dengan bahasa Inggeris maka insya Allah saya akan menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya dapat huraikan dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (PERBADANAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.30 ptg.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang-

kan supaya Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 dibaca bagi kali yang kedua. Dalam membentangkan cadangan ini, izinkan saya menerangkan secara ringkas untuk mengadakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini digubalkan dengan tujuan menubuhkan suatu badan berkanun yang akan dikenali dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia. Lembaga ini akan menyelia dan melaksanakan rekabentuk, pembinaan, pengawalan, pengendalian dan penyenggaraan Lebuhraya-lebuhraya antara bandar untuk mengenakan dan mengutip tol, untuk membuat kontrak dan untuk membuat peruntukan berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengannya.

Analisa keupayaan Lebuhraya (highway capacity) jalanraya-jalanraya besar seperti Jalanraya Persekutuan dari Sempadan Negeri Thai ke Johor Bahru telah menunjukkan bahawa kebanyakan daripada bahagian-bahagian jalanraya ini telah sampai ke peringkat maksima keupayaan untuk menampung lalulintas-lalulintas dalam tahun 1977. Lebihkurang 50% baki bahagian-bahagian jalanraya itu akan sampai ke peringkat keupayaan sepenuhnya pada tahun ini. Oleh yang demikian pembinaan jalanraya-jalanraya besar itu hendaklah disegerakan. Dengan tujuan itu Rang Undang-undang ini disediakan supaya satu Badan Berkanun yang khas ditubuhkan untuk mencapai tujuan ini.

Cadangan untuk menubuhkan badan berkanun yang khas ini adalah dibuat setelah mengambil kira keupayaan Jabatan Kerjaraya yang sangat sendat kerana terlalu besar memikul beban melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan, aspek pembiayaan yang terlibat dalam melaksanakan projek jalanraya-jalanraya besar itu, keperluan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek itu dan juga mengikut amalan biasa jika projek-projek itu dilaksanakan oleh Jabatan Kerjaraya pungutan tol dari pengguna-pengguna jalanraya-jalanraya itu dikehendaki menjadikan hasil Kerajaan Persekutuan. Maka adalah difikirkan lebih sesuai jika projek-projek itu diuruskan oleh satu badan berkanun yang khusus seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman di negara-negara lain telah menunjukkan bahawa Perbadanan Lebuhraya seperti ini telah berjaya menemui objektif Kerajaan negara-negara itu mempercepatkan pembinaan lebuhraya-lebuhraya untuk menemui keperluan yang berkesan dalam sistem pangangkutan. Negara Amerika Syarikat, Canada, Korea, Jepun dan Italy adalah antara negara-negara yang telah menubuhkan Perbadanan Lebuhraya seperti ini yang telah berjalan dengan maju dan yang didapati "viable."

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan dengan ringkasnya tentang peruntukan-peruntukan penting dalam Rang Undang-undang ini, seperti dinyatakan dalam mukadimah Rang Undang-undang ini, tujuan mewujudkan Lembaga Lebuhraya Malaysia ialah untuk menyelia dan melaksanakan rekabentuk, pembinaan, pengawalan, pengendalian dan penyenggaraan lebuhraya-lebuhraya antara bandar, untuk mengenakan dan mengutip tol untuk membuat peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tujuan-tujuan tersebut akan dapat dicapai dengan mengadakan suatu Lembaga yang akan dianggotai oleh ahli-ahli yang akan dilantik oleh Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Lembaga ini akan bertanggungjawab kepada Kerajaan mengenai semua perkara-perkara dasar. Selain daripada itu Rang Undang-undang ini juga memberi kuasa kepada Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam mengeluarkan apa-apa arahan dari semasa ke semasa dengan tujuan memperkemaskan perjalanan Lembaga itu dan memastikan bahawa aktiviti-aktivitinya selaras dengan dasar Kerajaan. Pelaksanaan dasar dan semua arahan-arahan itu akan dilaksanakan oleh seorang Ketua Pengarah yang akan mengetuai organisasi pentadbiran Lembaga itu. Lembaga ini pada pokoknya akan memainkan peranan penyelia oleh kerana segala urusan kerja-kerja rekabentuk dan penyeliaan lebuhraya-lebuhraya itu akan dilaksanakan oleh Jurutera Perunding Swasta manakala kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor Swasta.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun undang-undang ini digubal untuk meliputi projek-projek lebuhraya di seluruh negara, tetapi buat sementara waktu bidang kerja lembaga ini akan terhad kepada pelaksanaan projek-projek lebuhraya antara bandar yang telahpun ditentukan oleh Kerajaan di Semenanjung sahaja, iaitu Lebuhraya antara Alor Setar dengan Johor Bahru, Jalan Kuala Lumpur—Seremban, Jalanraya Kuala Lumpur—Karak dan Lebuhraya "Lembah Kelang yang baru". Selain daripada itu pembinaan projek Jambatan Pulau Pinang akan juga dilaksanakan di bawah naungan Lembaga ini.

Bahagian III Rang Undang-undang ini adalah berkaitan dengan perkara-perkara kewangan dan pengawasan oleh Menteri yang berkenaan. Lembaga itu akan mengadakan suatu kumpulanwang sendiri dan punca-punca kewangan bagi kumpulanwang itu akan terdiri dari pemberian oleh Kerajaan, kutipan tol dan pinjaman-pinjaman oleh Lembaga dari sumber-sumber yang akan ditentukan oleh Kerajaan. Segala perbelanjaan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Lembaga ini akan dikenakan kepada kumpulanwang itu. Adalah dijangkakan bahawa setelah beberapa tahun Lembaga ini akan dapat membiayai dirinya sendiri (self-financing).

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa tujuan utama menubuhkan Lembaga ini ialah untuk mempercepatkan pembinaan lebuhraya antara bandar-bandar besar itu. Oleh yang demikian Rang Undang-undang ini digubal dengan tujuan mengadakan satu badan berkanun dengan kuasa tertentu untuk menguruskan pembinaan lebuhraya-lebuhraya itu. Untuk mencapai maksud itu, Kementerian saya telah mengadakan rundingan-rundingan yang sewajarnya dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain untuk perancangan yang cermat bagi menubuhkan Lembaga ini. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini oleh Dewan yang mulia dalam persidangan ini, Lembaga ini akan ditubuhkan dengan sewajarnya supaya ianya akan dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan lancar dalam Rancangan Malaysia Keempat yang akan bermula pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi menubuhkan Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk menyelia dan melaksanakan rekabentuk, pembinaan, pengawalan, pengendalian dan penyenggaraan lebuhraya-lebuhraya antara bandar untuk mengenakan dan mengutip tol, untuk membuat kontrak dan untuk membuat peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Jemput Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad.

4.40 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan yang kuat dalam Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 dan naskah sahihnya dalam Bahasa Malaysia. Kita telah mendengar hujah-hujah yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya cuma hendak membuat ulasan-ulasan sedikit sahaja kerana menjimatkan masa.

Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa tujuan mengadakan Rang Undang-undang ini adalah untuk mempercepatkan pembinaan jalanraya-jalanraya dalam tanah-air kita ini. Ini satu kesedaran yang sangat betul pada sisi Kerajaan sebab bilangan kenderaan dalam tanah air kita ini bertambah cepat, bertambah banyak. Dengan banyaknya kenderaan, banyak pula kemalangan jalanraya. Jadi saya mengharapkan dengan wujudnya lebuhraya-lebuhraya yang kita akan laksanakan kelak akan mengurangkan lagi kemalangan jalanraya dan boleh menyenangkan lagi rakyat jelata daripada utara hendak mengeluarkan bahan-bahan hasil mahsulnya ke selatan. Ini satu pujian yang patut kita berikan. Dalam masalah ini Kerajaan telah terlambat. Patut Rang Undang-undang ini telah awal-awal kita buat dalam Rancangan Malaysia Ketiga, sebab masalah ini ada kaitan dengan pembangunan kita. Kita dukacita Bahagian Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri

mengapa tidak merangka lebih awal supaya Rang Undang-undang ini dibawa dan dilaksanakan sehingga hendak masuk Rancangan Malaysia Keempat baru kita laksanakan.

Kita patut mengikut negara-negara yang maju yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dalam masalah lebuhraya ini supaya dengan keadaan ini akan dapat menyelesaikan lalu lintas dalam negeri ini dan menambahkan hasil kerana kita ketahui Kerajaan bukan sahaja memungut hasil atas cukai kenderaan seperti "road tax" tetapi dengan adanya Lembaga ini sekali lagi rakyat dalam negeri ini yang ada mempunyai kenderaan yang melalui kawasan itu akan membayar tol, ada satu tambahan bayaran lagi.

Saya mengharapkan supaya Kementerian ini bukan sahaja hendak membuat rekabentuk jalanraya sebagaimana yang disebutkan seperti daripada utara ke selatan, apa salahnya satu masa kelak kita buat kajian bahawa jalanraya-jalanraya yang di bawah Lembaga ini juga dibuat di bawah tanah dan di bawah sungai. Dengan kesesakan pada sesuatu bandar-bandar yang tidak boleh dibesarkan lagi kita patut buat kajian supaya kita membuat jalanraya melalui bawah tanah. Yang kedua, juga berhubung dengan jalanraya dalam perut laut. Ini telah dibuat oleh negeri-negeri yang maju.

Yang saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, kenapa Rang Undang-undang ini tidak meliputi Sabah dan Sarawak? Pada hal negeri-negeri Sabah dan Sarawak itu dalam Malaysia dan kegunaan jalanraya sama juga penting dengan di Semenanjung. Jadi saya harap sangat kalau boleh satu ketika selesai sahaja lebuhraya di Semenanjung ini kita akan memikirkan pula projek lebuhraya di Sabah dan di Sarawak. Dalam masalah ini saya fikir di Sarawak juga berkehendak lebuhraya yang sempurna sebagaimana di Semenanjung kerana bukan sahaja besar kawasan negeri itu tetapi banyak hasilnya dan memberikan kemudahan kepada rakyat negeri itu dan juga dapat menjamin, menolong dalam menjaga keselamatan ketika terjadi sesuatu kejadian di dalam negeri-negeri yang saya sebutkan itu.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah rekabentuk ini yang dibuat oleh pakar-pakar perunding swasta dan juga kerja-kerja jalanraya ini dibuat oleh swasta. Dalam pakar perunding swasta ini saya tidak fahamlah mungkin Yang Berhormat Menteri menyatakan perunding swasta tempatan. Tetapi oleh sebab projek yang begitu besar mungkin kita akan menggunakan pakar perunding daripada antarabangsa ataupun luar negeri. Sebab hari ini kita patut perhatikan dengan cermat jangan kita gopoh sangat memikirkan kepintaran, kepandaian, kebijakan juru perunding luar negeri itu sehingga kita terpengaruh menggunakan pandangan-pandangan dia dan kita laksanakan. Yang jadi susah, satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah terjadi di Pelabuhan Kuantan, Pahang. Masalah itu hendaklah diperhatikan. Kalau satu rekabentuk yang telah diputuskan oleh pakar perunding antarabangsa patut kita rujuk kepada pakar-pakar perunding dalam negara kita untuk pandangan-pandangan dan nasihat-nasihat mereka. Sekurang-kurangnya dengan keadaan ini dapat kita memikirkan yang begitu cermat bagi dilaksanakan.

Dalam masalah kerja swasta ini juga, kita tidak menggunakan swasta tempatan sebab keupayaannya tidak ada, kerana peruntukan yang begitu besar dan tenaga pekerja mahirnya kurang dalam negeri kita ini. Oleh sebab kita gopoh sangat menghendakkan cepat, kita kena mengambil swasta daripada luar negeri dan juga tenaga pekerjanya. Jadi keadaan ini kita juga kena memerhati dengan begitu cermat, seseorang kontraktor daripada luar negeri yang membuat tawaran kepada rancangan-rancangan kita ini kita mesti mengetahui dengan lebih lanjut latar belakang kontraktor itu, sebab kita tidak mahu bila rancangan ini separuh berjalan kontraktor itu telah gagal, dia lari. Kita kena sambung dengan sebuah kontrak yang lain, ini akan memakan perbelanjaan lain. Wang perbelanjaan itu walaupun di bawah Lembaga ini tetapi tanggungjawab itu kepada negara juga.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang lain saya hendak sebut ialah perkara tol. Kita akan adakan tol dan ini saya pun sangat setuju sebab daripada situ kita boleh dapat satu kutipan untuk menampung tabung kewangan Lembaga ini. Tetapi saya mengharapkan janganlah bayaran tol itu terlampau mahal, biarlah sesuai sedikit supaya sama-sama dapat disumbangkan oleh rakyat di luar bandar yang keadaannya tidak mewah, bukan kaya raya. Yang kedua, kita kena membuat jangka panjang. Kalau tol yang dikenakan itu harganya murah dan kenderaanya banyak mungkin cepat boleh menampung perbelanjaan sesuatu projek jalan ataupun jambatan yang kita buat itu. Yang ketiga, berkenaan tol yang hendak disediakan itu kelak Yang Berhormat Menteri kalau boleh tolonglah kami Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Undangan Negeri janganlah dikenakan tol ketika kami lalu, sebab kami selalu sangat hendak lalu melalui jalan itu. Jadi kita minta freelah kalau boleh juga pegawai-pegawai Jabatan yang terkhas patut diberikan perhatian sama juga dengan Wakil-wakil Rakyat dan Ahli-ahli Undangan Dewan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada muka 13:

“Fasal 25. (1) Sesiapa jua yang meletak sampah, kaca, rumput-rumpai, sampah-sarap atau apa-apa perkara lain yang bersalahan di sekitar kawasan hak-lalu lebuhraya itu adalah melakukan suatu kesalahan”

Ini adalah sangat-sangat baik. Kalau tidak ada satu-satu kawalan macam mana, sebab dalam kawasan lebuhraya ini memang tak banyak manusia yang tinggal. Jadi, kalau tidak ada kawalan macam ini, lebuhraya kita akan kotor, bukan sahaja kotor tetapi akan mengganggu lalu-lintas jalanraya, akan mendatangkan pelanggaran atau kerusakan kenderaan-kenderaan yang lalu di tempat itu. Lebuhraya yang ada ini, ada kalanya manusia-manusia yang tidak begitu bersetuju dengan keadaan ini, kadangkala dia khianatkannya, dibubuh kayu, dibuat lubang. Jadi, kalau ada Undang-undang ini mengawal, kita boleh ambil tindakan ke atas mereka dibawa ke mahkamah bersabit dengan kesalahan dan kita akan hukum dia.

Satu perkara lagi, saya fikir patut diperhatikan oleh Yang Berhormat Menteri, dalam jalan lebuhraya kita ini jangan ditepi jalanraya kita itu dibenarkan membuat satu batu peringatan. Pernah terjadi di situ ada satu peringatan tempat ini dikatakan seorang telah mati ditembak oleh Jepun atau tempat ini menurut keterangannya bagus dibuat kuil. Jadi di tepi jalanraya itu dengan sendirinya kuil-kuil kecil dibuat di situ. Ini juga patut ditegah walaupun ugama itu suci tetapi kita mendirikan di tepi jalanraya atau di bahu jalan lebuhraya, itu mengganggu kesuciannya, mengganggu kecantikan jalan itu, bukan sahaja kaca, batu hatta membuat kuil di tempat-tempat itu patut kita tegah, nasihatkan dan suruh dibuat di tempat lain, banyak tempat lagi termasuk batu peringatan. Sebab seseorang kalau dia kena langgar dibuat satu peringatan, ini peringatan ayah saya mati di tempat ini. Ini juga patut dicegah sebelum kita bawa dia ke mahkamah kerana mengotorkan lebuhraya itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat dalam masalah Bahagian II—Penubuhan, Tugas dan Kuasa Lembaga. Dalam Fasal 4 (1) telah menunjukkan anggota-anggotanya seorang Pengerusi hingga seterusnya sampai (f) Ketua Pengarah Lembaga. Apa yang saya nampak bahawa anggota Lembaga kurang pegawainya, kenapa tidak dimasukkan orang awam, saya fikir Kementerian kena menimbangkan supaya di antara keanggotaan Lembaga itu termasuklah orang awam sekurang-kurangnya 3 orang, sebab ini sudah menjadi amalan biasa di mana Lembaga yang kita tubuhkan orang awam, orang awam yang ada kaitan dengan masalah jalanraya seperti seorang engineer yang telah pencen, kita masukkan di situ, sebab kita mahu nasihatnya dan juga pegawai Kementerian Kewangan yang mahir, pintar mendapatkan duit, kita masukkan, apa salahnya. Jadi, saya nampak kalau boleh tambahkan lagi dalam Lembaga ini 3 orang yang difikirkan oleh Menteri patut dan layak duduk di tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Jadual (Seksyen 3)

1. (1) Seseorang ahli Lembaga yang—

(a) tidak hadir

termasuklah seterusnya dalam bahagian “(c) telah menjadi bangkrap atau membuat sesuatu perkiraan dengan pemiutang-pemiutangnya;”

Saya harap seseorang yang telah menjadi Ahli Lembaga kita ini, dia telah didapati bangkrap tetapi selepas itu dapat dimansuhkan bangkrapnya melalui mahkamah, kita harap dia juga dapat ditimbangkan semula supaya duduk dalam Lembaga ini.

Yang kedua, ahli gilir. Ia patut juga dimasukkan sama dalam badan ini, sebab badan ini badan yang bertanggungjawab, badan yang mempunyai sumber kewangan yang teguh pada setiap masa. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya beri pandangan dan saya menyokong Rang Undang-undang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Raja Datuk Nong Chik.

4.55 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini dan saya hendak memberi sedikit teguran yang sihat dan membina untuk dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya di Malaysia kita ini adalah penting kerana ia membawa hasil mahsol kita terutama sekali ladang-ladang getah kita yang luas, kita mempunyai ladang kelapa sawit yang seluas-luasnya dan tidak lama lagi koko pula begitu juga dengan bijih timah dan lain-lain. Oleh kerana itu negeri kita menjadi sebuah negeri yang cukup kaya di negeri-negeri ASEAN ini. Tetapi apa yang dikatakan oleh rakan saya tadi, kita ini selalu terlambat, orang sudah melangkah 10 batu, kita baharu hendak berjalan. Ini tentulah barangkali kesilapan oleh kerana pandangan kita tidak berapa luas. Sudah 10 tahun, 20 tahun orang buat, baru kita hendak buat. Cuba kita tengok satu contoh bagaimana Singapura; bila saya katakan Singapura, saya tahu negerinya kecil tetapi di Singapura cuba kita tengok lebuhrayanya, bagaimana elok bentuknya, bagaimana pokok-pokok kayu ditanam di serata tepi jalan. Inilah yang dikatakan lebuhraya yang termoden, lebuhraya yang elok.

Kalau kita pergi ke Eropah, kalau kita tengok di negeri Jerman, jalannya cukup elok, cukup molek, bukan sahaja molek dikiri kanan jalan itu supaya jangan bising, sebab pada waktu tengah malam motokar berjalan, siang berjalan, bising sangat. Dengan sebab itu ia tanam pokok kayu yang tinggi-tinggi di tepi kiri kanan jalan sepanjang-panjang jalan di mana-mana sahaja. Kemudian di tengahnya—dividernya pun ditanam pokok-pokok bunga yang mengelokkan jalan itu, oleh kerana jalan itu digunakan oleh semua manusia sama ada orang yang datang melihat negeri itu dan juga orang-orang yang di dalam negeri itu sendiri, orang yang lalu jalan itu juga membayar cukai, dengan sebab itu dibina jalan itu dengan sebaik-baiknya. Tetapi lihat bagaimana lebuhraya kita yang dikatakan daripada Kuala Lumpur/Seremban. Kepada saya memang tidak puas hati langsung, memang jalan dibuat 4 lanes—bagus tetapi adakah jalan itu yang terbaik sekali di dunia sebagaimana yang kita siarkan dalam akhbar itu kita puji diri kita sendiri. Tetapi kita hendaklah memperbaiki betul-betul supaya jalan itu betul-betul elok macam yang kita tengok di luar-luar negeri. Kita berkehendakkan negeri yang moden dan kita hendakkan jalan yang betul-betul elok.

Cuba kita tengok kemalangan-kemalangan jalanraya yang berlaku di Seremban/Kuala Lumpur, apa sebabnya. Pada masa dahulu kita juga bercakap di mana ada kampung iaitu oleh kerana tabiat orang-orang kita di kampung-kampung ada membeja kerbau, lembu, kambing dan sebagainya. Kerbau dan kambing ini bila-bila sahaja masuk ke tengah jalan dan ia tidak macam manusia boleh dilarang, diajar, tetapi binatang ini bukan boleh diajar melainkan kita cari jalan supaya kita adakan pagar, macam mana negeri-negeri yang bertamaddun buat iaitu dipagar sepanjang-panjang jalan itu di mana juga ada kampung yang ada memelihara ternakan binatang. Ini beberapa kali terjadi, Tuan Yang di-Pertua, kemalangan-kemalangan oleh sebab cuai, sudah beberapa banyak terjadi baru hendak buat. Jangkanya tidak payah berleter di Dewan ini kerana pegawai-pegawai sudah fikirkan di kampung apa ada, tepi-tepi sawah mesti ada kerbau. Dengan sebab itu kita terpaksa mencari jalan bagaimana hendak memagar tepi-tepi jalan itu. Tetapi kalau kita pergi ke negeri yang bertamaddun lebih daripada itu dibuat.

Kalau kita pergi, katakanlah daripada Kobe ke Osaka, oleh kerana Kerajaan juga memikirkan keselamatan rakyat dengan sebab itu di tepi kiri kanan jalan itu pula diletakkan noise-proof terus-menerus oleh kerana rakyat juga hendak tidur malam, bising dan sebagainya, sebab itu diadakan noise-proof, tidak dengar orang duduk di tepi-tepi jalan apa yang terjadi, noise pollution jadinya, kesihatan manusia terganggu. Ini semua Kerajaan yang bertanggungjawab terpaksa memikirkan segala-galanya, bukan hendak buat jalan sahaja, kemudian keselamatan rakyat tidak difikirkan. Ini terpaksa difikirkan oleh kerana kita sekarang hendak membuat jalan yang betul-betul baik. Kita berbincang di sini oleh kerana kita hendak menghamburkan fikiran supaya jalan di Malaysia ini akan setanding atau lebih baik lagi daripada negeri-negeri yang bertamaddun. Ini yang kita tubuhkan Lembaga ini. Itu sebab kami di Dewan Negara ini bercakap untuk menghamburkan buah fikiran apa yang kita telah nampak di luar-luar negeri supaya kita boleh elakkan lagi daripada yang ada di luar-luar negeri.

Saya telah bercakap, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jalan Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur. Yang Berhormat Menteri telah menjawab setahun dahulu. Apa yang kita buat, mula-mula kita tanam pokok-pokok bunga di tengah jalan, pokok bunga ini tak terjirus, tak dibela, tinggi lalang dari pokok, Yang Berhormat Menteri barangkali selalu menengok bila pergi ke Seremban, akhirnya hari ini kita tengok di mana bunganya, berapa ratus ribu, barangkali beribu-ribu kita telah tanam pokok-pokok di tengah-tengah jalan ini, mana dia pokok ini? Yang Berhormat Menteri telah mengatakan kepada saya setahun dahulu akan mengambil tindakan di atas perkara ini, sampai hari ini tak ada tindakan apa-apa. Apabila kita tanam pokok, maintenance mesti ada. Ini maintenance tak ada, buat sahaja, tanam sahajalah, kemudian hendak hidup-hiduplah, bergantunglah: Ya, Tuhan! hiduplah engkau. Ada hujan hiduplah engkau, kalau tidak, tak usah. Jangan taruh makanan pokok yang baik lagi, biarlah di atas batu merah itu hiduplah engkau. Bukan dia segar—tidak, makin lama makin habis. Jadi berapa ratus ribu duit Kerajaan membazir. Ini Yang Berhormat Menteri mesti tahu, berapa ratus ribu telah habis oleh kerana begini gayanya. Perkara "tak apalah", dia boleh hidup, kita berserah sahajalah kepada Tuhan, ini sebabnya orang Melayu

berserah sahaja kepada Tuhan begini nasib orang Melayu. Begitulah saya katakan jalan ini tadi, bukan kita hendak berserah kepada Tuhan tetapi kita mestilah juga menjalankan ikhtiar kita untuk menengokkan kebaikan jalan-jalan kita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya hendak elaborate sedikit berkenaan dengan pakar-pakar buat jalan. Pakar-pakar yang buat jalan, buat jambatan dan buat pelabuhan tadi saya juga bertanya di atas Pelabuhan Kuantan. Harbour ini tidak kena-mengena dengan lebuh raya tetapi jalan ini akan terus juga ke pelabuhan, kalau tidak pergi ke pelabuhan tidak bolehlah, mesti ada jalan ke Port Klang, Kuantan, Johor Bahru, Pulau Pinang dan sebagainya. Ini semua menggunakan jalan oleh kerana kita hendak mengangkut barang ini ke pelabuhan-pelabuhan untuk dieksport keluar negeri. Di sinilah oleh kerana pakar perunding, kita tidak percaya kepada orang Malaysia, kita masih lagi mengingatkan penjajah sahajalah yang baik. Engineer kita yang pergi keluar negeri berpuluh tahun belajar difikirkan oleh orang kita sendiri rendah pelajarannya daripada orang Eropah tetapi Yang Berhormat Menteri tahu bagaimana terjadinya dengan Bina-Citra Construction di Kuantan, iaitu satu kontraktor orang Perancis (France), bagaimana ranapnya Pelabuhan kita. Kalau saya tak silap beratus million habis dan akan dibelanjakan beratus million lagi. Kita boleh tengok godownnya pun tak ada sesuai lagi oleh kerana pakar perunding daripada luar negeri tak tahu, dia datang ke sini tengok sahaja, boleh jadi air lumpur daripada sungai itu menekan ke tepi tebing langsung habis. Itu sebabnya kita tidak boleh percayakan sangat perunding luar, barangkali perunding-perunding kita lebih baik lagi daripada perunding-perunding yang ada daripada luar negeri.

Oleh kerana jalan-jalan ini juga apabila ditanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bukan Pelabuhan Kuantan sahaja crack, bila saya kata crack dahulu, tetapi di semua pelabuhan ada crack juga, maknanya retak-retak. Itu sebabnya supervision jambatan dan jalan ini mestilah dibuat oleh Kerajaan ataupun apabila Lembaga ini ditubuhkan maka Lembaga ini mestilah dengan betul-betul menengokkan supaya jangan pisang berbuah dua kali, supaya jangan berlaku perkara ini lagi sekali oleh kerana rakyat tahu perkara

ini. Janganlah Yang Berhormat Menteri hendak sorok-sorok, rakyat tahu, rakyat ambil gambar hendak menunjukkan macam mana gayanya jahanamnya pelabuhan ini, ada gambar. Ini tidak dapat disorok-sorokkan. Kalau misalnya baju saya boleh disorokkan, tetapi ini perkara yang besar tidak dapat disorokkan oleh sesiapa pun.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya harapkan jikalau misalnya Yang Berhormat Menteri terpaksa pandang jauh. Yang Berhormat Tan Sri juga pergi bersama ke Melawi. Ada satu tempat bernama "Lo Long Way", iaitu pekan yang akan dijadikan pekan yang baru betul. Pusat (capital) yang dahulu, iaitu Belantaire pindah ke Lo Long Way. Di situ orang-orang Afrika yang kita katakan lebih-lebih mundur daripada kita, alangkah baju pun tak ada, hendak pergi ke pekan pun kalau tidak ada certificate ada baju tidak boleh pergi, tetapi mereka pandang 100-200 tahun yang akan datang apabila membina jalan, dibuatnya 4 jalan tetapi rezabnya sampai terus-menerus, apabila ada duit ataupun masa dikehendaki boleh dibuat lagi.

Pada hari ini tengok jalan-jalan kita antara Seremban-Kuala Lumpur, rezab jalannya tak ada, cuma dari sini ke situ sudah ada longkang. rezabnya tak ada dibuat, kemudian pada hari akan datang kita hendak acquire lagi tanah, lebih mahal lagi. Jangkaannya saya yakin dan percaya pada tahun 1990, masa itu kita masih ada lagi, kalau macam saya ini tegap sedikit barangkali boleh menengok tahun 1990 atau tahun 2000 jalan ini akan sempit. Pada masa itu kita terpaksa memikirkan. Adakah kita hendak tidak lama lagi, iaitu 20 tahun akan datang kita terpaksa acquire lagi tanah di tepi-tepi jalan itu lagi? Ini memakan belanja yang cukup banyak. Pada hari ini murah tetapi pada hari yang akan datang makin mahal harganya.

Dengan sebab itu saya harap kepada Yang Berhormat Menteri apabila mengambil (acquire) tanah daripada State Government kerana tanah yang dipunyai oleh orang ramai terpaksa melalui Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri akan mengambilkan untuk Lembaga ataupun untuk Kementerian Yang Berhormat Menteri maka side tablenya mestilah diluaskan sekurang-kurangnya sekali ganda lagi diluaskan kiri kanannya supaya pada hari akan datang senang sahaja kita

boleh membina. Hari ini kita membuat kesilapan iaitu cuba kita tengok daripada Kuala Lumpur ke Kelang dan Port Swettenham, kita tengok tidak ada apa-apa reservenya. Jadi kalau kita hendak membuat reserve ini terpaksa kita membuat jalan yang lain. Saya dengar kita hendak buat jalan daripada Port Kelang ke Kuala Lumpur terpaksa merentas jalan lain.

Sebelum daripada itu, saya berharap Yang Berhormat Menteri memikirkan di atas pengambilan tanah-tanah ini. Selain daripada itu Yang Berhormat Menteri juga mesti memikirkan iaitu kalau kita mengikut seperti di Eropah, di Jepun dan sebagainya kereta laju, jalan terus menerus mestilah ada Highway Restaurantnya. Highway Restaurant atau service area itu mestilah ada dibuat di mana mereka boleh masuk ke dalam minum dan sebagainya kemudian boleh pergi semula. Di mana-mana negeri yang bertamaddun mesti ada dibuat seperti ini. Ini adalah untuk menyenangkan rakyat oleh kerana di tengah-tengah jalan barangkali sakit perut jadi ada tempat buang air dan sebagainya tetapi pada hari ini kalau sakit perut bertabur dalam getah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu berkenaan dengan hasil daripada jalan tol. Saya mendengar dan membaca suratkhbar sudah lama jalan tol dicadangkan tetapi sehingga hari ini tidak ada tol langsung, yang ada cuma "pendek-pendek" (short) "tollnya" tidak ada. Saya dengar perkara hendak mengadakan jalan tol ini sudah dua tahun maka sudah adakah dipanggil sesiapa yang hendak joint venture badan yang ditubuhkan oleh sesiapa juga maka sudahkah ini dibuat dan sudahkah ada rancangan-rancangan yang telah berjalan yang kita Ahli-ahli Dewan Negara tidak tahu dan dilaksanakan jalan-jalan seperti Yang Berhormat Menteri katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap apa-apa cuma saya hendak memberitahu kepada Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan jalan tol ini tadi jikalau ada joint venture dengan bangsa asing jangan di buat agreement sehingga sepuluh tahun kerana apa telah jadi di Hongkong, iaitu daripada Hongkong ke Kowloon, subway bawah laut tadi dibuatnya sampai sepuluh tahun—saya pun tidak pasti tetapi dalam

masa sepuluh tahun untuk mengambil balik modal. Tetapi dalam tempoh satu tahun lebih sahaja segala modal-modal yang telah di-hamburkan oleh pemodal itu kepada Kerajaan Hongkong telah habis. Jadi lapan setengah tahun dia akan untung dan terus untung. Kalau lima tahun barangkali tidak apalah, mereka membuat jalan ini bermakna keuntungan tetapi jangan masanya (period) itu dipanjangkan sangat. Kalau misalnya tol ini sampai bila-bila masa sekalipun mereka lagi untung. Ini adalah pandangan saya berkenaan dengan tol ini, janganlah esok apabila kita katakan begitu kita lambat hati sebab hendak buat jalan dan sebagainya kita serahkan sehingga 10 tahun, 15 tahun joint venture dengan sesiapa juga.

Saya juga memberi sedikit pandangan iaitu jalan ini adalah penting. Kalau maksudnya keretapi memang tidak boleh advance lagi, progress tidak boleh sebab bila saya tanya rail itu tidak boleh ditukar begitu sahajalah. Negeri lain sudah bertukar railnya, sudah dibesarkan, sudah dilajukan tetapi Malaysia saya ingat tidak boleh. Ini barangkali pandangan yang pendek sangat, tidak memandang hari yang akan datang maka begitulah railnya terus menerus begitu sahaja. Dengan sebab itu jalan adalah penting untuk memungut hasil masuk kita, untuk kemajuan negara kita maka jalan samada yang dikatakan tol itu mestilah dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh.

Satu lagi Yang Berhormat Menteri janganlah bila kita tanyakan jalan berlubang di sana sini maka dikatakan di mana tempat berlubang hendak kita beritahu, ini sudah di serata negara Kementerian tidak cepat mengambil tahu, overseer ada, engineer sentiasa lalulalang, tetapi tidak mengambil initiative yang cepat supaya jalan yang berlubang-lubang itu ditimbus dan sebagainya. Perkara ini saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri memberi amaran samada kepada Urusetia, Engineer, Pegawai Daerah ataupun Kerajaan Negeri menengokkan supaya jangan kemalangan-kemalangan motokar berlaku oleh kerana lubang-lubang yang besar tidak ditimbus memakan masa berbulan-bulan baru dapat ditimbus lubang-lubang ini.

Itu sahajalah ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.17 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia yang telah dibentangkan di hadapan kita pada hari ini dan saya juga hendak memberikan ucapan tahniah kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam kerana telah menyedari bahawa tanggungjawab Kementerian Kerjaraya ini terlalu besar, terlalu banyak dan sebagaimana yang pernah saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kunci projek pembangunan negara kita ini adalah terletak di tangan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Jadi, hari ini saya berasa megah dan rakyat juga akan merasa bangga kerana Kementerian berkenaan telah merangka satu Lembaga yang dinamakan Lembaga Lebuhraya Malaysia yang akan dijalankan di negara kita ini.

Sebagaimana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi bahawa pelaksanaan Lebuhraya yang akan dilaksanakan itu adalah amat penting dan patut sangatlah kita mengambil contoh daripada mana-mana negeri, mana-mana negara maju supaya Lebuhraya yang kita akan bina ini dan juga dengan kita mengenakan tol akan merasakan selisa kepada rakyat yang hendak membayar seperti kata saudara saya Raja Datuk Nong Chik ada tempat-tempat minum air, tempat-tempat boleh mengisi minyak kereta dan sebagainya itu adalah satu perkara yang amat baik.

Saya memberi sedikit sahaja pandangan saya dalam perkara ini ialah mengenai dengan keanggotaan ahli-ahli Lembaga.

Saya hendak memberi sedikit pandangan saya dalam perkara ini mengenai dengan keanggotaan Lembaga. Saya ingat dalam Bill ini keanggotaannya terdiri daripada ahli-ahli seperti berikut:

Keanggotaan
Lembaga

4. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang akan dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab atas kerjaraya;

(c) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab atas kewangan atau wakilnya;

(d) Ketua Pengarah Unit perancang Ekonomi atau wakilnya;

(e) Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya, Semenanjung Malaysia atau wakilnya; dan

(f) Ketua Pengarah Lembaga.

Pendek kata daripada (a) atau daripada (b) sampai (e), ahli yang mewakili jabatan iaitu mewakili ketua-ketua jabatan dan cuma di seksyen kecil (2) sahaja boleh difahamkan bahawa seorang Menteri boleh melantik tidak lebih daripada empat orang ahli lain yang mewakili kepentingan khas.

Saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh sahabat saya Datuk Haji Ahmad Arshad bahawa orang-orang yang mewakili selain daripada jabatan itu amat penting kerana mereka itu dapat memberikan pandangan-pandangan atau cadangan-cadangan dalam mesyuarat Lembaga daripada pandangan-pandangan umum daripada pandangan-pandangan di kalangan rakyat.

Saya juga minta Yang Berhormat Menteri menimbangkan sewaktu hendak melantik seorang Pengerusi dan seorang Ketua Pengarah Lembaga, kebiasaannya mana-mana lembaga yang dibentuk, Pengerusi juga terdiri daripada pegawai Kerajaan sama ada Ketua Setiausaha Kementerian ataupun Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian dan sebagainya. Ketua Pengarah dalam Lembaga itu juga terdiri daripada anggota kakitangan Kerajaan.

Saya merasakan baik di antara Pengerusi dengan Ketua Pengarah tadi kita asingkan iaitu maksud saya Ketua Pengarah biarlah terdiri daripada Pegawai Kerajaan sebab tidak boleh dipisahkan dia sebagai pegawai Kerajaan, tetapi Pengerusi kepada Lembaga itu patutlah dipilih atau dilantik daripada kalangan ahli-ahli politik sama ada Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara umpamanya, barulah lembaga itu dapat berjalan dengan mengandungi anggota daripada Kerajaan dan daripada parti politik khususnya parti pemerintah. Sebab kalau Lembaga ini dibuat sama seperti lembaga-lembaga yang

lain, saya tidak berapa nampak dalam masa yang singkat, sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri tadi akan dapat dilaksanakan, barangkali proses biasa masih hendak berjalan dengan cara-cara lama kita, tetapi kalau sebahagian daripada anggotanya terdiri daripada kakitangan Kerajaan tetapi sebahagian lagi atau Pengerusinya terdiri daripada ahli politik tentulah mereka lebih memahami jangka masa mana projek itu patut siap bagi kepentingan negara dan juga kepentingan parti politik kita sendiri. Jadi saya minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya menimbang perkara ini dengan sehalus-halusnya dan kalaulah dipersetujui cadangan saya ini, saya rasa elok sangat seorang daripada ahli politik dilantik menjadi Pengerusi kepada lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak mengambil peluang dengan masa yang panjang, tetapi satu perkara lagi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu lebuh raya yang akan dibina nanti daripada Barat ke Johor. Inipun saya tidak menghalang tetapi saya cuma hendak mengemukakan balik, janganlah Yang Berhormat Menteri tertinggal satu lebuh raya yang telah dirancang di awal Rancangan Malaysia Keempat nanti iaitu jalan daripada Perak menghubungi Gua Musang dan daripada Gua Musang menghubungi Kuala Berang, Trengganu. Itu juga satu daripada lebuh raya yang besar yang patut dibina untuk memberi faedah dan kesenangan dan keuntungan, terutama sekali kepada rakyat di Pantai Timur, kerana pada hemat saya dengan adanya lebuh raya daripada Perak ke Gua Musang dan dari Gua Musang ke Kuala Berang, maka rakyat negeri Trengganu, Kelantan akan dapat menghubungi Pantai Barat dengan Pantai Timur dengan cara yang paling senang. Selain daripada pembinaan lebuh raya yang ada sekarang daripada Kuala Krai dan Gua Musang dan diharapkan daripada Gua Musang ke Kuala Lumpur menerusi Kuala Lipis mesti dilaksanakan dengan segera.

Saya difahamkan sekarang ini jalan raya yang telah dibina daripada Kuala Krai ke Gua Musang mengikut dalam agreement adalah 3 tahun baru siap, tetapi saya diberi faham oleh kontraktor yang berkenaan dalam jangka masa 2½ tahun sahaja jalan itu akan siap. Jadi kalau siap rancangan jalan daripada Gua Musang - Kuala Lipis dan Kuala Lipis -

Kuala Lumpur, itu juga hendaklah dirancang daripada sekarang dan hendaklah dilaksanakan serentak dengan lebuh raya yang lain. Saya sendiri kurang pasti, tetapi bolehlah saya anggapkan sebagai lebuh raya dan tertakluk kepada Lembaga yang kita bentuk dalam Rang Undang-undang yang ada pada hari ini.

Jadi itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bahawa rasa gembira kita semua dan juga rakyat menyambut satu penubuhan Lembaga yang baru dengan harapan Lembaga ini dapat berjalan dengan penuh tanggungjawab untuk kepentingan rakyat kita yang sedang menunggu-nunggu, yang sedang berkehendakkan pembangunan khususnya dalam pembinaan jalan-jalan raya dalam Malaysia kita ini.

Kita tidak lagi mengharapkan seperti kata sahabat saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik iaitu keretapi tak boleh diharapkan lagi, keretapi tidak menjadi satu kenderaan yang begitu mendatangkan minat rakyat hari ini, tetapi rakyat lebih suka berjalan dengan motokar ataupun kalau hendak cepat lagi dengan kapal terbang. Jadi atas soal hasrat dan kemahuan rakyat itulah yang patut kita laksanakan secepat mungkin.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong Rang Undang-undang Lebuh raya Malaysia (Perbadanan) 1980 ini.

5.27 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya pada petang ini ghairah hendak membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Lebuh raya yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan di Dewan ini. Sebelum saya menyentuh perkara yang ada dalam Bil ini, saya terpaksa membuat mukaddimah terlebih dahulu iaitu mengingatkan Kerajaan dan khususnya Kementerian berkenaan mengenai mentaliti atau cara berfikir kita hendaklah kita ubah. Yang perlu kita ubah pandangan biasa pembangunan itu mesti dibuat di sebelah Pantai Barat Semenanjung lebih dahulu daripada sebelah Pantai Timur. Cara berfikir begini patut kita hapuskan dalam zaman pembangunan yang bergerak maju sekarang. Banyak orang berfikir pembangunan di sebelah barat dahulu, sebelah

timur kemudian sedikit, lepas itu baru Sabah dan Sarawak. Kalau ada cara berfikir ini, rakyat di negeri-negeri di Pantai Timur khususnya di Kelantan, Pahang, Trengganu dan juga Johor Timur akan dengan sendirinya dianak-tirikan dalam menikmati pembangunan.

Saya mengalu-alukan Bil ini kerana mewujudkan satu Lembaga lebuhraya bagi menyelenggarakan lebuhraya yang indah yang akan dibuat dan akan dianggotai oleh pegawai, kakitangan dan peruntukan dan sebagainya yang lengkap. Akan tetapi pelaksanaan lebuhraya itu perlulah dalam pemikiran Yang Berhormat Menteri iaitu jangan memikirkan sebelah barat sahaja. Ianya mesti wujud di sebelah timur juga sebagaimana jabatan keretapi, kami di Pantai Timur memang suka keretapi, kami akan jadikan suatu antik di dalam negara kita. Perkhidmatan Keretapi yang antik wujud, marilah ke sebelah timur untuk membawa pelancung daripada luar negeri.

Di sebelah barat sudah ada perkhidmatan Keretapi Ekspres Rakyat yang berhawa dingin daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang dan daripada Kuala Lumpur ke Singapura mengambil tempoh cuma 5 jam sahaja. Tetapi perkhidmatan keretapi di sebelah timur sebagaimana saya cakap dahulu mengambil masa sampai 6 hingga 8 jam daripada Kuala Lipis pergi ke Kuala Krai yang hanya 85 batu jauhnya, sedangkan rakyat di Pantai Timur adalah rakyat yang serupa membayar cukai yang sama, membayar tax juga kepada Kerajaan kita. Inilah perkara yang saya mohon kepada Kerajaan terutama Pengerusi yang akan dilantik kelak, dan baru sebentar tadi Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin sudah berkata Lebuhraya daripada Gua Musang diharap ke Kuala Lipis dan ke Kuala Lumpur.

Saya telah menanyakan perkara ini kepada Menteri yang berkenaan pada masa itu dalam tempoh sidangnya dahulu dan sudah memperakui bahawa lebuhraya ini akan diwujudkan daripada Kuala Lumpur ke Bentong, Bentong ke Kuala Lipis, ke Gua Musang dan ke Kuala Krai dengan hasrat ini akan jadilah satu lebuhraya yang panjang daripada Pantai Timur ke Pantai Barat.

Saya memang akur langkah Kerajaan hendak mengadakan Golden Triangle, lebuhraya yang berpusat di Gua Musang yang boleh dibawa daripada Sungai Siput ke Gua Musang, ke Kuala Brang, daripada Gua Musang ke Kota Bharu, Gua Musang ke Kuala Lipis dan kita jangan lupa bahawa Cameron Highlands juga patut dimasukkan dalam lengkungan Golden Triangle lebuhraya ini. Tetapi janganlah indah khabar dari rupa, kita membuat Lebuhraya Karak ke Kuala Lumpur, kita mengakui keselesaan sekarang ini, tetapi pendeknya cuma 7 batu sahaja, tidak lebih daripada itu.

Apa yang perlu diperhebatkan sekarang oleh Lembaga Lebuhraya ini ialah bukan sahaja jalanraya adalah cantik akan tetapi pemendekkan jalanraya itu sendiri perlu dipertimbangkan. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, perlulah kita membuat satu penilaian, kajian pembesaran jalan yang telah direka oleh kami, kalau boleh kita sambungkan jalan yang ada, yang boleh melalui jalan yang ada, tidak payah kita membuat satu jalan yang tersendiri. Ini merugikan perbelanjaan dan apa yang telah terjadi pada Lebuhraya Karak ke Kuala Lumpur dengan jalan lama daripada Kuala Lumpur ke Bentong, jalan itu sekarang bolehlah digunakan tetapi jarang-jarang dilalui sebab Lebuhraya Karak ke Kuala Lumpur ini lebih nikmat, lebih cepat, lebih selesa maka tinggalah yang lama. Jadi perkara yang seumpama ini patutlah ditimbang oleh Lembaga ini kelak supaya tidak berlaku keadaan yang sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat pandangan kepada Bil ini dan saya telah baca daripada awal hingga akhir beberapa kali. Saya tidak nampak mengapa kuasa membuka tender tidak dimasukkan dalam kuasa Lembaga Lebuhraya ini, kuasa membuat pelan, pembinaan dan lain-lain semuanya cukup, tetapi kuasa pembukaan tender tidak ada di dalam Bil ini. Jadi bermakna balikkah semula kepada rangka lama bahawa tender akan dibuka oleh Jabatan Kerjaraya dan penyusunan kerja itu dibuat oleh Lembaga ini.

Saya tidak tahu sama ada ada tersebut di mana-mana dalam Bil ini tetapi dari apa yang saya baca dan saya fahamkan tiada kuasa membuka tender untuk Lembaga ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat menjelaskan perkara ini. Oleh sebab

Rang Undang-undang ini sudah wujud, apakah salahnya dikaji oleh orang yang membuat Rang Undang-undang ini supaya memasukkan suatu perkataan yang boleh meletakkan ianya di bawah kuasa sesebuah Kementerian, sebab dalam Bahagian II, muka surat 4 "Penubuhan Lembaga" maka hendaklah ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan yang bernama "Lembaga Lebuhraya Malaysia" yang kekal turun menurun dan mempunyai suatu meteri dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya dan tertakluk kepada Akta ini dan bagi maksud-maksud Akta ini, dan lain-lain sehingga tamat.

Sepatutnya ianya diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian yang berkenaan sebab dalam Bil ini apabila dia hendak melabur, membuat pelaburan dia mesti mendapat kebenaran daripada Menteri Kewangan, dia tidak perlu meminta kebenaran daripada Menteri yang melantik Pengerusi atau melantik ahli dalam Lembaga ini, iaitu dalam muka surat 6, seksyen 8 (3):

"8. (3) Lembaga hendaklah mendapatkan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan...." Dalam pelaburan pula ada diperkatakan iaitu muka surat 10 seksyen 17 "Kuasa untuk melabur" berbunyi demikian:

"17. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri Kewangan melaburkan Kumpulanwang atau mana-mana bahagian daripadanya yang tidak dikehendaki dengan segera untuk menjelaskan tanggungan-tanggungan Lembaga atau melaksanakan fungsi-fungsinya-" (a) dan (b).

Bila hendak melabur, Lembaga ini mesti meminta kebenaran daripada Menteri Kewangan dan bila hendak mengubah perkhidmatan Menteri yang berkenaan mesti berpakat dengan Menteri Kewangan.

Dalam muka surat 7 seksyen 11 (3) ada menyebutkan:

"11. (3) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang ada munasabahnyanya adalah perlu bagi, atau bermanfaat atau bersampingan dengan, perjalanan fungsi-fungsinya, dan khususnya."

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak arif dalam undang-undang. Kalau saya arif dalam undang-undang mungkin saya telah duduk di hadapan pada masa ini, akan tetapi saya mohon dapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan mengapa undang-undang yang macam ini tertakluk kepada dua tiga orang Menteri. Bila mengenai perkhidmatan pergi kepada Menteri yang berkenaan dengan persetujuan Menteri Kewangan dan melabur pula tidak payah kira Menteri Kerjaraya, kita boleh dapat kebenaran daripada Menteri Kewangan. Tetapi dalam Clause ini ada dikatakan Lembaga ini ada kuasa boleh membuat apa sahaja pada budibicaranya.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah orang undang-undang menyelesaikan Rang Undang-undang ini dan orang hendak bercakap biarlah dia bercakap, akan tetapi nyatalah bahawa sanya Yang Berhormat Menteri ini sebagai Menteri yang bertanggungjawab kepada Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 ini mempunyai kuasa yang tertentu yang dia tidak boleh jalankan. Akan pergilah Pengerusi ini daripada satu Menteri kepada satu Menteri yang lain. Kalau ini caranya, Tuan Yang di-Pertua, lebuhraya ini akan tidak dapat dijalankan dengan baik oleh sebab perbezaan pendapat.

Saya harap pada satu ketika Rang Undang-undang ini dibawa balik ke Dewan ini untuk dipinda supaya pelaburan ini mesti dapat kelulusan daripada Menteri yang berkenaan sahaja, tidak mustahak Menteri Kewangan dan untuk menaikkan perkhidmatan pegawai-pegawai ini pun adalah dengan persetujuan Menteri yang berkenaan, tidak perlu berunding dengan Menteri Kewangan. Kenapa mahu berunding dengan Menteri Kewangan kalau hendak naikkan pangkat seseorang? Adakah Menteri ini tidak diberi penuh tanggungjawab atau oleh kerana satu daripada kehendak Menteri yang sekarang ini supaya tanggungjawabnya kurang? Jalan tidak boleh dibuat, lebuhraya tidak boleh dibuat bukan salah saya kerana sudah ada Lembaga Lebuhraya sekarang ini atau inikah alasannya?—Tentulah tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Saya baca sekali lagi Fasal 8 (3)—

"(3) Lembaga hendaklah mendapatkan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan sebelum mengadakan

atau mengubahsuai apa-apa skim perkhidmatan bagi pegawai-pegawai atau penjawat-penjawatnya, termasuk had-had dan syarat-syarat perkhidmatan, gaji, elaun dan lain-lain saraan yang kena dibayar serta lain-lain faedah.”

Iniilah satu contoh kelemahan Akta ini. Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita kaji dan kita baca kerana kalau kita baca sepenuhnya pula apa yang saya baca tadi tentang pelaburan, Fasal 17—

“17. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri Kewangan, melaburkan Kumpulanwang atau mana-mana bahagian daripadanya yang tidak dikehendaki dengan segera untuk menjelaskan tanggungan-tanggungan Lembaga atau melaksanakan fungsi-fungsinya—”

Tidak payah berunding dengan Menteri yang berkenaan; hanya berunding dengan Menteri Kewangan sahaja. Setakat mana kuasa Pengerusi Lembaga ini boleh dibuat, tidak dinyatakan dalam Fasal ini, cuma disebutkan dalam fungsinya:

“11. (2) (a) membuat peruntukan mengenai pembinaan, pengendalian, pengurusan, penjagaan, pengaturan atau perlindungan terhadap harta Lembaga atau mana-mana lebuhraya yang dibina atau dibina semula;

(b) x x x x x

(c) x x x x x

(d) x x x x x

Tetapi Fasal 11 (3) sudah diperkatakan kuasa yang kuat kepada Lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sedikit sebanyak perkara yang saya sentuh berhubung dengan Bil ini dan saya harap dapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri dan kalau perlu boleh dibawa balik ke Dewan ini untuk dipinda dan Dewan ini bersedia akan meminda segala perkara yang tidak seimbang dengan kedudukan dan taraf.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apabila lulus sahaja Bil ini dan Lembaga Lebuhraya ini diwujudkan, perlu-

lah pandangan yang saya kemukakan tadi diberi perhatian supaya pembinaan Lebuhraya Golden Triangle yang berpusat di Gua Musang itu didahulukan daripada lebuhraya-lebuhraya yang lain sama ada daripada Melaka ke Jonor atau dari Seremban ke Kuala Lumpur atau jalan baru yang lain-lain kerana fungsinya akan mengaitkan empat buah negeri iaitu Trengganu, Kelantan, Pahang dan Perak. Selain daripada itu kita boleh dengan siangnya jalan ini kelak akan boleh mengawal kegiatan-kegiatan komunis di dalam hutan belantara. Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, pasukan keselamatan kita bekerja kuat, bertungkus-lumus, bermalam dalam hutan belantara tetapi oleh sebab kepayahan perhubungan pengawalan ini tidak dapat diakukan. Tetapi walau macam manapun kejayaan ini kita nampak dari semasa ke semasa beberapa orang komunis telah dapat ditawan. Tetapi dengan wujudnya Lebuhraya Golden Triangle yang saya sebutkan tadi, insya Allah kita boleh dan ada upaya bagi mengawal keselamatan negara kita dengan lebih ketat, lebih kuat dan lebih gigih lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya yang saya maksudkan ini hendaklah juga diberi penafsiran kerana kalau tidak ada penafsiran apa yang dikatakan lebuhraya, adakah daripada Seremban ke Kuala Lumpur ini patut lagi kita buat lebuhraya; kapal terbang MAS cuma 6 orang sahaja boleh turun dari Kuala Lumpur ke Melaka oleh sebab jalanraya lebih baik. Dengan demikian saya berharap ditimbangkan sambungan daripada lebuhraya yang saya katakan tadi, lebuhraya daripada Kuantan sekarang ini bukan sahaja sampai ke Trengganu tetapi buat satu daripada Kuala Brang atau Ulu Brang itu hendaklah juga dipertimbangkan sehingga ke tempat pelancungan yang terkenal iaitu di Tembeling atau di Jerantut kerana pada zaman dahulu dari Tembeling hendak pergi ke Pasir Raja ada sebuah tempat dalam Ulu Brang cuma 6 jam berjalan kaki, kita berlepas daripada pagi boleh sampai ke Pasir Raja lebih kurang pukul 4.00 petang. Jadi kalau sekiranya ada jalan ini kelak maka bolehlah turun di Tembeling dan pergi ke Jerantut melalui tempat pelancungan yang terkenal di negara kita dan juga dapat dikaji hasil-hasil bumi yang terpendam di Ulu Pahang yang masih belum dikaji.

Pada satu ketika dahulu, Tuan Yang di-Pertua, ada seorang mendapat tanah yang boleh dibakar, bermakna tanah itu ada mempunyai minyak tetapi oleh sebab tidak ada orang yang menyiasat carigali ini, jadi cerita itu sudah tidak terbuka hingga hari ini. Tetapi oleh sebab kawasan ini tidak ada jalan, kalau hendak ke kawasan itu mesti naik melalui empat puluh jeram baru sampai ke Tembeling. Daripada Tembeling boleh kita pergi berjalan kaki ke Trengganu, kalau jalan ini dibuat kawasan ini boleh disiasat carigali, hasil mahsulnya mungkin ada kalau tidak minyak, tembaga atau lain-lain. Saya berharap benar dengan wujudnya Lembaga Lebuhraya ini dapat melaksanakan jalanraya-jalanraya dalam negeri kita ini, cerahlah negara kita terutama negeri-negeri di pantai timur. Inilah harapan saya dan saya menyokong Bil ini dengan hati yang rendah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah.

5.51 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini sebenarnya kalau hendak diperincikan secara satu persatu daripada Bahagian I sampai ke Bahagian VI memanglah panjang kalau hendak diteliti betul-betul tetapi untuk menjimatkan masa dengan banyak lagi Rang Undang-undang yang akan diperbahaskan maka saya cuba meringkaskan seberapa boleh. Di sini sama jugalah saya dengan saudara-saudara saya Yang Berhormat tadi apa yang terbayang pada saya iaitu Rang Undang-undang ini sungguh terlambat dan terlewat masanya. Patut Bil ini bukan hari ini dibentangkan, tetapi tidak mengapalah. Walaupun terlambat ada juga datang kesedaran dan disediakan, dibentangkan kepada kita untuk dijalankan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Lembaga-lembaga yang lain yang telah ditubuhkan yang telah berjalan dengan lancar dan baik dan memuaskan begitulah hendaknya Lembaga Lebuhraya yang akan ditubuhkan ini nanti dan dibahaskan sekarang ini maka tidaklah dapat ditinggalkan begitu sahaja. Saya hanya akan menyentuh dalam Ordinan Lalulintas. Cuma yang patut diperhatikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan diambil tindakan segera, pegawai-pegawai terpenting hendaklah selalu

mengambil tahu setiap perkara yang mendatangkan kesusahan kepada orang ramai dan pemandu-pemandu terutama apabila masa kesesakan dan kenderaan terlalu banyak di musim-musim cuti atau perayaan. Kerosakan jalan dan gangguan perjalanan juga membuat ramai pemandu merasa rugi masa dan membazirkan wang di atas kerosakan jalan yang selalu mengganggu kenderaan-kenderaan dan tersangkutnya perjalanan akibat kerosakan jalan yang mengganggu beribu-ribu kenderaan di dalam masa yang sedikit. Dalam perkara ini patutlah menjadi pelajaran dan pengalaman kepada Lembaga ini di mana pernah kejadian akibat kemalangan perlanggaran, menyebabkan beribu-ribu kenderaan tersadai menyebabkan masa terbuang dan membazir keadaan masa yang tidak tentu.

Lembaga Lebuhraya ini di dalam merencanakan projek jalan hendaklah menganalisis pandangan yang jauh terhadap pemandu dan mengelakkan perlumbaan merbahaya dan mengadakan jalan sampingan bagi persediaan akibat terbitnya kemalangan itu hendaklah diambil berat dan dibuat persediaan. Tindakan segera bagi menghalangi gerakan lalulintas hendaklah segera diatasi. Dan lebuhraya, diharap pada tiap-tiap 100 batu perlulah disediakan Badan Petugas bagi membantu dan menolong serta menyelesaikan kesesakan jalanraya dengan kerjasama Polis dengan alat-alat yang lengkap bagi menyelesaikan masalah itu.

Selain daripada itu yang patut difikirkan dan diambil tindakan ialah mengarahkan depoh bagi kerihatan pengguna-pengguna lebuhraya dengan mengadakan taman bunga mini, dengan mengadakan tapak yang tersusun lengkap cantik untuk pengguna-pengguna lebuhraya yang dibincangkan ini. Maka dalam masalah ini hotel-hotel dengan jarak yang sesuai hendaklah diadakan di antara perjalanan di tempat-tempat yang ada hubungan sejarah. Antara perjalanan di tempat-tempat ini hendaklah difikirkan dengan mengadakan pemandangan yang cantik dan selesa bagi musafir-musafir yang berjalan jauh dan mengadakan kemudahan-kemudahan yang perlu, Lembaga Lebuhraya dan JKR hendaklah membuat dan menyusun rancangan di tempat yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, terutama kawasan-kawasan atau tempat-tempat rihat yang ada sekarang ini ditambah dengan memberi kemudahan dan kemas. Saya rasa kalau Lembaga Lebuhraya ini mengambil daya utama akan menjadikan Lembaga ini lebih popular kerana ini adalah melibatkan setiap masa tidak kira pagi atau petang, malam atau siang dan melibatkan keseluruhan rakyat di seluruh dunia yang menggunakan jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, juga tol-tol hendaklah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan tempat rihat dan restoran hendaklah dilengkapi juga seimbang bagi waktu yang singkat ini. Perlulah diambil perhatian kerosakan jalanraya yang sedikit janganlah dijadikan sebab kesesakan jalanraya kepada pengguna-pengguna. Kenderaan-kenderaan berat dan panjang selalu mengganggu perjalanan ramai. Lembaga ini patutlah juga menentukan jalanjalannya, masanya dan tempatnya kerana saya percaya kemalangan jalanraya juga adalah berpunca dari rasa frust dengan lori-lori berat dan panjang ini kerana hendak cepat sampai dalam satu urusan maka jadi terganggu di dalam perjalanan, akhirnya akibat yang tidak diingini di mana berlaku perlanggaran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai jambatan di Kelompang, Selangor di antara Kuala Kubu dengan Tanjong Malim. Saya rasa telah lebih tiga tahun jambatan itu dibina tetapi tidak siap-siap jambatan ini. Maka ini juga saya sampai hari ini dan nampaknya kerja pembinaan ini agak terhenti selalu. Dalam masalah ini ingin saya tahu kalau Yang Berhormat Menteri boleh tolong memberitahu kenapakah jambatan ini belum juga siap sampai hari ini. Apakah yang ada di sebaliknya, barangkali yang tidak sesuai, maka jambatan itu tidak perlu disiapkan. Sebelum saya akhiri membicarakan Rang Undang-undang ini maka perlu saya memberitahu Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri perlu ingat seperti papan-papan iklan beer dan sebagainya kalau boleh diperkurangkan di batas-batas jalanraya itu.

Akhirnya dalam bahagian pentadbiran ini sebagaimana biasa Lembaga Lebuhraya ini hendaklah dijalankan menurut undang-undang yang kita bentang dan akan diluluskan ini nanti biarlah dapat berjalan dengan sepenuh minat dan janganlah kita membangkitkan

lagi perkara-perkara yang tidak rasa puas hati kita dengan mata yang kita pandang selalu. Maklumlah Yang Berhormat Menteri-menteri tentulah jarang berjalan melalui kenderaan, yang selalu dengan kapalterbang dan sebagainya. Tetapi bagi kami Ahli-ahli Yang Berhormat ini yang selalu lalulintas, kami banyak menghadapi masalah seperti yang dikatakan oleh saudara-saudara saya Yang Berhormat tadi di mana lubang dan berbagai kerosakan selalu menjadi terganggu.

Akhirnya dalam perkara ini, apa yang saya harapkan Lembaga ini, mestilah mengatasi sama juga dengan Lembaga yang lain cuma semangat bekerja, semangat ingin maju, semangat jujur dan ikh'as, dedikasi dan mengambil berat bagi keselesaan orang ramai maka Lembaga ini akan menjadi popular hendaknyanya sama ada di pihak Kerajaan atau orang ramai.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Abu Samah.

6.01 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 yang telah dibentang oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang mana di dalam tafsiran Rang Undang-undang ini "lebuhraya" termasuk semua lorong lalulintas, lorong laju, lorong perlahan, bahu jalan, garis tengah, jambatan, jejambat dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sekarang Kerajaan ingin melihat negara kita maju, di dalam sistem perhubungan lalulintas dan seterusnya kita tengok lebuhraya yang telah dibuat sekarang begitu cantik, lebar dan luas, lebih-lebih lagi di Kuala Lumpur ini. Apa yang saya hendak sebut di sini ialah berhubung dengan keselamatan orang awam.

Mengikuti Rang Undang-undang ini "lebuhraya" termasuk jejambat. Saya memandang keadaan ini, di Kuala Lumpur sahaja, kita telah lihat, melihat dan telah membaca di dalam suratkhobar-suratkhobar tentang kemalangan yang berlaku di Federal Highway Kuala Lumpur umpamanya di kawasan Kampung Kerinchi sahaja berapa banyak nyawa telah melayang kerana menyeberang jalan besar, ini disebabkan pihak yang berkenaan ataupun Lembaga menyediakan jejambat untuk orang-orang awam menyeberang belum menjalankan fungsi-fungsinya dengan sempurna. Begitu juga lebuhraya yang dibuat untuk Jalan Bungsar yang begitu luas akan menempuh di kampung-kampung orang Melayu yang mana mereka ini duduk di tanah-tanah tanpa izin, tidak ada menggunakan kenderaan, mereka terpaksa menyeberang untuk menanti bas, teksi dan sebagainya. Ini saya nampak sampai sekarang tidak ada tanda-tanda pihak lebuhraya ini akan membuat jejambat bagi manusia menyeberang. Kita lihat kenderaan seperti kereta, dengan adanya jalan yang baik ini mereka tidak menghirau orang-orang awam yang hendak menyeberang jalan yang begitu besar. Oleh itu saya berharap di sini, dengan adanya Lembaga yang telah ditubuhkan ini supaya Lembaga ini juga dapat mengkajikan keselamatan awam. Jika ada rancangan yang banyak penduduk-penduduk haruslah disediakan dengan jejambat untuk mereka menyeberang.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya yang lain telahpun menyentuh tentang lebuhraya yang telah siap yang kita lihat sekarang seperti Kuala Lumpur/Seremban, Kuala Lumpur/Kuantan dan seterusnya. Kita masih lihat di tepi jalan yang sedia ada tidak ditanam dengan pokok-pokok bunga. Ini kadangkala amat menyusahkan kereta-kereta ataupun kenderaan-kenderaan yang besar yang berhenti rehat dan sebagainya oleh kerana tidak ada pokok yang menahan untuk melindungi daripada hujan dan panas. Saya rasa di dalam masalah ini seperti yang terdapat di muka 7 Seksyen 11 (1) (d): "merancang dan menjalankan penyelidikan untuk memastikan penggunaan yang cekap akan lebuhraya dan lain-lain kemudahan di sepanjang lebuhraya." Saya rasa dalam soal ini pihak Lembaga ini harus mengkaji untuk masa yang akan datang.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang pengambilan harta iaitu di Fasal 22—Kuasa am untuk mengambil tanah.

Masalah pengambilan tanah khasnya di Kuala Lumpur ini sebagaimana yang telah saya kemukakan di dalam mengucapkan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang lalu menyentuh mengenai soal tanah kepunyaan orang Melayu. Di sini saya hendak menerangkan keadaan di Segambut Luar. Yang peleknya tanah orang Melayu yang hanya seluas 8 ekar itu hendak diambil. Tetapi di sebelahnya ada tanah yang dipunyai oleh swasta seluas 20 ekar, yang mana di tanah itu kalau mengikut diri saya yang tidak begitu arif di dalam soal ini kalau hanya untuk meluruskan jalan sahaja tentu jalan itu boleh diluruskan dengan tidak mengambil tanah orang Melayu, boleh lurus rasa saya. Tetapi sengaja diambil tanah 8 ekar itu dan jalan tidak diluruskan untuk lari daripada tanah 20 ekar itu. Oleh itu saya harapkan Lembaga ini mengkaji tanah yang begitu sedikit khasnya tanah orang Melayu di Wilayah Persekutuan ini hanya lebihkurang 4.5% sahaja tanah yang dipunyai oleh orang-orang Melayu, janganlah tanah yang begitu kecil hendak diambil begitu sahaja.

Lagi satu di Selayang Baru. Tanah orang Melayu ada juga di situ tetapi sebelahnya ada lombong kosong. Ini pun saya percaya pihak Lebuhraya akan ambil juga. Kalau tidak silap saya jalan ini ia'ah untuk projek Klang Valley Express Highway yang akan dibuat di situ. Tetapi melibatkan juga pengambilan tanah-tanah orang Melayu yang begitu sedikit. Inilah harapan saya kepada Lembaga ini.

Di samping itu juga saya tengok orang-orang di Kampung Baharu yang tanahnya tidak begitu banyak pun telah diambil untuk projek jalan dari jalan Kucing ke Merlin Hotel yang akan melibatkan Kampung Sungai Baru, Kampung Chendana, dan Kampung Hujung Pasir. Apa tidak adakah cara lain lagi ataupun pihak-pihak yang lain yang harus dilibatkan ataupun cari jalan kampung yang lain ataupun tanah yang lain. Oleh kerana ini dirasakan hanya oleh orang-orang yang tidak mempunyai tanah yang banyak,

mereka merasa apabila sudah dimbil tanah itu kemungkinan mereka tidak lagi akan memiliki tanah tempat kediaman ataupun jika diberikan kawasan-kawasan yang lain, mereka tidak secukup dengan keadaan yang ada.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut berhubung dengan projek Highway yang melibatkan harta iaitu stesen pam minyak yang dipunyai oleh orang Melayu di Kampung Kerinchi yang mana sehingga hari ini apa yang saya dapat tahu belum dapat apa-apa lagi pampasan daripada pihak-pihak yang berkenaan tentang pengambilan itu sehinggalah tempat orang itu mencari makan ditutup sehingga ini belum dapat apa-apa lagi, kalau tidak silap saya ada memakan masa 5 tahun hingga hari ini. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri dalam soal ini kerana orang-orang ini selalu bertanya kepada saya bagaimana keadaan ini. Sungguhpun telah dibawa ke pengetahuan lawyer ataupun mahkamah tetapi sehingga hari ini belum juga lagi dapat pengadilan padahal di situlah sahaja tempat orang itu mencari makan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja saya berharap dengan harapan supaya ahli-ahli Lembaga yang telah dilantik dan juga Lembaga ini nanti akan mengkaji keseluruhannya untung baik dan untung yang tidak baiknya supaya bila menjalankan rancangan jalan dan lebuhraya tadi hendaklah mengkaji dari segala segi supaya jangan menjadi kesusahan kepada orang ramai. Dengan ini saya bersama menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel.

6.10 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini serta memberikan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan atas mengemukakan suatu Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini jika dibandingkan dengan kawasan Asia atau ASEAN, keadaan jalanraya kita amatlah baik sungguhpun di beberapa tempat keadaannya sekarang kena diperbaiki tetapi keseluruhannya di Malaysia, the condition of the roads is the best in Asia.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan Malaysia telah membelanjakan wang berjuta-juta ringgit daripada masa kita mencapai kemerdekaan 23 tahun hingga sekarang ini, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri iaitu keadaan lalu-lintas di dalam bandaraya Georgetown ini yang penting. Sungguhpun kita telah mengadakan jalan-jalanraya yang begitu cantik di seluruh negara tetapi keadaan jalanraya di bandar Georgetown itu tidaklah sesuai. Pulau Pinang telah menjadi sebuah negeri premier State dalam Malaysia, telah menjadi satu kawasan perindustrian tetapi keadaan lalu-lintas adalah keadaan yang lama juga—tidak ada apa-apa perubahan.

Di kawasan perusahaan perindustrian Bayan Lepas, kita mempunyai lebih kurang 40,000 pekerja-pekerja dan kenderaan telah bertambah begitu banyak. Jalan daripada Pulau Pinang hingga ke Bayan Lepas di mana kita mempunyai Lapangan terbang di sana adalah didapati keadaan jalanraya itu memang serupa. Saya dan rakyat Pulau Pinang ingin tahu, adakah apa-apa rancangan untuk membesarkan jalanraya yang berkenaan. Kerajaan Pulau Pinang memang ada rancangan tetapi ini akan mengambil masa yang panjang. Pada masa sekarang rakyat menghadapi masalah besar waktu pagi dan petang dan pihak State Traffic Council Pulau Pinang tidak menunjukkan satu minat. Saya harap Lembaga Lebuhraya Malaysia ini dapat memberi nasihat kepada State Traffic Council dari semasa ke semasa untuk membaiki keadaan lalu-lintas di bandaraya Pulau Pinang.

Dengan itu sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Abdullah.

6.14 ptg.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama menyokong Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980, dan ingin menyentuh dari segi Huraian:

“Huraian 4. Bahagian IV dan Bahagian V adalah berkenaan dengan pemindahan lebuhraya-lebuhraya kepada Lembaga dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan kuasa Lembaga untuk mengambil tanah.”

Masalah mengambil tanah ini adalah tertakluk kepada muka 12, Bahagian IV Fasal 21 (3) ada disebutkan, antara lain:

"....bagi maksud Lembaga dan tiap-tiap rezab itu hendaklah terus tertakluk kepada undang-undang bertulis berhubung dengan tanah yang dipakai bagi rezab itu."

Kemudian pengambilan harta—kuasa am mengambil tanah.

"Fasal 22. (1) Jika apa-apa harta takalih, yang bukannya tanah Kerajaan atau tanah rezab, adalah perlu diperolehi oleh Lembaga bagi maksud Akta ini dan tidak dapat diperolehi melalui perjanjian, maka harta itu boleh diperolehi mengikut peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pengambilan tanah bagi suatu maksud awam yang pada masa itu berkuatk kuasa dalam Negeri di mana terletak harta itu, dan apa-apa akuan yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis itu yang menyatakan bahawa tanah itu adalah diperlukan sedemikian bolehlah dibuat walaupun pampasan akan dibayar dari wang Lembaga, dan akuan tersebut itu hendaklah berkuatk kuasa seolah-olah ia adalah suatu akuan yang menyatakan bahawa tanah itu adalah diperlukan bagi suatu maksud awam yang dibuat mengikut undang-undang bertulis tersebut itu.

(2) Perbelanjaan dan pampasan mengenai mana-mana harta takalih yang diperolehi di bawah seksyen ini hendaklah dibayar oleh Lembaga."

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan dengan secara tegas atas pengambilan tanah baik peringkat Persekutuan ataupun peringkat negeri-negeri yang akan membuat jalan lebuhraya pada masa akan datang. Saya hanya hendak mengingatkan disudut ini iaitu ada tanah lebuhraya, katalah di Perak tempat dilalui oleh lebuhraya itu ialah tanah orang miskin dan derita, maknanya tanah dia ada di jalan lebuhraya itu sahaja dan di situlah rumahnya. Jadi, saya suka mengingatkan oleh sebab dia tidak ada tanah lain dan dia miskin pula, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atau Lembaga yang berkuasa dalam hal ini bukan sahaja dapat membayar

tetapi berikhtiar mencari ganti kepada tanah-tanah orang miskin yang dilalui oleh lebuhraya dengan tidak kira apa bangsa rakyat Malaysia ini, kerana itu adalah adil sambil kita hendak mencari jalan kebaikan untuk negara, kita mengasihani nasib orang-orang miskin yang tanah-tanah mereka dilalui oleh lebuhraya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita adalah tertakluk kepada huraian yang muktamat oleh Yang Berhormat Menteri di sini. Saya suka menarik perhatian dalam implikasi kewangan. Di sini ada menyebutkan:

"Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U2) 1014.]

Saya suka mengingatkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, saya rasa ada baiknya dalam negeri kita yang membuat jangka panjang dan jangka pendek juga kita mempunyai pakar-pakar kewangan supaya dalam satu-satu Akta yang hendak kita buat ini haruslah kita buat rangka kasar sekurang-kurangnya kewangan yang akan kita gunakan kelak dalam satu-satu Akta pindaan yang akan datang. Di sinilah kita dapat tahu satu cara berfikir yang kontan, berapa kita kena bayar membuat lebuhraya atau membaiki satu-satu Akta yang semacam ini. Kalau selalu kita menyebut dalam Kementerian begini melibatkan perbelanjaan wang tetapi tambahan amaunnya ia tidak dapat ditentukan, saya rasa di situ kita menunjukkan kelemahan dalam Kerajaan kita khasnya dalam Kementerian yang berkenaan. Sebab itu saya ulang balik, dalam masa hadapan semua implikasi kewangan atau pindaan jangka kasar ini penting ditentukan, katalah satu million, seratus million atau seumpamanya. Ini saya rasa dapat dibuat, sebab dalam Kementerian ini tidak kurang pakar-pakar kewangan, kalau pun tidak boleh kita rujuk kepada pakar kewangan di Kementerian Kewangan sendiri. Sebab saya tengok di sini ada dikaitkan Kementerian ini dengan Kementerian Kewangan. Pendapat saya adalah bercanggah dengan pendapat sahabat saya tadi. Saya bersetuju Yang Berhormat Menteri Kewangan diambil, sebab dalam suasana menjaga kewangan negara kita pengeluaran wang itu hendaklah dijaga dan tidak disalahgunakan, dan Yang Berhormat Menteri

Kewangan mestilah mengambil inisiatif bukan sahaja kepada Kementerian ini tetapi dalam keseluruhan Kementerian-kementerian supaya kewangan itu dijaga betul agar matlamat pengeluarannya dapat disalurkan dengan tidak membazir.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, dalam Rang Undang-undang ini di muka 15, Fasal 30 (2) iaitu berkenaan dengan Perbadanan. Saya suka memuji, kerana ini satu yang baik yang telah dibuat dalam Akta ini.

“Fasal 30 (2) untuk mengelakkan keraguan adalah ditetapkan bahawa seksyen-kecil (1) tidak membenarkan perlantikan ahli-ahli, pegawai-pegawai atau penjawat-penjawat Lembaga kecuali setakat untuk membenarkan perlantikan sementara orang-orang itu sehingga perlantikan-perlantikan yang wajar di buat di bawah Akta ini.”

Ini saya rasa harus diberi kepujian kepada Yang Berhormat Menteri ini menyediakan satu ayat yang baik bagi keselamatan dalam semua aspek, pegawai-pegawai ataupun aturan-aturan dalam menyelamatkan bagi menyelaraskan kerja lebuhraya kita akan datang. Sekian terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman.

6.20 ptg.

Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan), 1980.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan dan juga kepada pihak Menteri yang dapat mengadakan Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 ini. Saya sekali lagi ucapkan ribuan terima kasih kerana pada perbahasan Belanjawan yang telah lepas saya telah bertanya berkenaan dengan lebuhraya daripada Johor Bahru ke Alor Star dan terus ke Perlis, pada hari ini Rang Undang-undang pun telah disediakan. Saya juga sepertimana Yang Berhormat rakan-rakan saya bersama-sama kita dapat

meluluskan Rang Undang-undang ini. Apabila telah diluluskan Rang Undang-undang ini dapat menjalankan seberapa cepat yang boleh kerana selalu juga saya bercakap di dalam Dewan yang mulia ini. Kalau di masa sekarang ini daripada Alor Star hendak datang ke Kuala Lumpur memakan masa sampai 8-9 jam dengan jalan-jalan yang tidak teratur, jalan-jalan yang telah berlubang dan bermacam-macam lagi jalan-jalan yang telah dibaiki, kadang-kadang dalam 5-6 batu satu tempat dibaiki jalan, begitulah hingga sampai ke Kuala Lumpur. Dengan adanya Lembaga ini saya percaya dan yakin kita dapat dengan secepat mungkin lebuhraya itu.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi lebuhraya-lebuhraya yang ada sekarang ini sepertimana daripada Kuala Lumpur ke Seremban dan juga di lain-lain tempat, kita juga ucapkan ribuan terima kasih dengan adanya lebuhraya-lebuhraya itu tetapi sepertimana rakan-rakan saya sebutkan tadi kita pun berasa hairan, selalu saya dengar Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bercakap berkenaan dengan tanaman-tanaman pokok di tepi-tepi jalan tetapi selalunya dijawab oleh Menteri, selalunya ditanam dan dibuat tetapi lebih setahun saya melalui jalan itu saya nampak pokok-pokok bunga tak sebagaimanapun, keadaan pokok-pokok di situ berceragah sampai setahun tak dapat lagi nampak jasa bunga-bunga di situ. Itulah harapan bagi pihak Ahli-ahli Dewan yang bercakap pada hari ini supaya dapat jika diadakan lebuhraya yang akan diadakan ini saya harap biarlah menjadi betul-betul lebuhraya. Janganlah menjadi macam mana lebuhraya yang ada sekarang ini yang mana kita dapat tahu, tengok dalam Rang Undang-undang ini bermacam-macam cara kita hendak buat, hendak rekabentuk dan macam-macam lagi dalam Rang Undang-undang ini. Saya percaya dan yakin dapat betul-betul kita buat kerana kalau kita hendak katakan lebuhraya, kalau kita tengok di London sana teratur, cukup semua. Saya percaya betul macam mana yang ada dalam Undang-undang ini tetapi insya Allah akan dapat saya rasa kerana diatur betul-betul, kenderaan yang berat diberi lalu lorong ini, kenderaan ini ikut lorong ini dan macam-macam diatur, tak ada langsung kemalangan jalanraya kerana saya juga dapat tengok jalan-jalan highway di London sana.

Begitu juga tentang kutipan tol, insya Allah kalau betul betul lebuhraya itu seperti mana yang dikehendaki di dalam Rang Undang-undang ini saya percaya rakyat tidak berasa susah hati hendak membayar tol itu kerana kalau betul-betul lebuhraya ini kita kena adakan dalam 4-5 batu sepertimana rakan-rakan saya sebutkan tadi, kita tidak boleh benarkan sama sekali kereta-kereta berhenti di tepi jalan. 5, 6, 10 batu kita adakan tempat berhenti, tempat rihat untuk orang-orang yang menggunakan jalanraya itu berhenti dan bermacam-macam lagi sepertimana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi. Saya harap kalau boleh dibuat sepertimana yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini, saya percaya dan yakin, insya Allah kita akan dapat sambutan yang baik daripada rakyat kita.

Sepertimana tol-tol juga, kalaulah jalan-jalan itu panjang sebagaimana yang saya tengok di dalam Paris sana, tidak bimbang lagi kita membayar, ada dengan karan, dengan board, kita bubuh duit dalam itu lampu hijau kita berjalan, lampu merah kita bubuh duit dalam itu, bila lampu hijau kita berjalan.

Saya percaya dan yakin kalau boleh dengan adanya Lembaga ini, insya Allah negara Malaysia kita juga akan boleh buat perkara-perkara yang semacam itu kerana pakar-pakar yang akan datang ini tentulah kita jemput juga pakar-pakar dari luar untuk merancang lebuhraya kita ini.

Itulah sahaja pendapat saya dan saya berharap apabila diluluskan Lembaga ini dapatlah melantik Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasanya yang bertanggungjawab betul dan juga yang ada pengalaman untuk menjalankan lebuhraya ini. Di sini saya sekali lagi menyokong penuh Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan), 1980 ini. Saya harap mendapat kejayaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

6.28 ptg.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran-teguran dan juga ulasan-

ulasan atas Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan), 1980. Saya suka juga mengambil peluang ini untuk memberi sedikit penjelasan daripada Kementerian saya atas teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya teguran-teguran dan juga ulasan-ulasan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad telah menyokong Rang Undang-undang ini dan mencadangkan Rang Undang-undang ini sepatutnya digubalkan terlalu awal. Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat itu, saya suka mengucapkan terima kasih atas sokongan beliau.

Berkenaan dengan teguran kenapakah Badan ini ditubuhkan sekarang, suka saya maklumkan bahawa jalanraya-jalanraya yang ada baru sampai keupayaan (capacity). Berkenaan dengan soal kajian di bawah tanah, perkara ini didapati terlalu mahal.

Rang Undang-undang ini bukan terhad untuk satu jawapan kepada Rang Undang-undang. Saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat itu Rang Undang-undang ini bukan terhad kepada Semenanjung Malaysia sahaja bahkan juga meliputi Sabah dan Sarawak tetapi buat sementara waktu projek-projek yang akan dilaksanakan ialah di Semenanjung Malaysia, kemudiannya projek-projek jalanraya di negeri Sabah dan Sarawak boleh juga dilaksanakan oleh Lembaga ini tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pakar perunding yang digunakan seperti yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah pakar perunding gabungan antara tempatan dan juga antarabangsa. Tetapi saya suka memberi satu jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Kementerian saya akan memberi satu pertimbangan kepada pakar-pakar perunding tempatan dahulu, selepas itu baru kita memberi pertimbangan kepada pakar-pakar perunding dari luar negeri atau antarabangsa.

Bayaran tol akan dikenakan untuk mengutip balik perbelanjaan yang begitu besar untuk projek-projek itu dan kajian ekonomi menunjukkan bayaran tol itu sedikit jika dibandingkan dengan simpanan kepada pembawa kereta kerana jalanraya-jalanraya itu

bermutu tinggi. Pada masa akan datang untuk mengelakkan kemalangan atas jalan-jalan itu pagar akan diadakan dan perkhidmatan peronda akan diadakan di tiap-tiap jalanraya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik yang telah meminta sama ada lebuhraya-lebuhraya itu akan dielakkan dengan landscaping replanting, dan lain-lain. Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat itu, lebuhraya ini telah dirancang dengan kemudahan iaitu landscaping, replanting, menanam pokok-pokok dan juga untuk menggalakkan dengan kawasan-kawasan service area iaitu tempat berihat untuk minum dan juga kita boleh membeli minyak petrol di stesyen-stesyen pam minyak dan lain-lain. Taraf ini boleh dikatakan satu taraf yang setaraf dengan taraf antarabangsa dan jalanraya-jalanraya ini akan dipagar seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Buat masa sekarang kita tidak ada apa-apa cadangan sebab jalanraya-jalanraya seperti yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu Expressway Seremban/Kuala Lumpur kita telah melaksanakan projek ini dengan pinjaman daripada World Bank dan syarat-syarat yang dikenakan oleh World Bank adalah banyak. Syarat itu tidak boleh ada itu, tidak boleh ada ini, tidak boleh ada interchange di sana sini. Syarat-syarat itu pula tidak berapa sesuai dengan keadaan di negara kita tetapi untuk makluman Yang Berhormat sekarang kita sendiri ada satu rancangan untuk menaikkan taraf jalan daripada Kuala Lumpur-Seremban yang mana akan mendirikan pagar, menanam pokok-pokok atau bunga-bunga jikalau boleh dan juga kita akan memberi satu maintenance yang cukup kepada jalan itu. Ini sedang di dalam proses tender sekarang dan tidak lama lagi kita akan jalankan projek ini.

Saya memberi satu jaminan kepada Ahli Yang Berhormat tidak lama lagi kita akan mengadakan jalan yang bertaraf—bukan taraf negeri Britain tetapi taraf yang ada di antara dunia sekarang, tetapi buat masa ini kita tidak boleh compare dengan negeri-negeri yang lain. Negara itu maju dengan 25 tahun yang lalu tetapi kita ada di dalam tangan mereka lebihkurang 100 tahun dan baru

sahaja 22 tahun mencapai kemerdekaan, kita baru sahaja membangun, kita merancang, kita naikkan taraf kehidupan kepada rakyat dan tanahair kita. Itu sahajalah kita lewat sedikit untuk merancangnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh telah juga menyokong mengadakan Rang Undang-undang ini dan berkenaan dengan syor siapakah yang akan dilantik sebagai Pengerusi Lembaga ini. Rang Undang-undang ini tidak menyatakan sama ada ianya terdiri dari seorang pegawai Kerajaan atau seorang ahli politik. Pilihan ini akan dibuat dengan teliti supaya pengerusi yang dilantik berpengalaman dan boleh berhubung serta memahami tugas-tugas yang Lembaga ini akan jalankan. Itulah sebabnya Rang Undang-undang ini tidak menyatakan siapakah pengerusinya tetapi saya memberi pengakuan kepada Dewan yang mulia ini kita akan melantik seorang yang penuh pengalaman, yang tahu apakah keadaan dalam negara kita. Bagaimanakah kita akan menjalankan Lembaga ini. Ini saya beritahukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga perkara ini akan diuruskan dengan telitinya iaitu siapa yang akan dilantik menjadi pengerusi dan juga perkara jalan iaitu jalanraya Gua Musang/Kuala Lipis dan lain-lain, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan dan juga Bahagian Penyelidik dan Rekabentuk telah menjalankan satu kajian dan kajian itu telah dijalankan lebih kurang sedikit masa dahulu. Saya harap tidak lama lagi apabila kita siapkan kajian itu kita akan menjalankan projek-projek yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri iaitu Gua Musang, Kuala Lipis dan Raub.

Jikalau saya boleh menyebutkan di sini insya Allah, kita akan dapat kelulusan daripada Kerajaan, saya suka juga menjalankan satu projek daripada Sungai Siput ke Kuala Lipis. Ini satu projek yang boleh memberi lebih faedah kepada rakyat.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan Sungai Siput. Adakah Sungai Siput yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri itu kawasan beliau sendiri.

Dato S. Samy Vellu: Untuk memberi penjelasan kepada Yang Berhormat, betullah itu termasuk dalam kawasan saya sendiri, walaupun kawasan saya dengan kawasan Kuala Lipis itu ada lebih hubungan sebab keadaannya sama. Saya harap dengan itu faedah boleh disampaikan ke kawasan itu jikalau kita adakan jalan. Ini adalah dalam pertimbangan dan saya suka memberi satu jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Juga saya suka memberi sedikit jawapan kepada Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussain yang telah mengesyorkan bahawa Lembaga ini berkuasa menimbangkan tender sendiri dan telah menyuarakan mengapa undang-undang ini berkehendakkan kelulusan Menteri yang bertanggungjawab dan Menteri Kewangan.

Suka saya, Tuan Yang di-pertua, memberi penerangan bahawa Lembaga ini diberi kuasa tiada terhad mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan menyelia dan melaksanakan rekabentuk pembinaan, pengawalan dan yang berkaitan dengan pembinaan jalanraya. Kawalan yang diberi kepada Menteri yang berkuasa dan Menteri Kewangan bertujuan bahawa aktiviti-aktiviti Lembaga ini selain daripada membina jalan-jalan raya itu adalah di bawah kawalan Kerajaan. Ini adalah perlu oleh sebab perbelanjaan yang akan terlibat di antara \$2 - \$3 billion untuk menjalankan projek-projek itu terlalu besar dan kawalan oleh Kerajaan dianggap perlu. Itu sebab kita memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Atas satu pertanyaan daripada Yang Berhormat iaitu mengenai pelaburan, beliau meminta kepada saya mengapa kita minta kelulusan daripada Menteri Kewangan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu apabila kita ada wang atau peruntukan yang lebih dalam Perbadanan ini bukanlah kita hendak labur wang itu atas apa-apa projek. Saya tahu banyak di antara badan-badan suka melabur wang di mana mereka suka, tetapi Perbadanan ini bukan untuk perkara yang lain tetapi ada satu tujuan sahaja iaitu tujuan membina jalanraya, lebuh raya di negara ini, sebab itu kita kenakan syarat-syarat ini dalam Rang Undang-undang ini.

Saya suka juga mengucapkan terimakasih kepada Senator Abdul Razak bin Abu Samah yang telah mengesyorkan supaya

Lembaga ini tidak mengambil tanah yang dipunyai oleh pihak bumiputra dan juga pampasan kepada Shell Station Kampung Kerinchi belum dibayar. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu saya sudah ambil perhatian tentang syor-syor beliau dan pihak lembaga juga akan diminta perhatikan syor-syor yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jika Ahli Yang Berhormat suka juga menimbulkan lebih banyak atau suka memberi lebih penjelasan untuk menyelesaikan perkara ini, saya minta Ahli Yang Berhormat bolehlah berhubung dengan saya, saya akan ambil tindakan atas perkara yang belum diselesaikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel telah menyentuh bahawa Lalulintas di George Town tidak memuaskan dan juga jalanraya di Bayan Lepas. Kedua-dua perkara ini saya suka memberi sedikit penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu ini adalah di dalam kajian sekarang, saya harap tidak lama lagi kita boleh dapat selesai perkara ini.

Untuk menjawab Senator Ibrahim bin Abdullah yang telah menyentuh Lembaga ini tidak mengambil tanah orang miskin dan telah juga menyentuh Fasal 30 (2) di muka surat 15 Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab saya suka menegaskan kajian yang teliti dibuat supaya tanah orang miskin tidak diambil jika dari segi teknik boleh dibuat. Selain daripada itu, saya telah mengambil perhatian atas syor-syor daripada Ahli Yang Berhormat itu.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajjah Tom Saodah telah sekali lagi membangkitkan perkara pokok-pokok sepanjang jalanraya di kawasan itu, saya harap memberi jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya harap beliau boleh mendapat penjelasan daripada jawapan tersebut.

Sebelum saya akhiri ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberi sedikit penjelasan kepada Dewan yang mulia ini apabila kita dapat kelulusan daripada Dewan yang mulia ini atas Rang Undang-undang ini tidak lama lagi kita akan menjalankan semua tugas yang ada dalam Rang Undang-undang ini. Saya suka memberi satu

jaminan kepada Dewan ini kita akan menaikkan taraf jalanraya un'uk memberi lebih peluang kepada orang-orang daripada luar bandar dan juga orang di bandar mendapat satu taraf jalan yang baik dengan Rang Undang-undang ini dan dengan itu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 30—

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Pengerusi, saya bercakap lagi sekali dalam Fasal 8 (3), baru-baru tadi Yang Berhormat Menteri sudah menyatakan dan menerangkan kepada kita dalam jawabannya, akan tetapi saya suka hendak memberi penjelasan. Perkara yang saya mohon ditimbang oleh Kerajaan dan melagangkan Rang Undang-undang ini kelak iaitu Fasal 8 (3) iaitu supaya ditiadakan persetujuan Menteri Kewangan itu sebabnya ialah kerana hendak mengadakan atau mengubahsuai apa-apa skim perkhidmatan bagi pegawai-pegawai atau penjawat-penjawatnya, termasuk had-had dan syarat-syarat perkhidmatan, gaji, elaun dan lain-lain saraan yang kena dibayar serta lain-lain faedah. Ini adalah perkara kecil dalam pentadbiran. Memadailah Menteri yang berkenaan sahaja boleh meluluskan. Jadi kalau mengikut peraturan ini mesti mendapat persetujuan daripada Menteri Kewangan. Jadi saya minta pelagang Undang-undang ini menimbang dan bawa semula ke Dewan ini selepas 6 bulan supaya Menteri itu ada kuasa yang besar sedikit.

Kedua, Tuan Pengerusi, iaitu Fasal 17 yang mengatakan:

17. Lembaga boleh, dari semasa ke ke semasa, dengan kelulusan Menteri Kewangan.....

Jadi, saya minta pandangan saya dalam masalah ini dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan sama juga dengan Fasal 8 (3). Saya harap pandangan saya ini kelak boleh dibuat pindaan pada masa akan datang.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat itu, selepas perbincangan di antara Kementerian saya dan Kementerian Kewangan baru digubal Rang Undang-undang ini. Oleh itu, saya harap apa yang ada di dalam Rang Undang-undang ini boleh mencukupi buat sementara waktu.

Fasal 1 hingga 30 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DAGANGAN KOMODITI

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.50 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama Akta Dagangan Komoditi 1980 bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan suatu bursa komoditi (commodity exchange), untuk mengawal perdagangan kontrek serahan hadapan komoditi (trading in commodity futures contracts) dan mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar yang utama bagi getah, kelapa sawit, timah, lada hitam dan

kayu tropika sedar bahawa pemasaran bahan-bahan utama ini di peringkat "futures trading" mestilah diwujudkan di dalam negara kita sendiri. Malaysia adalah di antara negara membangun yang pertama dalam dunia ini yang telah mengambil langkah untuk menubuhkan satu pasaran "futures trading" ini. Langkah ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai satu pusat pasaran Komoditi dan juga pasaran kewangan yang terkenal di rantau ini.

Pada tahun-tahun yang lepas Kerajaan kita telah mengadakan rancangan bagi menentukan bahawa bahan-bahan utama pengeluaran negara kita akan dapat bertanding di pasaran antarabangsa dan juga untuk mendapatkan harga yang berpatutan iaitu, dengan izin, remunerative and equitable to producers and fair to consumers. Bagi maksud itu Kerajaan kita telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:—

- (i) Mengadakan penyelidikan dan pembangunan dengan tujuan untuk menambahkan lagi pengeluaran, meningkatkan lagi mutu bahan-bahan utama ini dan juga mencari pasaran yang lebih luas lagi di peringkat antarabangsa.
- (ii) Mengambil peranan yang aktif di forum-forum antarabangsa dengan tujuan untuk mengadakan harga yang stabil bagi bahan-bahan utama dan juga untuk mengurangkan lagi sekatan tariff dan non-tariff di kalangan negara-negara yang mengimport bahan-bahan utama kita.
- (iii) Menggalakkan pemerosesan yang lebih tinggi bagi bahan-bahan utama dalam negara kita sendiri dan ini secara langsung akan dapat menambahkan lagi pendapatan negara kita.

Dalam melaksanakan ketiga-tiga program yang saya sebutkan tadi kita telah mencapai kejayaan yang memuaskan. Untuk memperkukuhkan lagi segala kejayaan-kejayaan yang telah dicapai ini Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menubuhkan satu pasaran barangan yang moden di mana peniaga-peniaga dalam negara kita dan dari peringkat antarabangsa dapat mengambil bahagian dalam penentuan harga ataupun "price discovery processes" bagi kepentingan perkembangan ekonomi negara kita.

Rang Undang-undang Dagangan Komoditi 1980 ini ialah satu Rang Undang-undang yang menyeluruh dengan tujuan untuk menggalakkan dan mengawal perniagaan yang berbentuk "futures trading" dalam negara kita. Di samping membolehkan perniagaan kontrek serahan hadapan perjalanan dengan licin mengikut peraturan-peraturan yang tertentu, Rang Undang-undang ini juga akan memberi kuasa kepada Kerajaan untuk melindungi kepentingan awam yang menganbil bahagian dalam pasaran "futures trading" ini.

Untuk mengadakan kemudahan-kemudahan bagi pasaran "futures" ini sebuah syarikat swasta yang dinamakan Kuala Lumpur Commodity Exchange akan ditubuhkan. Bentuk syarikat ini adalah sama dengan Kuala Lumpur Stock Exchange. Mereka yang boleh menjadi ahli dalam Kuala Lumpur Commodity Exchange ini adalah terdiri daripada syarikat-syarikat broker, pengeluar, pengguna dan lain-lain kepentingan komoditi. Syarikat-syarikat yang layak menjadi ahli mestilah didaftarkan sebagai sebuah syarikat sendirian berhad yang mempunyai modal terbayar sebanyak sekurang-kurangnya \$250,000.00 dan mempunyai nama yang baik. Sesebuah syarikat mestilah membuat bayaran masuk sebanyak \$50,000.00 dan menyumbang sebanyak \$30,000.00 di dalam tabung pampasan di bawah kelolaan Kuala Lumpur Commodity Exchange. Jikalau sesebuah syarikat itu ingin berniaga dalam pasaran luar negeri, mereka disyaratkan menaruh deposit sekurang-kurangnya \$100,000.00 lagi dengan pihak Kerajaan. Segala syarat dan bayaran-bayaran ini adalah semata-mata untuk memelihara kepentingan awam.

Selain daripada itu sebuah syarikat "Clearing House" atau Pusat Penjelasan yang bersaing akan ditubuhkan. Syarikat ini merupakan sebuah syarikat usahasama. Pada 27hb Mac, 1980 satu perjanjian telah ditandatangani di antara International Commodities Clearing House dan 7 bank perniagaan di Malaysia untuk menubuhkan sebuah syarikat usahasama. Di bawah perjanjian ini International Commodities Clearing House memegang ekuiti 30% dan bank-bank perniagaan di Malaysia memegang ekuiti 70%. Adalah menjadi tugas utama syarikat Kuala Lumpur Clearing House ini untuk menentukan bahawa segala kontrak yang akan di niagakan kelak akan terjamin mengikut peraturan-peraturan yang tertentu.

Kedua-dua syarikat yang saya sebutkan tadi iaitu Kuala Lumpur Commodity Exchange dan Kuala Lumpur Clearing House adalah syarikat-syarikat swasta dan mereka akan menjalankan aktiviti masing-masing mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Rang Undang-undang ini dan juga peraturan-peraturan yang akan diadakan kelak. Pihak Kerajaan akan memainkan peranan yang penting dalam soal pengawasan dan galakan perniagaan "futures trading" ini dan bagi maksud itu kuasa-kuasa tertentu adalah diberi kepada pihak Kerajaan di bawah Rang Undang-undang ini. Satu Majlis Dagangan Komoditi akan ditubuhkan untuk mengawasi kuatkuasa peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini. Selain daripada itu adalah juga menjadi tugas penting Majlis Dagangan Komoditi untuk memberi nasihat kepada Menteri mengenai perkara-perkara yang mempunyai hubungan dengan "future trading" amnya. Saya juga akan melantik seorang Pesuruhjaya Dagangan Komoditi untuk menyelenggara dan melaksanakan tugas Majlis ini. Bagi maksud itu sebuah Jabatan Dagangan Komoditi akan ditubuhkan di bawah Kementerian saya tidak lama lagi.

Rang Undang-undang ini membenarkan penubuhan sebuah Kuala Lumpur Commodity Exchange yang berbentuk bergagai bahan utama atau "multi-commodity". Sungguhpun begitu pada permulaannya barangan pertama yang akan diniagakan di Kuala Lumpur Commodity Exchange ini ialah minyak kelapa sawit dan barangan yang lain seperti timah, getah dan lada hitam akan diniagakan dalam jangka masa sesuai setelah kita mengadakan kajian-kajian lanjut mengenai perkara ini. Minyak kelapa sawit telah dipilih sebagai bahan yang pertama yang akan diniagakan atas commodity exchange ini ialah kerana pihak peniaga-peniaga, pengilang-pengilang dan pengguna kelapa sawit memerlukan sebuah pasaran bagi minyak kelapa sawit. Ini adalah disebabkan kemudahan dan pasaran di London dan Rotterdam tidak lagi aktif dan tidak dapat memenuhi keperluan mereka itu.

Selain daripada usaha-usaha yang telah saya sebutkan tadi perlu juga saya sebutkan di sini bahawa tindakan-tindakan awal telah juga diambil untuk membolehkan bijih timah dan getah diperniagakan di "multi commodity exchange" itu. Dua Jawatankuasa telah

ditubuhkan bagi mempercepatkan lagi usaha-usaha persiapan tersebut. Jawatankuasa Timah telah ditugaskan untuk membuat kajian dan peraturan bagaimana timah dapat diniagakan atas Kuala Lumpur Commodity Exchange yang dicadangkan itu. Sementara itu pula Jawatankuasa Getah diberi tugas untuk mengkaji dengan teliti segala langkah-langkah yang perlu diambil bagi menyesuaikan sistem perniagaan getah daripada "whispering system" seperti yang digunakan sekarang kepada sistem terbuka (open outcry system) yang akan diamalkan di Commodity Exchange yang akan ditubuhkan itu. Segala penyesuaian dan integrasi dengan pasaran yang akan ditubuhkan kelak akan hanya dilaksanakan setelah mendapat persetujuan daripada semua sektor yang terlibat dalam bidang perniagaan getah dan timah.

Walaupun kita menerima hakikat bahawa sebuah Commodity Exchange akan hanya berjaya jika mendapat penyertaan luas dari peniaga-peniaga antarabangsa dan oleh itu memerlukan dasar-dasar yang dapat menggalakkan sokongan mereka, Kerajaan tidak bertujuan untuk mengabaikan matlamat-matlamat yang terkandung di bawah Dasar Ekonomi Baru. Dalam usaha untuk menggalakkan penyertaan antarabangsa kita sanggup membuat perlonggaran syarat seperti kemasukan pegawai asing dan soal ekuiti dan sebaliknya Kerajaan akan mengenakan syarat-syarat yang dapat menjagakan kepentingan negara.

Segala persiapan untuk penubuhan Kuala Lumpur Commodity Exchange ini telah berjalan dengan licin dan adalah diharapkan peniaga-peniaga akan dapat mula menggunakan pasaran ini pada pertengahan tahun ini. Pihak Perbendaharaan telah juga meluluskan bantuan kewangan sebanyak \$800,000.00 sebagai "soft loan" untuk pelancaran Kuala Lumpur Commodity Exchange ini. Pihak Perbendaharaan dan juga Kementerian saya bercadang untuk melantik Encik H. J. Wilson seorang pakar antarabangsa yang akan menjadi Penasihat kepada Kerajaan dalam perniagaan "futures" ini. Encik Wilson ialah seorang pakar antarabangsa yang pernah berkhidmat dengan Bank of England dan juga pernah menjadi President, Hongkong Exchange. Dalam tahun 1978 beliau telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk membuat kajian mengenai organisasi dan bentuk Kuala Lumpur Commodity Exchange. Beliau juga

akan ditugaskan untuk memberi nasihat mengadakan satu sistem pengawasan yang berkesan dan juga bagaimana getah dan bijih timah dapat diintegrasikan di bawah Kuala Lumpur Commodity Exchange. Kita berharap dengan adanya persiapan-persiapan yang telah diuruskan mengikut peraturan-peraturan antarabangsa ini kita dapat menubuhkan sebuah Pasaran Komoditi dan juga Pasaran Kewangan yang terkenal di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah terbahagi kepada 10 bahagian.

Bahagian pertama adalah berkenaan dengan tajuk dan permulaan Akta dan tafsiran perkataan-perkataan yang digunakan dalam Rang Undang-undang.

Bahagian kedua membuat peruntukan bagi penubuhan Majlis Dagangan Komoditi, perlantikan ahli-ahli dan tugas-tugas Majlis ini. Ahli-ahli Majlis adalah terdiri dari wakil-wakil Kerajaan seperti dari Perbendaharaan, Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Bank Negara Malaysia serta juga wakil-wakil swasta yang mempunyai kepentingan dalam dagangan komoditi yang berkenaan. Tugas utama Majlis ini ialah mengawas perdagangan kontrak hadapan komoditi dan menasihati Menteri atas segala perkara yang berkaitan dengannya.

Bahagian ketiga mengadakan peruntukan mengenai perlantikan Pesuruhjaya serta Timbalan Pesuruhjaya Dagangan Komoditi menerangkan tugas-tugas mereka.

Bahagian keempat menyentuh berbagai aspek berkaitan dengan penubuhan Commodity Exchange termasuk mendirikan pasar-pasar komoditi dan kuasa Menteri untuk menggantung perdagangan sesuatu komoditi tertentu dan menutup Commodity Exchange dalam keadaan-keadaan tertentu.

Urusan mendaftarkan peniaga-peniaga, penasihat-penasihat dagangan komoditi dan wakil-wakil mereka dijelaskan dalam bahagian lima. Bahagian ini juga memberi kuasa kepada Pesuruhjaya untuk menolak pendaftaran seseorang pemohon dalam hal-hal keadaan tertentu dan membatalkan atau menggantung pendaftaran mana-mana orang berdaftar.

Bahagian enam membuat peruntukan-peruntukan mengenai pengakaunan dan pengauditan peniaga-peniaga. Peruntukan ini juga memerlukan supaya peniaga-peniaga menyerahkan akaun tahunan dan laporan juruodit mengenainya kepada Pesuruhjaya Dagangan Komoditi di akhir tahun kewangannya. Juruodit juga dikehendaki menghantar laporan kepada Pesuruhjaya dalam hal-hal tertentu.

Bahagian tujuh pula memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan had-had dagangan dengan cara membuat peraturan-peraturan. Khususnya, urusan berniaga opsen dan menjadi broker secara liar adalah dilarang.

Bahagian lapan membuat peruntukan mengenai penubuhan dan tugas-tugas Tribunal Dagangan Komoditi. Tugas utama Tribunal ini ialah menyiasat ke atas apa-apa tuduhan mengenai salah laku yang dibuat terhadap syarikat bursa, Lembaga Pengurus atau tempat Penjelasan.

Sejajar dengan matlamat untuk memberi perlindungan yang mencukupi kepada orang awam, Bahagian sembilan Rang Undang-undang ini membuat peruntukan bagi penubuhan dan penyenggaraan Kumpulan Wang Pampasan. Seterusnya Bahagian sepuluh pula menyentuh peruntukan-peruntukan pelbagai. Antaranya ialah peruntukan mengenai bantuan wang daripada Kerajaan, kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan dan pengesahan perbuatan-perbuatan yang dilakukan sebelum Akta ini dikuatkuasakan.

Akhir sekali Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan dan jumlahnya akan ditentukan setelah Kementerian saya berunding dengan Kementerian Kewangan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Dagangan Komoditi, 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 7.10 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.40 malam.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG DAGANGAN KOMODITI

Perbahasan disambung semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Ibrahim Yaacob.

7.40 mlm.

Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan, khususnya Kementerian Perusahaan Utama yang dapat membuat Bil yang molek ini. Apa yang saya harapkan Bil jangan tinggal di Bil sahaja, tetapi tidak mengikut apa yang ada dalam Bil itu. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya akan menyokong Bil ini dan inilah pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Bil ini akan meninggikan lagi mutu dan pendapatan barang-barang komoditi kita dan juga akan mendapat harga yang mahal di pasaran luar negeri, sebab barang-barang itu ialah barang-barang kita. Kita banyak barang-barang mentah seperti kelapa sawit, getah, lada hitam dan juga banyak barang-barang lain seperti kayu-kayan dan bijih timah. Pada masa ini harga-harga ini tidak stabil—turun-naik. Sungguhpun komoditi yang akan kita jalankan itu dahulu ialah kelapa sawit, pada masa ini harganya pun belum tinggi sebagaimana yang kita sangka-sangkakan. Mudah-mudahan dengan adanya perdagangan komoditi ini akan naik lagi harganya sebab kita berjudi (gamble) atas harga-harga itu.

Di dalam dunia, saya percaya kitalah banyak mengeluarkan minyak kelapa sawit, maka kita boleh mempertahankan harga minyak kelapa sawit ini. Apa yang saya takutkan, syarikat-syarikat bumiputra

tak banyak yang mempunyai modal lebih daripada \$250,000 sebab syarikat-syarikat yang ada modal \$250,000 atau lebih sahaja yang boleh menjadi ahli commodity exchange ini dan untuk mendapatkan satu kerusi (seat) kena bayar pula \$50,000 dan ahlinya pula tidak lebih daripada 40 ahli sahaja. Syarikat-syarikat bumiputra berfikir dua kali sebelum masuk menjadi ahli KL Commodity Exchange ini tetapi exchange ini sudah wajib ditubuhkan di negara kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pakar yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, iaitu Encik Wilson yang akan datang ke negara kita untuk menjalankan dan mengajar commodity exchange ini biarlah orang-orang yang betul-betul mahu menolong negara kita, sebab kita mahu ketiga-tiga barang-barang mentah kita, iaitu kelapa sawit, getah dan lada hitam akan termasuk di dalam commodity exchange ini dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kepada Menteri yang berkenaan akan memilih pegawai-pegawai yang telah mahir di dalam commodity exchange ini. Jikalau tidak, kita akan sia-sia sahaja membuat Bil ini. Saya mahu banyak pegawai-pegawai dari Kementerian Perusahaan Utama ini akan bertanggungjawab berkenaan dengan commodity exchange ini, khususnya pegawai-pegawai bumiputra, sebab untung-rugi perniagaan kita terletak dalam tangan pegawai-pegawai ini. Kita tidak mahu harga barang-barang kita jatuh, kita mahu harga ini sentiasa tinggi, barulah kita dapat hasil yang banyak untuk negara kita. Orang-orang yang akan bertugas dalam exchange ini pula, saya berharap biarlah orang-orang yang mahir akan menjalankannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga akan mendapat tahu berkenaan dengan commodity exchange ini adakah mendapat restu dari Jabatan Ugama kita, sebab commodity exchange ini kita tahu berjudi (gambling), nanti bila kita sudah jalankan, Pejabat Ugama membantah atas perjalanan commodity exchange ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya pada Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Haji Khalid.

7.45 m/m.

Dato Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan Rang Undang-undang Commodity Exchange, 1980 ini.

Pada hemat saya pada tahun 80an inilah kita telah masuk di dalam satu babak perdagangan yang membawa kita kepada taraf international dan saya yakin di dalam masa yang tidak lama lagi perniagaan ini akan menjadi satu perniagaan yang besar dan akan memberi kesan yang lebih banyak, bukan sahaja kepada golongan-golongan yang menjadi pedagang tetapi juga kepada golongan-golongan yang ingin melabur secara kecil di dalam commodity exchange ini.

Walaupun pada mulanya kita hanya sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kita hanya hendak mengadakan exchange ini terhad kepada minyak kelapa sawit, tetapi saya percaya dari masa ke semasa kita akan dapat menambahkan bilangan komoditi-komoditi yang diperdagangkan di dalam stock exchange ini akan bertambah sehinggalah kepada segenap pelbagai benda keluaran di negara kita, termasuklah seperti yang dikatakan tadi bijih timah, lada hitam, kopi, koko dan sebagainya. Oleh itu satu pengawasan yang lebih teguh, satu pengawasan yang lebih kemas perlulah diatasi dari satu masa ke satu masa, kerana pada kebiasaannya perbadanan-perbadanan yang baru ditubuhkan seumpama ini dan kita telah mengalami beberapa masa yang lalu perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan walaupun pada mulanya dengan niat hendak memberi khidmat kepada negara dan rakyat, tetapi telah dapat ditunggangi oleh golongan-golongan yang terhad yang mengeksploitasi kedudukan itu untuk muslihat golongan-golongan yang tertentu sahaja.

Saya percaya dengan pengalaman kita mengenai badan-badan yang tak perlu saya sebutkan, Kerajaan hendaklah lebih berwaspada di dalam mengawasi badan-badan ini, lebih-lebih lagi perkara stock exchange ini akan meliputi lebih banyak bilangan rakyat yang mungkin akan membeli lada hitam misalnya untuk simpanan dijual pada tahun hadapan lebih sukar menyimpan stock dari-

pada menyimpan wang di rumah, lebih-lebih lagi dengan keadaan inflasi sekarang ini mungkin terdapat sedikit masa lagi orang ramai akan lebih suka menyimpan stock daripada menyimpan wang. Kalau tidak diawasi dengan bersungguh-sungguh, mungkin akibatnya akan tertimpa kepada golongan-golongan yang menyimpan stock atau membeli daripada stock exchange untuk simpanannya.

Sepertimana yang saya katakan pada mula tadi, peruntukan yang diadakan bagi membayar pampasan yang telah dimasukkan di dalam undang-undang ini sebanyak \$30,000 dan juga denda yang dikenakan kepada mana-mana syarikat yang didapati tidak berjalan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditentukan ialah sebanyak \$10,000.

Saya rasa pada masa hadapan mungkin ini ialah satu kadar yang tidak mencukupi oleh kerana perjalanannya telah begitu luas dan meliputi banyak bahagian rakyat dan peniaga-peniaga kecil dan saya rasa hal ini perlulah dipinda pada masa-masa akan datang.

Saya rasa adalah sedikit optimis di dalam Rang Undang-undang ini kerana saya pernah mendapati bahawa syarikat-syarikat seperti ini pada mulanya dijangka tidak akan datangkan begitu banyak kesan tetapi setelah berjalan di dalam masa yang tidak berapa lama lagi ia telah dapat berkembang dengan pesat dan dapat mengambil bahagian yang lebih besar di dalam perdagangan dan perusahaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyebut di sini iaitu perkara yang penting sekali diawasi ialah supaya commodity exchange ini jangan bertukar menjadi satu gambling House. Saya percaya kalau ini berlaku maka ia tidak akan memberi faedah yang banyak seperti mana tujuan yang asal tetapi hanya akan memberi faedah kepada golongan-golongan yang menggunakan commodity exchange untuk kepentingan mereka sendiri.

Begitu jugalah mengenai dengan deposit sebanyak \$100,000 untuk sebuah kompeni yang ingin menjalankan aktiviti foreign exchange di luar negeri. Ini pun saya rasa tidak mencukupi dan patut dari semasa ke semasa pihak Kementerian mengadakan kuasa yang tertentu untuk menyemak semula kadar-kadar atau pertaruhan-pertaruhan yang telah ditetapkan ini.

Pada akhirnya saya juga berharap bahawa Kementerian ini akan menimbang supaya diberi satu galakan kepada mana-mana syarikat bumiputra yang ingin mencebur diri di dalam lapangan commodity exchange ini dengan memberi apa-apa jaminan atau bantuan supaya mendapat kepercayaan daripada masyarakat perdagangan di luar negeri.

Inilah sahaja yang dapat saya bincangkan dalam hal ini, dan pada akhirnya saya dengan sukacitanya menyokong Bil ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik.

7.53 mlm.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini. Sesudah saya menyokong saya hendak bercakap sedikit sebanyak berkenaan dengan commodity exchange terutama sekali oleh kerana ini adalah futures trading.

Tuan Yang di-Pertua, kita nampak commodity exchange ini bukanlah tempat berjudi, tidak, tetapi setengah menga akan ini adalah calculated risk, tengok macam mana keadaan dunia. Kita hendak masukkan sekarang kelapa sawit (palm oil), oleh kerana ini adalah bahan utama di negara kita ini tetapi saya beri contoh di sini, misalnya di negeri Jepun selalu membeli saham yang dikatakan "beans" dan juga "red beans". Jadi selalu red beans ini dibeli. Ini bukannya dibeli hari ini esok boleh dijual, tidak, ditunggu lama.

Kemudian katalah orang ini masuk \$10,000. Kalau kita beli saham di stock exchange, dan kalau kita membaca suratkhbar kita nampak sebuah syarikat misalnya *Straits Times* harganya \$8.10. *Straits Times* ini kalau kita membeli sahamnya kalau turun pun barangkali hanya 10 sen, 20 sen atau 30 sen, tetapi ini tidak, kalau turun di mana yang kita letak \$10,000 maka \$10,000 habis lenyap. Ini yang dikatakan calculated risk tadi oleh kerana bermacam-macam, kita tidak dapat menyangka harga naik oleh kerana satu daripada sebabnya tidak ada hujan, di negeri Jepun misalnya ataupun banyak sangat turunnya salji dan berbagai-bagai lagi. Dengan sebab itu, bahan ini tidak ada maka naiklah harga

red beans ini. Jikalau terlampau banyak pula maka turun pula, barangkali red beans atau soya beans daripada negeri China begitu banyak sekali, jadi pasaran itu terus turun sampai ke bawah. Saya adalah menyokong di atas perkara ini tetapi ini adalah risk, terlampau banyak risk mesti kita ambil. Ini sedikit sebanyak macam judi juga.

Kalau misalnya dikatakan faktori-faktori, faktori itu memang ada di sini tetapi ini kita jalankan dengan "paper money", kertas sahaja, kertas itu diletakkan beberapa banyak yang kita beli, bendanya kita tidak nampak langsung. Kalau di negeri ini kita tahulah getah dan sebagainya tetapi dengan ini kita tidak tahu langsung.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya nampak kita tidak masukkan getah dalam commodity exchange ini oleh kerana saya fikir orang puteh tidak berapa suka.

Pada masa dahulu kita dijajah dan di negeri ini banyak getah-getah Ingeris, dengan sebab itu pusat pasarnya adalah di England seperti Guthrie, Harrisons & Crossfield dan banyak syarikat-syarikat Ingeris yang besar-besar menanam getah. Itu sebabnya, saya fikir barangkali Yang Berhormat Menteri boleh menjawab, kita ragu ragu, kita takut-takut lagi hendak menarik ke sini. Saya sudah tahu dahulu di Lower House iaitu pasaran getah ini kita hendak bawa ke negeri kita, tetapi sampai sekarang kita masih lagi ragu oleh kerana barangkali kita fikirkan Englandlah tempat yang sesuai sekali. Jadi, saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri palm oil ini didahulukan, getah yang begitu banyak tidak didahulukan. Apa sebabnya minyak kelapa sawit (palm oil) sahaja yang hendak dikeluarkan di Kuala Lumpur Commodity Exchange ini. Cuma satu barang sahaja iaitu kelapa sawit.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan deposit \$250,000 siapa hendak menjadi ahli mesti ada kapitalnya ataupun wang yang dibuat sebagai kapital iaitu \$250,000 dan hendak membeli kerusi sebagai member \$50,000.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat Menteri tak dengar.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tak dengar? Boleh dengar tak? Kalau tak dengar, saya ingat saya bercakap lebih kuat lagi.

Jika hendak menjadi ahli kita terpaksa membayar \$50,000. Jadi \$50,000 sebagai ahli, tetapi capital sesuatu syarikat itu mestilah ada \$250,000. Saya ingat \$250,000 itu tak sesuai; kita mesti tetapkan tiga empat kali ganda daripada \$250,000. Orang-orang membeli saham satu hari berapa banyak; orang hendak kaya lekas. Oleh kerana itu kita taruh \$10,000 boleh jadi \$100,000. Kita taruh \$30,000 boleh jadi \$300,000. Orang hendak kaya, dengan sebab itu banyakkah orang membeli saham ini. Jadi dia tak terbayar nanti bagaimana? Sungguhpun syarikat itu cuma ambil komisen sahaja tetapi ambil komisen ini, dia mesti bayar dahulu kepada orang itu. Jadi duit tak ada macam mana hendak bayar kepada orang. Oleh sebab itu \$250,000 itu tak cukup. Saya yakin dan percaya \$250,000 nanti menjadi persoalan di belakang hari di atas perkara ini.

Di sini juga sesiapa sahaja hendak menjadi ahli boleh yang saya tahu sebab belum dikeluarkan apa-apa kepada public. Dengan sebab itu, saya dengar iaitu Harrison & Crossfield boleh, Guthrie boleh jadi ahli, tetapi bagaimana keadaannya pula FELDA, berapa orang FELDA akan menjadi ahli dalam Commodity Exchange ini? Bagaimana pula Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). Tiap-tiap satu PKEN mesti diberikan satu tempat sebab apa saya katakan begitu, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor yang banyak sekali palm oil, Pahang cukup banyak palm oil, begitu juga negeri-negeri macam di Perak itu skim State, bukan Federal, FELDA itu memang skim State tetapi macam di Johor, FELDA ada tetapi skim State pun ada. Jadi semua PKEN serupa ini mestilah diberi tempat. Begitu juga Sabah, banyak menanam palm oil, di situ juga mesti diberi kerusi untuk mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, jangkanya sudah lama dibuat KL Commodity Exchange ini, sekarang baru dibuat walaupun belum lagi kelambatan. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri jika sesuatu syarikat bumiputra hendak menyertai di dalam pasaran ini menjadi satu ahli di sini berkehendakkan dua orang penjamin yang telah menjadi ahli

kalau tak silap saya. Saya dapat tahu dua orang, kalau dua orang misalnya kita minta pertolongan kita ka.akan sekarang si A misalnya hendak menjadi ahli mendapatkan satu kerusi dalam pasaran terpaksa dia mencari dua orang penjamin. Siapa orang hendak menjamin sebab orang-orang yang telah menjadi ahli itu tentu dia tak mahu, dia tak hendak menjamin atau menolong oleh kerana interest dia ada di situ dan juga dia ahli di situ. Jadi, bagaimana dia hendak menolong oleh kerana ada competition dengan dia, oleh sebab itu saya harap Yang Berhormat menteri dapat memikirkan di atas perkara ini.

Selain daripada itu, bolehkah atau tidak misalnya sesiapa sahaja bumiputra Menteri menjadi sebagai penjamin iaitu mengatakan bumiputra ini boleh menjadi ahli dalam Commodity Exchange ini? atau apa yang difikirkan oleh Yang Berhormat Menteri yang baik, kerana kalau orang-orang menjadi ahli dia hendak lagi sedikit ahli lagi baik, oleh kerana apabila dia ahli, dia boleh menjalankan exchangenya. Jadi ini adalah mustahak maka Yang Berhormat Menteri kalau dapat untuk memikirkan di atas perkara ini.

Sekianlah sahaja dan saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad.

8.06 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun memberikan sokongan di atas Rang Undang-undang Dagangan Komoditi 1980 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan telah diberikan sokongan oleh rakan-rakan sejawat saya.

Sebelum daripada saya mengambil bahagian lanjut dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini, yang telah bekerja bersungguh-sungguh sama ada dalam dan di luar negeri bagi menaikkan taraf bahan-bahan mentah kita dalam negeri ini dan beberapa usaha yang cemerlang yang dibuat dalam bidang penyelidikan supaya mutu pengeluaran bahan utama dalam negeri ini dapat diterima oleh negara-negara pengguna.

Selain daripada itu, Kementerian ini juga sedap berusaha melonggarkan sekatan tarif daripada negeri-negeri yang maju. Usaha seumpama ini patut kita hargai sangat-sangat kepada Kementerian ini, terutama sekali Kementerian yang sekarang di bawah Yang Berhormat Datuk Paul Leong, seorang yang lemah-lembut dan dengan sifat-sifatnya boleh menarik negeri-negeri pengguna menggunakan barang-barang kita.

Satu lagi baru-baru ini beliau telah pergi ke Amerika berhubung dengan membuat satu perjanjian pasaran getah di Kuala Lumpur. Ini satu usaha yang sangat baik, tak berapa lama lagi beliau akan pergi ke negeri China. Saya harap kita bincangkan Rang Undang-undang Perdagangan Komoditi ini yang wujud di Kuala Lumpur berhubung dengan minyak kelapa sawit, beliau akan dapat melobi kerajaan negeri China ataupun ahli-ahli perdagangan negeri China supaya dapat lebih banyak lagi menggunakan kelapa sawit kita untuk kegunaan rakyat di sana dan dengan itu saya fikir satu keberhasilan yang baik atas tujuan Rang Undang-undang yang kita bahaskan ini.

Rang Undang-undang ini memang sangat diharapkan oleh rakyat supaya dapat dilahirkan sebab pada masa yang lalu beberapa kesulitan yang telah dialami oleh ahli perniagaan dalam negeri ini dalam memasarkan dagangan perusahaan utama untuk eksport ke negara maju atau negara pengguna. Dan usaha ini saya fikir tidak dapat diwujudkan iaitu pasaran perdagangan komoditi yang dibuat di Kuala Lumpur ini saya memahamkan tak dapat diwujudkan tetapi dengan kuatnya kerjasama, terutama Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian kita dengan adanya kestabilan politik dalam negara ini dan dijamin pula keamanan dan keselamatan negara ini, maka dengan sebab itu Rang Undang-undang ini dapat ditubuhkan.

Menurut apa yang difahamkan kepada saya bahawa kita telah dapat sambutan daripada ahli-ahli yang ada kaitan dengan kelapa sawit dalam negeri ini dalam bahagian pengeluaran, pengguna atau pengilang yang akan bersama-sama dalam syarikat kita. Ini satu perkembangan yang sangat baik bahawa dengan wujudnya ini walaupun pada masa sekarang bentuknya berhubung dengan per-

usaha kelapa sawit dan ini pada keseluruhannya memberikan satu faedah dan manfaat kepada pekebun kecil kita sebab melalui ini juga dapat dimantapkan harga kelapa sawit ini dengan keadaan yang baik. Ertinya, bahan mentah kita ini tidaklah boleh dikucar-kacirkan oleh negara pengguna dengan adanya kita mempunyai pasaran sendiri dalam negeri ini.

Sebagaimana kata rakan sejawat saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi kenapa tidak disekalikan Rang Undang-undang ini dengan menyeluruh pada pasaran getah, sebab getah adalah satu perusahaan utama yang dikehendaki sangat oleh dunia dan bila disebut getah asli ada kaitan dengan penghidupan rakyat di luar bandar, sebab yang melibatkan diri dengan getah itu tidak kurang daripada 400 million umat yang terlibat dengan perusahaan getah. Jadi kalau pada masa sekarang tidak boleh diusahakan saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengusahakan dengan sungguh-sungguhnya berhubung dengan bahan mentah ataupun pasaran getah kita.

Yang kedua, bila disebut getah ini Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi bahawa sekarang pasaran getah yang kita buat di London itu kita akan alih ke Kuala Lumpur, ini satu perkembangan yang baru dan ini juga melapangkan dada pekebun-pekebun kecil kita sebab bila ada dua-dua pasaran ini di tanahair kita akan dapatlah ditetapkan harga getah, harga kelapa sawit itu dengan munasabah.

Satu lagi perkara saya memahamkan bahawa Rang Undang-undang ini juga akan jadi lumpuh sekiranya negeri ini diisytiharkan Undang-undang Darurat atau keselamatan dalam negeri ini tidak dapat begitu terkawal. Ini ada kaitan dengan perusahaan ini. Jadi saya mengharap pihak Kabinet atau Kementerian yang berkenaan hendaklah memberi kerjasama yang sepenuhnya supaya dapat satu jaminan politik dan keamanan dalam negeri ini akan kukuh sementara Rang Undang-undang ini dapat dilaksanakan demi kepentingan negara, kepentingan rakyat kita dalam negeri ini. Hanya satu perkara tadi Yang Berhormat telah mengatakan pihak Perbendaharaan membuat caruman memberi peruntukan wang sebanyak \$800,000. Menurut hemah saya peruntukan wang yang

seumpama ini patut Perbendaharaan tambah lagi sebab Perdagangan Komoditi ini baru diwujudkan, memerlukan wang yang begitu cukup tegap. Saya harap Perbendaharaan tidak akan banyakkkan soalan sekiranya Kementerian ini berkehendakkan wang untuk tambahan sebagaimana yang diperuntukkan itu.

Saya tidak hendak mengulas 10 Fasal yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam Dewan ini. Saya hanya hendak menyentuh dalam Bahagian III sahaja, "Pesuruhjaya dan Timbalan Pesuruhjaya Dagangan Komoditi". Saya cuma hendak menyentuh Fasal 8 (1) muka surat 13 iaitu tajuknya "Kerahsiaan rasmi". Ini patut dikawal dengan begitu cermat dan ketat kepada semua ahli-ahli jawatankuasa kita walaupun ada peruntukan dalam Fasal ini memberikan hukuman kepada seorang yang membocorkan rahsia dalam masalah ini. Tetapi ada lebih molek kita awasi, perkemaskan supaya rahsia-rahsia yang ada kaitan dalam perusahaan ini, dalam Akta ini dapat disimpan dengan baik dan tambahan pula dasar ekonomi kita ini, dasar perniagaan kita ini dasar perusahaan bebas. Kalau rahsia-rahsia dalam pasaran kita ini dibocorkan dengan begitu meluas saya kluatir juga akan menjadi kelumpuhan kepada kita. Jadi kepada mereka yang menjadi ahli jawatankuasa ini kita minta dengan seberapa yang boleh supaya mengemaskan diri mereka dengan tidak membocorkan rahsia-rahsianya.

Saya fikir inilah sahaja pandangan yang saya hendak berikan Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas Rang Undang-undang yang dikemukakan ini dengan ini saya memberikan sokongan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel.

8.17 mlm.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian serta memberikan pandangan-pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Malaysia ialah sebuah negara yang mengeluarkan bahan-bahan tempatan yang digunakan seluruh dunia maka Rang Undang-undang ini

amatlah penting untuk negara kita. Saya harap apabila Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan taraf perniagaan antara Malaysia dengan negara-negara antara dunia akan meningkat pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengeluarkan banyak sekali minyak kelapa sawit, sebagaimana kita sedia maklum dan juga Malaysia mengeluarkan 43% getah jika dibandingkan dalam pasaran dunia sepertimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Malaysia adalah negara pengeluar bijih timah sebanyak 20% jika dibandingkan dengan pasaran dunia. Malaysia juga mengeluarkan 26% kayu kayan di pasaran dunia, 23% lada hitam. Dengan keluaran bahan-bahan penting ini maka Rang Undang-undang ini amatlah penting. Saya ingin memberikan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana beliau membentangkan Rang Undang-undang ini jadi kita patut membahaskan Rang Undang-undang ini terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya getah telah dibawa ke Malaysia lebih daripada 100 tahun oleh Mendiang Sir Ridley, tetapi saya ingin tahu bilakah kelapa sawit wujud, adakah kelapa sawit ini hidup dalam Malaysia atau dibawa dari luar negeri seperti getah. Sebagaimana yang kita tahu bijih timah itu adalah keluaran tempatan dan juga lada hitam, tetapi saya ingin tahu dan rakyat ingin tahu bagaimana minyak kelapa sawit itu diintroduce, adakah daripada luar negeri ataupun luar daripada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting ialah pada masa sekarang kita selalu lihat banyak bijih timah kita dicuri oleh beberapa orang dengan lori-lorinya dan dapat keluar daripada Malaysia. Saya ingin tahu barang-barang curian ini dibawa ke mana, adakah barang-barang ini dibawa keluar ke Singapura oleh sebab bijih timah ini mendapat harga yang tinggi sekali dalam pasaran dunia pada masa sekarang? Berapa banyak kecurian telah ditangkap oleh pasukan polis dan biasanya barang curian ini dibawa ke mana?.

Berkaitan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Singapura tidak mengeluarkan bijih timah dan kita mengeluarkan lebih 27%

bijih timah di dalam dunia, kita cuma mempunyai dua smelters sahaja jika dibandingkan dengan Singapura sungguhpun Singapura tidak ada bijih timah, Singapura pun ada dua smelters. Bagaimanakah kedudukan ini? Tidak dapatkah Kerajaan kita menubuhkan lebih daripada dua smelters yang kita ada pada masa sekarang? Harap dapat kawalan yang cukup supaya barang-barang ini tidak dapat smuggled daripada Malaysia keluar negeri. Ini telah membawa satu kerugian yang amat besar kepada negara kita oleh sebab tidak ada kawalan yang begitu ketat dan cukup di tempat-tempat tertentu. Jadi pencuri-pencuri ini dapat senang sahaja membawa barang ini ke tempat-tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah Kerajaan Singapura membeli bahan-bahan seperti getah, bijih timah, kelapa sawit dan lada hitam daripada pasaran Malaysia dan jual kepada pasaran antarabangsa? Jika ya, tidak bolehkah Malaysia terus jual kepada antarabangsa. Ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya ingat penting.

8.23 mlm.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini. Saya berterima kasih di atas sokongan penuh yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Rang Undang-undang ini.

Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan sedikit kepada pandangan-pandangan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Rang Undang-undang ini. Terlebih dahulu saya suka menjelaskan bahawa harga bahan-bahan utama boleh ditetapkan oleh forces seperti permintaan dan bekalan bahan-bahan utama di pasaran dunia. Pada kebiasaannya Commodity Exchange telah ditubuhkan di negara-negara maju. Ini satu hakikat yang kita menghadapi. Oleh sebab itu foreign forces boleh menetapkan harga bahan-bahan utama di negara-negara maju tetapi dengan penubuhan Commodity Exchange di Kuala Lumpur, peniaga-peniaga dalam negara kita dan dari peringkat

antarabangsa dapat mengambil bahagian dalam menentukan harga ataupun price discovery process bagi kepentingan perkembangan ekonomi negara kita.

Ini satu tindakan yang diambil oleh negara kita. Saya harap kita boleh menentukan harga bahan-bahan utama bukan pada masa ini tetapi pada masa akan datang iaitu futures trading. Dengan penubuhan Commodity Exchange ini saya harap pekebun-pekebun kecil boleh memahami kedudukan berhubung dengan bekalan dan permintaan bahan-bahan utama di pasaran dunia pada masa ini dan juga pada masa akan datang. Ini saya fikir satu kenyataan yang sangat mustahak kepada orang ramai di negara kita.

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara berhubung dengan kegiatan-kegiatan bumiputra di dalam futures trading ataupun KL Commodity Exchange ini. Saya tahu futures trading ini ialah satu bidang yang terbaharu kepada orang ramai di negara kita. Oleh sebab itu Kerajaan akan menggalakkan peniaga-peniaga bumiputra dalam bidang perniagaan futures trading ini. Syarikat-syarikat bumiputra yang ingin mengambil bahagian adalah digalakkan supaya menubuhkan syarikat usahasama dengan syarikat-syarikat antarabangsa dan syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai kemahiran dan yang established dalam bidang ini. Dengan adanya syarikat usahasama di antara pihak bumiputra dan juga syarikat-syarikat ini maka peniaga-peniaga bumiputra akan dapat memahami tentang selok-belok pasaran dan dalam jangka masa yang sesuai mereka akan dapat menjalankan perniagaan itu dengan sendiri.

Di sini saya suka memberi tahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya akan mengadakan satu seminar di Kuala Lumpur yang mana pakar-pakar dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun dan Australia memberi peluang kepada peniaga-peniaga di Malaysia dan memberitahu orang ramai di negara kita tentang kedudukan futures trading. Ini saya fikir satu seminar yang sangat mustahak dan saya harap selepas diadakan seminar ini peniaga-peniaga dan pegawai-pegawai Kerajaan boleh tahu kedudukan futures trading.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat juga bertanya mengapa minyak kelapa sawit dimasukkan ke KL Commodity Exchange dan bukan getah asli. Di sini saya suka menjelaskan bahawa minyak kelapa sawit adalah satu bahan dagangan yang pertama di KL Commodity Exchange kerana Commodity Exchange di Rotterdam dan London adalah lemah dan tidak kuat dan di dunia belum ada satu pasaran futures trading terhadap minyak kelapa sawit. Oleh sebab itu kalau kita berdagang minyak kelapa sawit saya fikir Kuala Lumpur Commodity Exchange ini boleh mendapat kejayaan yang baik. Pada tahun 1979 Malaysia telah mengeluarkan minyak kelapa sawit sebanyak 2.2 juta tan yang mana kilang-kilang minyak kelapa sawit di Malaysia telah menggunakan minyak kelapa sawit sebanyak 1 juta tan setahun. Oleh sebab itu saya harap kilang-kilang seperti ini boleh mengambil bahagian yang aktif di dalam Kuala Lumpur Commodity Exchange. Pada masa ini getah asli telah diniagakan di MREIP tetapi sistem yang telah digunakan berbeza daripada sistem yang akan digunakan dalam Kuala Lumpur Commodity Exchange. Pada masa ini kita menggunakan "Whispering System" MREIP dan bukan Open Floor Price System yang mana saya telah sebutkan tadi Kementerian saya telah mewujudkan satu jawatankuasa untuk mengkaji perkara berhubung dengan getah asli yang dimasukkan dalam Kuala Lumpur Commodity Exchange dan saya akan mengkaji secara mendalam sebelum getah asli dimasukkan ke dalam Kuala Lumpur Commodity Exchange.

Tuan Yang di-Pertua, Dato Haji Ibrahim bin Haji Yaacob bertanya adakah mendapat restu daripada Jabatan Ugama berhubung dengan Kuala Lumpur Commodity Exchange ini. Perniagaan commodity bukanlah merupakan perjudian. Ianya adalah merupakan satu perniagaan yang halal sama dengan perniagaan-perniagaan yang lain. Oleh yang demikian maka tidaklah perlu mendapat restu daripada Jabatan Ugama mengenai risk berhubung dengan kegiatan-kegiatan future trading di Kuala Lumpur Commodity Exchange tetapi peniaga-peniaga mesti tahu kegiatan-kegiatan mereka dan mesti tahu implikasi dari kegiatan-kegiatan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua; Datuk Haji Khalid bin Haji Abdullah suka tahu kadar bayaran untuk menggalakan penyertaan syarikat-syarikat bumiputra. Kadar bayaran seperti yang telah ditetapkan itu pihak Kementerian saya telah merundingkan dengan semua syarikat termasuk syarikat-syarikat bumiputra dan mereka telah memberi persetujuan tentang kadar bayaran itu. Ada beberapa buah syarikat bumiputra yang telah menunjukkan minat untuk menjadi ahli-ahli dalam Kuala Lumpur Commodity Exchange ini. Apa yang saya telah perkatakan tadi syarikat-syarikat yang layak menjadi ahli mesti didaftarkan sebagai sebuah syarikat sendirian berhad yang mempunyai modal yang berbayar sebanyak sekurang-kurangnya \$250,000 dan yang mempunyai nama yang baik. Sesebuah syarikat mesti membuat bayaran masuk sebanyak \$50,000 dan menyumbangkan sebanyak \$30,000 di dalam Tabung Pampasan di bawah kelolaan Kuala Lumpur Commodity Exchange. Kementerian saya

Datuk Haji Khalid bin Haji Abdullah:
Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat berkenaan meminta penjelasan.

Datuk Haji Khalid bin Haji Abdullah: Saya tidak menyebut tentang kadar pembayaran mengenai dengan menjadi ahli stock Exchange. Apa yang saya sebut ialah Kementerian ini patut memberi perhatian dan memberi bantuan kepada mana-mana syarikat bumiputra. Saya tidak menyebut tentang bayaran.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, apa saya perkatakan, kita telah mendapat perundingan dengan pihak-pihak berkenaan. Saya fikir bayaran ini tidak rendah atau tinggi tetapi kita boleh mengkaji dari masa ke semasa. Bayaran ini telah ditetapkan oleh Kementerian saya dengan pihak-pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir inilah jawapan saya dan Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel telah menyentuh tentang penyeludupan bijih timah dari Malaysia ke Singapura. Saya fikir ada dua sebab yang menyebabkan penyeludupan bijih timah ke negara lain. Pertama duti eksport ke atas bijih timah

adalah tinggi sebanyak \$400-\$500 sepikul. Sebab yang kedua ialah syarikat-syarikat bijih timah ini boleh mendapat keuntungan yang lebih tinggi untuk mengelakkan dari income tax ataupun company's tax tetapi Kerajaan sukacita telah mengambil perhatian yang berat terhadap penyeludupan bijih timah ke negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya dan apa-apa yang saya tidak jawab telah dicatatkan oleh Kementerian saya. Sekali lagi saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan yang membina. Saya harap Commodity Exchange yang akan ditubuhkan ini akan dapat bergerak dengan maju dan jaya dan memberi faedah yang lebih kepada negara kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempegerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 107 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGHITUNGAN SEMULA PENCEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.43 mlm.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Penghitungan Semula Pencen 1980 dibentangkan untuk bacaan kali yang kedua.

Seperti yang kita telah maklum Tribunal Perkhidmatan Awam pada 22hb Januari 1980 telah memutuskan supaya Kerajaan mengira semula dan membayar pencen kakitangan Kerajaan yang telah bersara di bawah Skim Gaji Suffian dalam tempoh antara 1-1-70 hingga 31-12-75 berdasarkan faktor pencen yang dipakai bagi mereka yang bersara di bawah tanggagaji Harun. Keputusan tersebut adalah berbangkit daripada tuntutan anomali yang dibuat oleh Kesatuan Sekerja Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi pihak pesara-pesara berkenaan.

Menurut Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 sebarang keputusan yang telah dibuat oleh Tribunal mengenai sesuatu tuntutan anomali adalah terakhir dan muktamad dan hendaklah dipatuhi oleh semua pihak berkenaan termasuk Kerajaan. Ianya tidak boleh "dicabar, dibuat rayuan, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah". Keputusan itu juga hendaklah dilaksanakan dalam tempoh enam bulan.

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan anomali ini telah timbul kerana kakitangan-kakitangan yang bersara di bawah tanggagaji Suffian telah dibayar pencen berdasarkan kepada faktor 1/800 iaitu ternyata lebihkurang dibandingkan dengan faedah pencen yang dibayarkan kepada pekerja-pekerja Badan Berkanun atau Kuasa Tempatan iaitu berdasar kepada 1/600 di bawah tanggagaji Harun.

Kakitangan di dalam perkhidmatan awam yang telah dibayar pencen berdasarkan faktor 1/800 dapat dibahagikan kepada 4 golongan iaitu:

- (a) Kakitangan yang telah bersara di bawah tanggagaji Suffian mulai 1-1-70 hingga 31-12-75;
- (b) Kakitangan yang telah bersara di bawah tanggagaji Aziz mulai 1-1-70 hingga 31-12-75;
- (c) Kakitangan yang telah bersara sama ada di bawah tanggagaji Suffian atau Aziz dalam tempoh mulai 1-8-68 hingga 31-12-69; dan
- (d) Ahli-ahli angkatan tentera yang telah bersara di bawah Skim Gaji Tan Sri Sheikh Abdullah.

Keputusan yang dibuat oleh Tribunal Perkhidmatan Awam itu adalah hanya meliputi kakitangan-kakitangan Kerajaan di dalam golongan (1) iaitu yang telah bersara dalam tempoh 1-1-70 hingga 31-12-75 di bawah skim-skim perkhidmatan yang menggunakan tanggagaji Suffian sahaja. Ini bermakna keputusan Tribunal itu tidak meliputi kakitangan-kakitangan dalam golongan (b) (c) (d) seperti yang saya sebutkan tadi. Keputusan itu juga tidak meliputi satu lagi golongan pesara iaitu pesara-pesara dan ahli angkatan tentera yang berpangkat rendah yang dibayar pencen berdasarkan faktor 1/720 di bawah tanggagaji Tan Sri Sheikh Abdullah.

Kerajaan berpendapat adalah wajar kiranya keputusan mengenai pengiraan semula pencen itu dipanjangkan kepada semua golongan pesara yang saya sebutkan sebentar tadi.

Perlu juga dinyatakan bahawa apabila tanggagaji Suffian/Aziz dilaksanakan kadar-kadar faedah kecederaan dan pencen tanggungan juga telah dikurangkan iaitu sejajar dengan perubahan yang berlaku ke atas faktor pencen. Apabila faktor pencen di bawah tanggagaji baru Kabinet dinaikkan semula dari 1/800 kepada 1/600 Kerajaan juga telah mengambil keputusan untuk menggunakan kembali kadar-kadar faedah kecederaan dan pencen tanggungan sebagaimana yang telah digunakan di bawah tanggagaji lama sebelum Suffian/Aziz.

Maka adalah wajar kiranya kadar-kadar faedah elau kecederaan dan pencen tanggungan juga diselaraskan supaya sejajar dengan prinsip pengiraan semula pencen berdasarkan faktor 1/600 bagaimana yang telah diputuskan oleh Tribunal Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan kali ini adalah bertujuan untuk memanjangkan keputusan Tribunal Perkhidmatan Awam itu supaya meliputi semua kategori pesara dan orang-orang tanggungan yang dibayar pencen berdasarkan tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan menurut Laporan Suffian dan Laporan Aziz.

Rang Undang-undang ini adalah meliputi semua pesara dan orang-orang tanggungan berkenaan yang dibayar pencen dibawah tiga Ordinan yang berasingan iaitu Ordinan Pencen 1951 bagi Semenanjung, Ordinan Pencen 1963 bagi negeri Sabah dan Ordinan Pencen Cap 69 bagi negeri Sarawak. Langkah mewujudkan satu Rang Undang-undang sahaja bagi meliputi ketiga-tiga Ordinan tersebut adalah lebih memudahkan, jika tidak maka terpaksa Kerajaan membuat pindaan-pindaan ke atas peruntukan-peruntukan yang terkandung bukan sahaja dalam Ordinan-ordinan tersebut tetapi juga dalam Peraturan-peraturan Pencen yang telah diwujudkan di bawah tiap-tiap Ordinan tersebut. Bagi pesara-pesara dari angkatan tentera, oleh kerana faedah-faedah pencen mereka dibayar secara berasingan di bawah Akta Angkatan Tentera maka pindaan-pindaan ke atas peruntukan undang-undang berkenaan tidak dimasukkan dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini kerana adalah lebih mudah kiranya diperuntukkan terus dalam Peraturan-peraturan Pencen bagi Angkatan Tentera sahaja di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan tidak payah lagi dibentangkan di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Hitungan Semula Pencen 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat Puan Zawiah binti Abdullah.

8.51 mlm.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong Rang Undang-undang ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai Rang Undang-undang ini.

Pertama, pencen yang telah berjalan sekarang ini ialah yang mana 12½ tahun selepas kematian orang-orang yang berpencen. Jadi perkara ini patutlah dilanjutkan, kerana apa yang saya dapati ramai di antara pesara-pesara yang meninggal dunia dalam tempoh yang tersebut meninggalkan anak-anak yang

masih kecil dan masih di dalam persekolahan. Ini sudah tentu akan memberi beban yang berat terhadap ibu-ibu yang menjaga anak-anak itu dan sebagai anak-anak pula akan menerima kesengsaraan apabila berlaku kematian kepada bapanya.

Satu perkara lagi iaitu saya ingin menyentuh mengenai seorang janda yang berkahwin, maka pencennya akan dihapuskan. Pencen itu patutlah diberi kepada anak-anaknya jika ia ada mempunyai anak. Walaupun mereka itu berkahwin tetapi perkahwinannya belum tentu lagi boleh memberi jaminan hidup, terutama kepada mereka yang mempunyai anak-anak yang ramai. Bukan semua suami-suami itu sanggup menanggung anak-anak tirinya, suami-suami hanya suka kepada ibunya sahaja (*Ketawa*) tetapi kalau baharu berkahwin saya rasa adalah layanan yang baik kepada anak-anak.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, patut juga Kerajaan membuat kajian balik tentang kelayakan masuk pencen hendaklah dipendekkan daripada 10 tahun kepada masa yang patut, kerana banyak didapati kematian berlaku di waktu umurnya masih muda seperti kemalangan jalanraya, sakit jantung dan berbagai-bagai lagi penyakit-penyakit yang moden pada hari ini yang mana belum sampai masa perkhidmatannya 10 tahun.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, bayaran pencen yang ada sekarang patut juga dinaikkan daripada 1/600 kepada yang agak lebih sesuai kerana memandangkan kepada kenaikan keperluan hidup yang begitu melambung. Dan juga saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menubuhkan satu badan khas bagi mengkaji semula struktur pencen yang ada sekarang yang bertujuan supaya pencen itu berpadanan dengan kenaikan harga hidup yang benar-benar memberi imbuhan yang bermakna kepada pesara-pesara, di samping itu orang-orang yang bersara akan mempunyai keperluan hidup yang sama seperti orang-orang yang bekerja juga.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tuan Yang Berhormat Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid.

8.55 mlm.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya minta penjelasan tentang pentafsiran dalam perkara ini sahaja iaitu dalam perkara 11 (1) (e) (ii). Saya hendak tahu tafsiran perkataan "berkelakuan baik" ini. Bagaimanakah tafsiran berkelakuan baik dan siapa pula yang menentukan yang dia itu berkelakuan baik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sila jawab.

8.57 mlm.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah bangun mengambil bahagian untuk mengemukakan cadangan-cadangan mereka mengenai Rang Undang-undang yang telah saya bantangkan dalam Dewan yang mulia pada petang ini.

Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Zawiah binti Abdullah ialah perkara-perkara berkaitan dengan tempoh daripada 12½ tahun Yang Berhormat itu minta dipanjangkan dan begitu juga balu yang sudah berkahwin dan seterusnya beberapa perkara lagi saya rasa yang berkaitan dengan Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan ini tidak berapa lama dahulu. Mengenai dengan perkara ini sebenarnya pada masa ini Kerajaan masih lagi sedang mengkaji masalah-masalah pencen ini kerana adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengkaji perkara ini dari masa ke semasa, sebagaimana juga yang kita ketahui bahawa satu-satu undang-undang ini adalah merupakan undang-undang yang hidup yang biasa kita kaji dari masa ke semasa dan kita ubahkan mengikut kehendak atau keadaan pada waktu itu. Jadi, perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu Kerajaan akan ambil perhatian dan apabila pencen ini nanti dikaji di masa akan datang maka bolehlah diambil ingatan perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Mengenai dengan satu perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid iaitu berkaitan dengan kelakuan baik, saya adalah bersetuju dengan beliau ini merupakan satu perkara

yang mungkin susah difafsirkan, tetapi dalam perkara ini saya beri jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa pihak jabatan yang berkenaan yang mengendalikan perkara ini menyedari hakikat ini dan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya mengenai dengan perkara ini. Saya rasa yang dimaksudkan berkelakuan baik di sini ialah yang tidak misalnya melanggar undang-undang dan ini akan ditentukan oleh jabatan yang berkenaan yang akan mentadbirkan undang-undang ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja-lah jawapan yang pendek yang dapat saya berikan dalam Dewan yang mulia ini dan sekali lagi saya memberi jaminan perkara-perkara yang ditimbulkan itu telah saya catitkan dan insya Allah akan kita ambil ingatan apabila kita mengkaji atau meneliti balik Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ELEKTRIK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.00 mlm.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji

Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Akta Elektrik (Pindaan) 1980, bagi meminda Akta Elektrik 1949, dibaca kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Elektrik 1949 adalah di antara beberapa Akta yang diperbuat sebelum merdeka yang masih berkuatkuasa sekarang ini. Dalam tempoh 30 tahun berkuatkuasanya Akta ini, sudah tentu ianya telah mengalami beberapa proses pengubahsuaian serta pindaan untuk memperkemas dan memperkukuhkan lagi isi kandungannya bagi memenuhi keperluan dan keadaan dari masa ke semasa.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan kali ini, Tuan Yang di-Pertua, akan meliputi beberapa aspek penting sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk meningkatkan lagi prestasi serta mutu perkhidmatan Jabatan-jabatan Kerajaan serta badan berkanun. Segala aspek dalam Akta ini telah dikaji dalam mana Kementerian saya mendapati bahawa pindaan yang dicadangkan ini amatlah perlu dilakukan.

Pindaan-Pertama

Cadangan pindaan pertama, Tuan Yang di-Pertua, ialah meminda Seksyen 12 (1) dan memasukkan Seksyen baru 12A dan 89A kepada Akta Elektrik 1949.

Tujuan pindaan ini dibuat ialah untuk memperkemas peruntukan dalam Akta itu berhubung dengan soal-soal perlantikan dan tatatertib serta syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan kakitangan LLN. Pada masa ini, Akta Elektrik 1949 hanya memberikan kuasa kepada Lembaga Pengurus LLN berkenaan perkara-perkara tersebut. Tatacara ini terpaksa mengambil masa yang panjang disebabkan kesibukan ahli-ahli Lembaga Pengurus. Kelewatan mengambil tindakan ini terutamanya tindakan tatatertib terhadap mereka yang melanggar peraturan-peraturan perkhidmatan akan dengan sendirinya mengurangkan kesan ke atas tindakan tatatertib itu. Untuk menyejajarkan tindakan tatatertib ini, Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil di bawahnya perlulah dibentuk.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya juga mendapati bahawa tatacara-tatatertib yang bukan sahaja dapat difahami oleh tiap-tiap pegawai tetapi juga yang membolehkan LLN memperoleh perkhidmatan yang berdedikasi dan tidak berbelah bagi dari mereka perlu juga diwujudkan. Di samping itu, adalah perlu pegawai-pegawai ini mengetahui tata cara di mana mereka dapat membuat rayuan sekiranya, pada fikiran mereka, sesuatu tindakan tatatertib itu tidak dilaksanakan dengan adil dan saksama.

Dengan adanya pindaan-pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan bahawa setiap pihak akan mendapati segala aspek perkhidmatan mereka terutama yang menyentuh soal perkhidmatan dan tatatertib akan menjadi lebih jelas tanpa menimbulkan sebarang keraguan.

Pindaan Kedua

Pindaan Kedua yang dicadangkan, Tuan Yang di-Pertua, melibatkan Seksyen 79, 85, 86, dan 87 Akta Elektrik 1949, pindaan-pindaan ini difikirkan perlu oleh kerana kebelakangan ini kerap sekali berlaku pencurian kuasa elektrik secara berleluasa terutamanya pengguna-pengguna yang besar seperti ahli-ahli perniagaan dan pengguna-pengguna industri. Pencurian kuasa elektrik ini adalah juga berkaitan dengan pemasangan alat-alat sambungan elektrik yang dilakukan oleh pihak tertentu dengan tujuan untuk mencuri kuasa elektrik. Hal ini bukan sahaja mendatangkan kerugian yang besar kepada LLN, malahan juga sentiasa menyebabkan "over loading" dan "short circuit" yang megakibatkan gangguan dan kerosakan ke atas bekalan. Di samping itu pencurian kuasa elektrik ini mendatangkan bahaya kepada pengguna akibat penyambungan alat-alat dengan tidak menghiraukan langkah-langkah keselamatan kepada nyawa manusia.

Untuk menjadikan pencurian kuasa elektrik ini kurang menarik kepada pengguna-pengguna yang tamak dan haloba, maka pindaan-pindaan yang dicadangkan ini melibatkan penalti maksima, di samping mengadakan pengawasan yang lebih berkesan dengan membolehkan lebih ramai lagi

pegawai yang diberikan kuasa untuk melawat dan memeriksa premis yang disyaki melakukan kecurian serta membolehkan LLN mengenakan bayaran ke atas pengguna-pengguna yang cuba mengganggu alat-alat sukatan elektrik.

Penalti maksima yang diuntukkan pada masa ini dalam Akta Elektrik 1949 bagi kes-kes kecurian kuasa elektrik ialah denda maksima sebanyak \$5,000 dan atau penjara selama tidak lebih dari 2 tahun. Adalah dicadangkan bahawa denda maksima ini ditingkatkan kepada sebanyak \$100,000 bersama dengan hukuman penjara yang tidak berubah.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua pindaan yang saya bentangkan ini adalah semata-mata bertujuan untuk memperketatkan lagi pentadbiran LLN supaya tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat untuk membekalkan kuasa elektrik yang cukup dan dengan cara selamat dapat dilaksanakan oleh LLN sebagaimana yang diharapkan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Elektrik (Pindaan) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoon Hock.

9.08 mlm.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan membangkitkan satu perkara sahaja, iaitu berkenaan dengan muka surat 3, Fasal 5 di mana seksyen-seksyen kecil baru (4A), (4B) dan (4C) ditambah selepas sahaja seksyen-kecil (4) seksyen 85. Ini bermakna seksyen 85, seksyen-kecil (4) dipinda dengan memberi hak kepada Lembaga meminta dari mana-mana pengguna yang bekalan elektriknya telah dipotong kerana disyaki melakukan sesuatu kesalahan di bawah seksyen 86 supaya membayar pampasan kepada Lembaga kerana kehilangan hasil dan perbelanjaan yang berhubung dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya siapakah yang menentukan kesalahan itu dan sama ada peruntukan bagi pengguna itu supaya rayuan mereka dapat dihantar kepada pihak tertentu. Adakah adil jikalau kesalahan itu diasaskan atas kesangsian pegawai tertentu sahaja? Inilah keraguan saya, diharap dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kenaikan harga minyak mentah dunia maka mulai 1hb Oktober tarif kuasa elektrik negara kita telah pun dinaikkan sebanyak 2.6% bagi kedai-kedai dan juga kilang-kilang. Dan begitu banyak juga bagi rumah-rumah kediaman yang menggunakan lebih dari 150 yunit sebulan. Memandangkan kenaikan tarif kuasa elektrik yang diikuti dengan kenaikan taraf hidup rakyat saya berharap sungguhpun harga minyak mentah mungkin akan dinaikkan lagi dari semasa ke semasa, pihak LLN perlu memikirkan dengan berhati-hati kesan kenaikan harga tenaga elektrik dan diharap menahankan kenaikan tarif kuasa elektrik pula supaya kesan buruk kehidupan rakyat dapat dielakkan.

Dengan pembangunan negara yang cepat, keperluan tenaga elektrik sedang meningkat dan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan atau LLN memenuhi keperluan tenaga elektrik rakyat dan mengembangkan sesuai dengan proses pembangunan yang terus pesat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad.

9.11 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Akta Elektrik (Pindaan) 1980 untuk meminda Akta Elektrik 1949 seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Kita sangat bersetuju bahawa Akta Elektrik ini telah diwujudkan sebelum merdeka dahulu dengan beberapa perkara yang patut dipinda dari semasa ke semasa.

Dalam pindaan, soal tata tertib pegawai-pegawai elektrik ini satu usaha yang sangat baik sebab memandangkan bahawa kaitan Lembaga Letrik ini bertambah dari

sehari ke sehari dan pemikirannya juga bertambah, walhal elektrik ini adalah satu tenaga yang ada bagi kepentingan umum yang ada kaitan dengan Kerajaan.

Kita kurang gemar melihatkan Jabatan Elektrik ini juga satu Jabatan yang terpenting dalam negara pernah sekali sekala mengugut majikannya dengan tuntutan-tuntutan yang kadangkala tidak munasabah ataupun selain daripada tuntutan-tuntutan yang kadangkala tidak disempurnakan maka mereka perpicket ataupun mengadakan mogok. Masalah ini juga saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan akan memerhatikan adakah termasuk Kesatuan Sekerja Elektrik yang akan mengadakan picketnya pada 21hb mengikut arahan MTUC baru-baru ini, sebab kalau pekerja-pekerja elektrik ini akan berpicket juga ini satu perkara yang menyalahi tata-tertib seseorang pekerja, kadangkala dengan sebab berpicket ini mungkin mereka tidak bekerja dengan begitu penuh masa.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pegawai-pegawai elektrik ini saya mengharapkan hendaklah mereka mempunyai sikap yang lemah lembut terutama sekali mereka ada hubungan dengan orang ramai. Walaupun badan ini badan perniagaan tetapi sikap lemah lembut dengan orang ramai pada menghasilkan kehendak-kehendak orang ramai ataupun dalam masalah memungut hasil terhadap orang ramai jangan begitu kasar sebab kalau tingkah laku pegawai-pegawainya begitu kasar maka akan terjejaslah hasrat elektrik hendak memberikan satu khidmat kepada orang ramai dari segi pembekalan api elektrik.

Saya boleh menunjukkan satu contoh setengah orang ramai risau dengan pegawai elektrik yang datang ke rumah dengan keadaan kasar dalam membuat sesuatu kerja sama ada meminta bayaran api sebab kadangkala penduduk luar bandar itu bukan semuanya ada wang pada mereka ketika itu. Jadi kita boleh jawab dengan secara lemah lembut dan jangan dengan pantas kita potong bekalan elektriknya. Ini menjadikan satu kesusahan kepada mereka. Kita beri mereka tawaran supaya dapat memberi tempoh kepada pembayaran bekalan api itu.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kebelakangan ini ada pencurian kuasa elektrik. Ini memang patut undang-undang ini diwujudkan sebab masalah ini bukan sahaja dicuri oleh kilang-kilang yang besar tetapi juga satu amalan yang dibuat oleh penduduk-penduduk luar bandar ataupun orang ramai di kampung-kampung terutama sekali pada masa Hari Raya dan juga pada hari-hari keramaian. Masalah ini penting kepada mereka terutama semasa Hari Raya mereka hendak menghiaskan rumah dengan begitu baik dan hendak membuat kerja kahwin iaitu satu keramaian yang menghendakkan pegawai-pegawai elektrik memberikan satu nasihat kepada mereka bagaimana caranya sehingga mereka tidak disifatkan mencuri kuasa elektrik dengan diberi satu jalan supaya mereka boleh juga menggunakan api elektrik itu pada Hari Raya dan juga pada hari keramaian dengan tidak menjejaskan bekalan elektrik pada rumah mereka dengan ada satu kuasa yang diberikan kepada mereka sama ada diminta lesen atau diminta pembayaran yang ditambah sebab ini adalah penting. Kalau kita tegah sahaja mereka curi juga, mereka gunakan juga dengan tujuan hendak merayakan Hari Raya atau hari-hari keramaian sebagaimana yang saya katakan tadi.

Kemudian saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, katalah kuasa-kuasa kilang itu mencuri kuasa elektrik. Tetapi kalau elektrik itu berpunca kerugian pada seorang atau berpunca kerugian pada satu kilang, adalah pihak elektrik akan membayar kerugian itu. Sekarang ini cuma orang yang mencuri elektrik ini hendak didenda tetapi kepada bekalan elektrik yang tepat bahawa punca daripada elektrik inilah menjadikan kebakaran. Adakah pihak yang terlibat itu berhak menuntut Lembaga Letrik ini membayar sagu hati atau imbuhan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pandangan yang dapat saya berikan dan saya sokong Rang Undang-undang ini.

9.17 mlm.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap menyokong Bil petang ini ialah walaupun Bil pindaan tetapi saya ghairah sekali sebab

LLN ini sama ada dia Bil ibu atau Bil pindaan kepada saya serupa sahaja.

Sebab saya katakan serupa, kemampuan LLN menjadi satu ukuran kepada rakyat. LLN ialah satu badan berkanun yang kaya, mempunyai kewangan yang tegap oleh sebab daripada pembayaran pendahuluan sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang tidak ada orang ambil kerana masuk deposit itu berkehendakan api, dia mesti membayar sekian-sekian ringgit lebih dahulu yang disimpan di LLN, tidak akan dituntut semula sehingga rumah itu tidak ada ataupun perlu dituntut, Itupun tidak berlaku. Jadi dia berniaga untung dahulu.

Tambahan pula sekarang, Tuan Yang di-Pertua, apabila tidak membayar sahaja bayaran bulanan dua hari sahaja maka dipotong, kad merah pun sampai. Ini ialah peraturan yang dijalankan sekarang mengikut kehendak-kehendak dalam Undang-undang LLN.

Sekarang yang saya hendak minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana pada masa ini dua pertiga daripada perbelanjaan pengurusan pembangunan ini ditanggung oleh Kerajaan Pusat, hanya satu pertiga daripada belanja kos itu ditanggung oleh LLN sendiri. Jadi LLN hendaklah membuat satu kajian yang boleh menunjukkan kepada rakyat, kepada negeri-negeri setakat bila umpamanya sesebuah negeri ini kita jalankan sepenuhnya 24 jam kekuatan elektrik kerana baru-baru ini bukan lagi 24 jam, daripada 24 jam menjadi 12 jam, ada kawasan yang 24 jam balik turun jadi 12 jam sahaja. Banyak kampung-kampung sedemikian, umpamanya pekan Karak satu daripadanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, mula-mula 24 jam selepas itu kerana masalah minyak kononnya PERNAS tidak boleh menanggung minyak ke seluruh negara dipotong tinggal 12 jam. Ini dilakukan oleh kontraktor yang membekalkan api kepada pekan-pekan yang seumpama itu dan banyak pekan lagi, bukan ini sahaja. Jerantut sendiri umpamanya yang saya hendak contohkan, sebab Menteri ini datangnya daripada Pahang, lebih baik saya contohkan contoh yang dekat dengannya, Jerantut 12 jam, pekan Karak, pekan Teriang dan banyak pekan-pekan lain yang dibekalkan oleh kontraktor. Mengapakah LLN sendiri tidak boleh mengambil alih membekalkan elektrik ini dengan tidak melalui kontraktor atau

orang yang ketiga? Dan hendaklah LLN menjadualkan bukan sahaja dalam negeri Selangor, Perak dan lain-lain, sekian tahun umpamanya elektrik akan dibekalkan ke seluruh negara, macam satu projek nasional kita lakukan. Dalam LLN sendiri, Tuan Yang di-Pertua, tidak kurang ahli Pentadbiran, jurutera dan sebagainya.

Saya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentulah duduk di Kuala Lumpur ini tidak serupa dengan duduk di kawasan pedalaman. Dengan terbukanya tanah-tanah baru tanah-tanah rancangan FELDA, FELDA di Kelantan, Trengganu, Johor, Pahang dan lain-lain tempat, penduduk di sana sekarang ini sudah menerima kemewahan dan mereka sendiri mengatasi masalah ini dengan membeli generator sendiri. Jadi bilakah sekurang-kurangnya perancangan tanah yang dirancadangkan di kawasan FELDA umpamanya boleh dapat elektrik supaya seimbang dengan kemajuan yang berlaku dalam negara kita, dalam segi pembangunan lain bersama dengan pembangunan LLN itu. Ini saya mohonlah kepada Kerajaan kalau sekiranya diaturkan jadual seumpama itu.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya bantangan dalam Dewan ini, perkara ini kecil tetapi besar maknanya iaitu kakitangan dalam LLN di peringkat bawahan biasanya dia ambil pekerja kenalannya sahaja, biasanya begitu, kalau seorang ayah bekerja dalam LLN, anak dia bekerja dalam LLN juga. Jadi, temuduga (interview) kerana kekurangan kakitangan dibuat juga, tetapi pengambilan itu, dia itu berunsurkan kekeluargaan. Jadi, Kerajaan kita sudahpun menghapuskan dalam sesuatu jabatan tidak boleh bercorak satu kaum. Ini sudah diakui, dalam LLN sendiri sudah ada orang Melayu, orang Cina, orang India dan sebagainya tetapi pengambilan kakitangan itu dia kira "seh" sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kata orang Cina, seh; kata orang Melayu, puak. Kalau lain puak datang, dia kata dukacitalah. kerja ini sudah dipenuhi. Perkara ini tentulah tak sampai kepada Kerajaan tetapi ini dijalankan oleh sebahagian daripada pegawai yang tidak bertanggungjawab.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, memang dahulu pun pada mula-mula perancangan kemajuan negara kita dalam tahun

60an, pada masa dahulu pun Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita selalu mengesyorkan bahawa elektrik ini mestilah dijalankan dengan kuasa jana elektrik iaitu kuasa yang tidak banyak menggunakan minyak. Jadi sehingga sekarang ini saya nampak sudah banyak tasik dan air terjun ada dalam negara kita ini, patutlah Kerajaan atau LLN memikirkan bagi menggantikan itu menggunakan kuasa air bagi mendapatkan perbekalan elektrik di seluruh negara kita ini. Sekarang sudah banyak, dahulu barangkali tak timbul sebab jalan-jalan tak begitu banyak, apabila banyak jalan dibuat sekarang, sudah banyak air terjun yang tinggi-tinggi yang boleh dijadikan ampungan haidro dengan menggunakan kuasa air. Jadi saya fikir LLN patut menuju ke arah ini dengan itu mengurangkan penggunaan minyak dan kalau langkah ini dapat dimulakan satu dua projek adaiiah baik kerana ada negara-negara dalam dunia ini kadang-kadang menggunakan kuasa matahari, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita tak sampai ke taraf begitu lagi agaknya atau kepada kadar itu. Jadi saya menyarankan supaya LLN memikirkan untuk mendapatkan elektrik daripada kuasa air. Bolehlah saya katakan ini yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kerajaan atau LLN fikirkan terutama kalau kawasan bekalan elektrik yang menggunakan bekalan 12 jam sahaja.

Pada hari perayaan umpamanya, apalah guna disekat bekalan elektrik, tolong buka sedikit api itu, berilah faedah kepada rakyat sebab mereka membayar \$6.50 bagi setiap 100 unit untuk bekalan 12 jam. Ini di kampung pedalaman yang menggunakan perkhidmatan 12 jam patutlah pada hari perayaan seperti Hari Malaysia, Hari Pertabalan Yang di-Pertuan Agong yang akan datang umpamanya, pihak LLN bolehlah bermurah hati sedikit memerintahkan semua sekali kawasan-kawasan yang menggunakan api 12 jam, perkhidmatan 12 jam itu, boleh dijalankan pada hari ini supaya rakyat dapat menengok perayaan-perayaan melalui TV dengan tidak payah membayar lebih. Sekarang ini kalau mahu tengok boleh, Tuan Yang di-Pertua, tetapi mesti bayar \$72 atau \$36. Jadi orang kampung itu kutiplah daripada satu rumah ke satu rumah di kampung, pergi ke tempat-tempat tuan punya elektrik ini tetapi dia tak ada pada hari itu, mereka membayar untuk hendak menengok siaran TV pada Hari Malaysia, Hari Kemerdekaan dan hari

yang kita rayakan sebagai Kebangsaan kita. Jadi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya benda ini dapat diatur dengan baik, lebih-lebih lagi Hari Pertabalan (installation) D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong, dengan murah hati LLN dibenarkan pada hari itu dibuka bekalan elektrik kepada rakyat kampung.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang akhir aya sokong Bil ini.

9.26 m/m.

Datuk Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bercakap sedikit sahaja dalam perkara ini. Pada pandangan saya LLN ini boleh juga dikatakan Lembaga Tenaga Negara kerana kalau tidak ada kuasa elektrik ini maka negara kita akan menjadi lumpuh. Oleh itu, LLN ini adalah satu badan yang paling penting dengan sebab itulah pada malam semalam Dewan ini telah meluluskan Akta Perhubungan Perusahaan yang mana dalam Schedule of Essential Services. Electricity services ini dikirakan nombor dua selain daripada Banking services.

Saya mengalu-alukan Bil ini kerana membolehkan adanya Disciplinary Committee dan Committee ini boleh delegate kuasa-kuasanya kepada badan atau jawatankuasa yang lain ataupun kepada jurutera yang difikirkan layak menjadi pengerusi dalam Jawatankuasa Disiplin itu. Saya berharap Disciplinary Committee ini akan memerhatikan dan menghalusi, lebih-lebih lagi dalam perkara yang pada masa akhir ini boleh dikatakan bayaran elektrik itu melebihi atau hampir meningkat 100% di dalam masa setahun. Kalau rumah yang dahulu membayar sebanyak \$20 pada masa akhir-akhir ini telah menjadi \$40 saya rasa ini adalah termasuk di dalam kos perkiraan satu-satu unit, di sebabkan oleh tidak adanya efficiency, tidak ada kecergasan di dalam tugas pekerja-pekerja atau anggota-anggota dalam LLN. Jadi oleh sebab kos perbelanjaan bayaran gaji telah begitu meningkat dan biasanya kerja-kerja yang dapat dijalankan oleh seorang pekerja telah dijalankan oleh 5 orang, semua kos-kos itu menjadi bebanan kepada consumers. Misalnya, pada masa dahulu kalau kita ada satu kerosakan elektrik, fuse misalnya dibawakan ke satu track atau-

pun satu Land Rover daripada LLN membaiki fuse itu untuk dibetulkan semula. Tetapi di dalam masa yang sama juga jikalau satu bulb ataupun lampu dijalanraya terbakar, kalau kita minta orang yang sama dia tidak akan membuat kerja itu, katanya dia di Bahagian Fius, ada bahagian lain Bahagian Bulb dan sebagainya. Ini semua menambah kerja-kerja dan menambahkan beban kos pengeluaran. Baru-baru ini juga saya dapat berjumpa dengan seorang pegawai yang menceritakan kesah bagaimana kos membaca meter di kampung-kampung terlalu tinggi dengan sebab di antara satu rumah ke satu rumah berjauhan maka kos membaca meter ini sudah menjadi begitu tinggi, dengan sebab itulah kita telah mengadakan lebih banyak Meter Readers. Saya fikir o'eh kerana Lembaga Letrik Negara ini penting kepada negara patutlah memikirkan satu cara yang lain menggunakan slot machine dan sebagainya supaya dapat mengurangkan kos perbelanjaan yang begitu besar.

Saya rasa berkenaan dengan fuel ini saya tidaklah dapat angka yang munasabah, yang tepat, tetapi tidaklah begitu banyak, yang banyak sekali ialah anggaran belanja yang dibayar untuk gaji-gaji pekerja yang kadang-kadang sepatutnya dijalankan oleh seorang telah dijalankan sebanyak lima orang, kos ini bertambah dan kena dibayar oleh consumers.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada satu lagi sepertimana disebut oleh Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock tadi ialah kuasa mengenakan denda. Ini patutlah diadakan satu penal supaya dapat menentukan betul-betul orang yang melakukan kesalahan itu benar-benar telah melakukan kesalahan kerana kadang-kadang kita manusia ini ada juga terkadang-kadang membuat sedikit prejudice dan ada sedikit sebanyak yang merasa kurang senang dengan orang lain yang boleh menggunakan kuasa-kuasa yang melewati batas.

Lagi satu perkara yang ingin saya sebut di sini ialah berkenaan dengan supply kepada perusahaan-perusahaan. Patutlah Lembaga Letrik Negara memberi satu perhatian yang istimewa, jika berlaku kerosakan kepada perusahaan-perusahaan dengan sebab terkadang-kadang kalau ada perusahaan-perusahaan yang "stop" untuk satu hari dia mesti kena

belanja bukan ratus, bahkan ribu ringgit. Jadi kadang-kadang ada juga pihak Lembaga Letrik Negara yang mengambil masa yang biasa kalau benda itu dia hendak order daripada tempat-tempat lain dia mengikut giliran. Ini sepatutnya Lembaga Letrik Negara memberi satu perhatian yang istimewa supaya di ketika perusahaan menghendaki fuis yang besar atau lain-lain lagi mesti memberi satu perhatian yang istimewa dengan kerana terhentinya bekalan elektrik pada satu-satu perusahaan bermaknalah terhentinya pekerjaan buruh ataupun yang mesti dibayar kontreknya, misalnya terpaksa rugi begitu banyak untuk menunggu sehingga Lembaga Letrik Negara menyampaikan atau memperbaiki semua kerosakan-kerosakan yang berlaku. Inilah saya harap supaya Lembaga Letrik Negara memberi perhatian yang khusus kepada perusahaan-perusahaan supaya apa-apa kerosakan dapat diberi perhatian yang istimewa daripada LLN.

9.34 mlm.

Dato' Mohamad Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini. Walaupun hari sudah larut malam, tetapi nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat berminat untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Elektrik (Pindaan) ini.

Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock telah menyentuh soal siapakah yang memerhatikan kadar pembayaran kepada Lembaga Letrik Negara jika timbul kes yang mana seorang itu disyaki membuat kecurian elektrik. Sukalah saya menyatakan bahawa di bawah Rang Undang-undang pindaan ini kuasa yang menetapkan kadar pembayaran kepada Lembaga Letrik Negara adalah Jumaah Lembaga dalam Lembaga Letrik Negara yang mana dalam melaksanakan seksyen 85 ini Lembaga akan mewakili tugas ini kepada seseorang pegawai yang bertanggungjawab dan cukup pengalaman untuk membuat laporan kepada Jumaah Lembaga dan berasaskan kepada laporan itu maka Lembaga akan membuat keputusan tentang kadar pembayaran kepada Lembaga Letrik Negara. Andainya seorang pengguna itu tidak puas hati dengan kadar yang ditetapkan oleh Lembaga Letrik Negara ia boleh membuat

rayuan kepada Lembaga untuk mengkaji semula kadar pembayaran balik yang telah ditetapkan itu. Pada akhirnya jika seseorang itu masih lagi tidak setuju, perkara ini bolehlah dirujuk kepada mahkamah dan mahkamah yang akan membuat keputusan mukamad dalam perkara ini.

Yang Berhormat itu juga saya kira telah membuat satu rayuan yang besar dengan menyentuh tentang soal kadar bayaran elektrik yang dia harap tidak akan dinaikkan oleh Lembaga Letrik Negara, walaupun harga bahan minyak telah melambung naik. Saya suka menjelaskan di sini bahawa pada masa ini Lembaga Letrik Negara mengenakan kadar bayaran FCVC berasaskan kepada harga bahan minyak sebanyak \$300 satu tan iaitu kadar 2.6 sen satu unit dan harga bahan minyak ini pada masa ini adalah sebanyak \$400 satu tan. Jadi saya tidak mahu menyatakan di sini sama ada kadar bayaran elektrik akan dinaikkan ataupun tidak, tetapi sekadar memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bahawa akibat kenaikan harga minyak yang ditentukan oleh harga pasaran minyak sedunia maka LLN mengalami satu kerugian hasil yang besar iaitu hampir \$1 juta satu hari berikutan dengan kenaikan harga minyak dan pada masa ini kita masih lagi pakai ataupun meletakkan kadar bayaran mengikut harga minyak pada satu ketika dahulu. Jadi haraplah keadaan ini dalam makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan setakat ini itulah sahaja yang boleh saya nyatakan berhubung dengan kadar bayaran elektrik ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad telah menyatakan sama ada pekerja-pekerja LLN akan berpiket ataupun tidak berhubung dengan bantahan terhadap pindaan Undang-undang Buruh. Saya sukalah menyatakan bahawa setakat ini tidak nampak gambaran bahawa pekerja-pekerja LLN akan mematuhi arahan MTUC untuk berpiket dan sekiranya pekerja-pekerja LLN berpiket sama jugalah dengan pekerja-pekerja lain, ini adalah merupakan satu kesalahan mengikut Rang Undang-undang yang sedia ada yang telah diluluskan oleh Dewan ini maka tindakan tatatertib ataupun tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka yang terlibat.

Berkenaan dengan bayaran tempoh supaya LLN berlemah-lembut sedikit, jangan berte-gang dengan pengguna-pengguna, ini ada dua aspek, Tuan Yang di-Pertua. Daripada satu segi memanglah kita suka hendak bertertib, hendak berlemah-lembut dengan pengguna-pengguna tetapi kadangkala terpaksa juga kita memberi ingatan kepada mereka bahawa bayaran itu perlu juga dilaksanakan. Jadi kita memang beri satu tempoh dan dalam tempoh itu kita haraplah bayaran itu dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain telah menyen-tuh tentang bayaran deposit kepada Lembaga Letrik Negara dan saya kira telah memberi gambaran bahawa LLN ini mendapat untung besar dalam menjual tenaga dalam negara kita ini. Sukalah saya membetulkan sedikit gambaran Yang Berhormat itu, sebenarnya LLN tidak mendapat keuntungan yang besar dan akibat dengan kenaikan bahan minyak yang telah saya katakan sebelum Yang Berhormat masuk ke dalam Dewan ini, LLN mengalami kerugian \$1 juta satu hari akibat kenaikan bahan minyak.

Yang Berhormat telah menyatakan berke-naan dengan bayaran terhadap kos per-laksanaan projek-projek elektrik luar bandar mengikut nisbah 2/3 ditanggung oleh Kerajaan Pusat dan 1/3 oleh Lembaga Letrik Negara. Sebenarnya ini adalah nisbah yang lama, mulai pada tahun ini 100% kos perbelanjaan projek bekalan elektrik luar bandar adalah ditang-gung oleh Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat itu meminta sama ada jadual dapat diberikan mengenai pelaksanaan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar untuk mencapai matlamat supaya tiap-tiap kampung diberi bekalan elektrik. Saya ingin menjelaskan bahawa sebenarnya LLN ada jadual untuk memberi bekalan elektrik dan satu Pelan Induk telahpun direka dan dicipta oleh Lembaga Letrik Negara.

Walau bagaimanapun, kita tidaklah berhasrat hendak mengumumkan kadar perlak-sanaan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar kepada pihak orang ramai kerana ini tertakluk kepada berbagai-bagai faktor. Antaranya perbelanjaan yang diuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Lembaga Letrik Negara dan barangkali ini boleh berubah mengikut keutamaan negara dari

masa ke semasa. Tetapi saya sukalah memak-lumkan pada masa ini lebih kurang 55% daripada rumah-rumah di kawasan luar bandar sudahpun menikmati bekalan elektrik. Dan saya kira kadar 55% ini akan meningkat barangkali 60% pada akhir tempoh Ran-cangan Malaysia Ketiga, barangkali sampai-lah ke 75% pada akhir Rancangan Malaysia Keempat, barangkali pada akhir Rancangan Malaysia Kelima lebih daripada 90% rumah-rumah di kawasan luar bandar akan dibekal-kan dengan bekalan elektrik. Ini adalah satu rangka yang agaknya secara kasar yang dapat saya berikan kepada Ahli Yang Berhormat tetapi barangkali akan tertakluk kepada faktor-faktor yang tertentu yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Berkenaan dengan bekalan elektrik ke ke kawasan Karak, Jerantut dan Teriang ini dalam makluman saya sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, suka-lah saya mengatakan berhubung dengan Jerantut LLN telahpun meluluskan perun-tukan sebanyak \$6 juta untuk mengambilalih pelesen awam di Jerantut dan saya kira pro-jek ini adalah sedang dalam proses peraksa-naan dan akan siap tidak berapa lama lagi.

Begitulah juga dengan pembekalan elektrik oleh pelesen awam di bandar Karak, kita ada cadangan untuk mengambil alih bekalan elek-trik ke bandar Karak dan Teriang tetapi ini menunggu peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan ini merupakan salah satu projek yang akan diberi keutamaan yang tinggi dalam masa kita laksanakan Ran-cangan Malaysia Keempat.

Memanglah hasrat Lembaga Letrik Negara untuk memberi bekalan elektrik ke seluruh negara dengan mengambilalih pelesen-pelesen awam yang membekalkan elektrik pada masa ini. Tetapi hasrat ini akan tercapai berperingkat-peringkat kerana ini bergantung kepada usaha kita untuk meluaskan rangkaian negara (national grid) dan banyak masalah-masalah seperti masalah mendapatkan kelu-lusan izin lalu dan menyelesaikan masalah tanah; ini memakan masa. Ini memanglah dasar kita tetapi akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Mengenai dengan syor Yang Berhormat supaya kita mengurangkan pergantungan terhadap bahan minyak untuk menjana kuasa elektrik, ini memanglah matlamat Kerajaan

seperti yang tertera dalam beberapa syor yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa mengenai tenaga yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sebagai perangkaan pada masa ini pergantungan kita terhadap bahan minyak adalah sebanyak 85% dalam menjana tenaga elektrik dalam negara kita. Kita jangka angka 85% ini akan dapat dikurangkan pada kadar 60% ataupun 65% pada akhir Rancangan Malaysia Keempat dengan terlaksananya berbagai-bagai projek seperti ampangan di Kenyir, Bersia, Kenering dan juga pembinaan satu loji yang menggunakan gas asli di Trengganu yang kita harap dapat bekalan pada akhir ataupun menjelang tahun 1984.

Jadi usaha-usaha telahpun diambil untuk mengurangkan pergantungan kita terhadap bahan minyak. Di samping itu juga pada tahun ini dan pada tahun akan datang sebanyak 22 projek mini-hidro akan dilaksanakan oleh LLN di seluruh negara kita.

Berkenaan dengan syor Yang Berhormat supaya 12 jam ini ditingkatkan kepada 24 jam, diberi secara percuma pada hari perayaan; saya kira ini adalah satu syor yang sukar sedikit hendak dilaksanakan. Sebagai makluman kepada Yang Berhormat, dalam melaksanakan projek-projek bekalan elektrik ke kawasan luar bandar bolehlah dikatakan setiap buah rumah menerima subsidi di antara \$2,000-\$3,000 yang ditanggung oleh Kerajaan kerana kos perbelanjaan untuk membina stesen elektrik luar bandar, tiang-tiang yang dipacak, wayar-wayar yang direntang itu semuanya ditanggung oleh Kerajaan. Jadi ini saya kira adalah merupakan satu sumbangan yang sangat besar yang kadangkala kita tidak begitu sedar. Jadi berkenaan dengan syor itu saya ambil perhatian tetapi secara seponatan jawapan saya di sini saya kira ini sukar sedikit hendak dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Haji Khalid telah mengatakan berkenaan dengan kos perbelanjaan yang sudah naik kerana pekerja-pekerja tidak begitu dinamik, tidak cergas. Pada segi keseluruhannya saya suka menyatakan bahawa kos perbelanjaan dalam soal perkhidmatan tidak meningkat dengan kadar yang agak tidak munasabah. Yang mencemaskan kita ialah kos perbelanjaan berhubung dengan harga bahan minyak yang telah melambung tinggi. Kalau dilihat dari segi

peratus peruntukan yang dibelanjakan untuk membiayai perkhidmatan dalam Lembaga Letrik Negara kita tidak nampak satu keadaan yang mana boleh membimbangkan kita daripada segi melahirkan anggapan ataupun fikiran bahawa kos perbelanjaan perkhidmatan telah meningkat dengan begitu tinggi sekali.

Berkenaan dengan industri-industri yang mengalami gangguan elektrik, sukalah saya menyatakan bahawa ini memanglah usaha Lembaga Letrik Negara untuk memulihkan bekalan elektrik dengan seberapa segera yang boleh. Saya kira hanya dalam beberapa kes sahaja di mana bekalan tidak dapat disambung semula dengan kadar yang segera. Saya akui sepertimana yang telah berlaku di Bukit Raja baru-baru ini. Ini adalah disebabkan oleh satu kejadian yang agak luar biasa, tetapi pada keseluruhannya bolehlah dinyatakan bahawa setiap gangguan elektrik yang berlaku atas faktor-faktor yang tertentu adalah diambil perhatian yang berat oleh Lembaga Letrik Negara.

Pada akhirnya saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Satu pengumuman yang mengejutkan, tadi Yang Berhormat kata Lembaga Letrik rugi satu hari \$1 million, kalau setahun sudah \$360 million kita rugi. Jadi apa langkah atau ikhtiar untuk mengatasi kerugian yang macam ini. Adalah lebih baik kita tutup sahaja Lembaga Letrik Negara ini, kalau rugi. Apakah langkah Kementerian hendak menutup kerugian yang \$1 million ini?

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya ini kadang-kadang bengang juga memikirkan tentang perkara ini. Dari satu segi kalau LLN mengalami kerugian kita juga disalahkan, kalau LLN naikkan kadar elektrik kita juga disalahkan. Jadi saya tidak tahu mana satu yang betul (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.58 mlm.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dibaca kali yang kedua sekarang.

Undang-undang ini bertujuan untuk memperkemaskan pentadbiran Tabung dengan sejak wujudnya Tabung ini beberapa perkembangan telah berlaku yang memerlukan pindaan kepada Tabung Angkatan Tentera ini.

Tabung Angkatan Tentera telah diwujudkan dalam tahun 1973 dengan kelulusan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 ataupun Akta No. 101. Tujuan dan fungsi Tabung ini adalah membolehkan askar-laskar yang mempunyai kurang daripada 21 tahun perkhidmatan dan tidak layak mendapat pensyen mendapatkan faedah persaraan dengan menyertai skim simpanan wang yang diuruskan oleh Tabung ini. Dalam skim ini askar-laskar yang didaftarkan pada atau selepas 1hb Ogos, 1972 diwajibkan menca-
rumkan 10% daripada gaji bulanan mereka kepada Tabung dan Kerajaan pula akan menyumbang satu amaun yang sama.

Tabung akan membayar dividen ke atas caruman-caruman ini tiap-tiap tahun. Kemudian apakala syor-syor Laporan Jawatankuasa Kabinet dilaksanakan bagi Angkatan Tentera pada skim ini pada 1hb Oktober, 1977 maka banyak perubahan terpaksa kita buat. Laporan tersebut telah mengesyorkan supaya semua askar-laskar tanpa mengira tarikh pendaftaran mereka diwajibkan menca-
rumkan 10% daripada gaji bulanan mereka kepada Tabung Angkatan Tentera mulai daripada 1hb Oktober, 1977 dan Kerajaan pula akan menaikkan kadar caruman daripada 10% kepada 15% gaji bulanan askar-laskar mulai daripada tarikh yang sama. Perubahan ini memerlukan pindaan kepada Akta Tabung Angkatan Tentera ini supaya peruntukan-peruntukan adalah setimpal dengan syor-syor Laporan Kabinet.

Peruntukan 15 (1) (c) sekarang ini menghadkan pelaburan Tabung dalam interpraiss-
interpraiss tidak lebih daripada 30% daripada modal berbayar oleh sesuatu interpraiss itu. Pindaan kepada Seksyen 15 (1) (c) yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini akan membolehkan Tabung melaburkan lebih daripada 30% dengan syaratnya mendapat kelulusan Menteri Pertahanan dan persetujuan Kementerian Kewangan. Pindaan ini akan memberi Lembaga Tabung lebih flexibility dalam pelaburan-pelaburan tempatan yang didapati sangat sesuai dan sangat baik untuk negara kita.

Akta Tabung Angkatan Tentera adalah dipinda untuk menetapkan cara perbadanan diwujudkan iaitu dengan kelulusan Menteri Pertahanan dan persetujuan Menteri Kewangan dan dengan perintah yang diterbitkan dalam Warta Kerajaan. Pindaan ini juga menetapkan sumber kewangan bagi penubuhan perbadanan. Peruntukan-peruntukan berkaitan dengan penggunaan kawalan dan pembubaran perbadanan telah juga dikemas-
kan dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan ini.

Di bawah pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini perlu juga diadakan satu seksyen baru untuk mewujudkan satu skim yang bernama skim faedah kematian dan kehilangan upaya di bawah Akta ini untuk penca-
rum-penca-
rum.

Selain dari faedah-faedah yang boleh diperolehi oleh pencarum-pencarum di bawah Peraturan Angkatan Tentera Tetap seperti pencen, ganjaran atau lain-lain pemberian, skim ini memberi sumbangan wang kepada keluarga dalam kes kematian atau pencarum sendiri apakala pencarum itu tercedera sehingga terpaksa menamatkan perkhidmatannya. Skim ini akan dibiayai dari keuntungan pelaburan yang dijalankan oleh Tabung dan bukan dari sumbangan Kerajaan ataupun askar-laskar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bayaran-bayaran yang dibuat dari skim ini tidak akan menjejaskan kelayakan seseorang askar di bawah Peraturan Pencen Angkatan Tentera. Peruntukan Akta Tabung Angkatan Tentera sekarang kurang jelas tentang pembayaran caruman sumbangan Kerajaan kepada seseorang askar yang telah dikurniakan pencen tiada upaya sungguhpun ia tidak mencukupi 21 tahun perkhidmatan untuk mendapatkan pencen perkhidmatan. Oleh yang demikian definisi pencen dalam Akta Tabung Angkatan Tentera hendaklah dipinda supaya ia dapat termasuk pencen tiada upaya. Pindaan ini dilakukan kerana Kerajaan menghargai perkhidmatan askar-laskar yang hilang upaya akibat tugas-tugas mempertahankan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menca-cadangkan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak.

10.04 mlm.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya suka hendak bercakap sedikit berkenaan dengan Tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Tabung ini adalah cukup baik untuk askar menghadapi musuh-musuh negara terutama sekali mereka ini telah berjuang baik pun di Malaysia Barat, Malaysia Timur ataupun di sempadan. Jadi dengan adanya Tabung ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu sekarang 15% daripada gajinya yang dipotong dan 15% lagi akan diberi oleh Kerajaan. Kalau kedua itu dicampur pada satu bulan, maka di dalam tempoh 10 tahun misalnya mereka berkhidmat tentulah peluang ini boleh mereka ambil balik, kemudian boleh dibuat modal oleh mereka yang akan bersara nanti.

Tuan Yang di-Pertua, cuma satu teguran saya mengenai Tabung ini. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan tadi iaitu wang Tabung ini akan digunakan untuk pelaburan. Ini tentulah Yang Berhormat Menteri dan juga Menteri Kewangan memikirkan jikalau melabur, ini adalah wang daripada kutipan ataupun sumbangan anggota-anggota tentera dan juga daripada Kerajaan maka tentu sekali Yang Berhormat Menteri ataupun mereka memikirkan apa saham yang baik sekali dilabur kerana kalau dibeli sahaja saham yang tidak begitu baik, tentu mendapat kerugian, akhirnya bukan menjadi keelokan tetapi menjadi keburukan bukan sahaja kepada Kementerian bahkan keburukan juga tertimpa kepada orang-orang yang bertanggungjawab.

Satu daripada syor saya, Tuan Yang di-Pertua, ini ialah untuk kebaikan bekas-bekas tentera dan juga kepada Tabung ini. Darpada zaman berzaman, daripada penjajah sampai sekarang, uniform tentera ini baik pun Tentera Laut, Darat dan Udara selalu ditenderkan, kemudian diberikan kepada kontraktor untuk membekalkannya. Jadi apa salahnya kerana ini satu keuntungan yang baik sekali, hendaklah ditubuhkan satu syarikat baik pun bekas tentera ataupun tentera yang ada hari ini untuk membekalkan uniform termasuklah kasutnya, equipmentnya, hoversacknya, botolnya dan segala-galanya. Kalau boleh senjata dan juga kapal terbang. Apa sebabnya kita beri kepada agensi lain? Lebih baik diberikan terus kepada Tabung ini supaya dapat dibesarkan lagi keuntungannya, akan dapat nanti kepada tentera ataupun askar-laskar kita dan juga kepada bekas-bekas tentera.

Pada hari ini bermillion ringgit dapat kepada orang lain yang tidak ada campur langsung. Orang ini menadah tangan sahaja untuk mendapat keuntungan seperti ejen-ejen senjata di dalam negeri ini. Jadi apa salahnya jikalau ditubuhkan satu Syarikat Sendirian Berhad yang mana bolehlah penasihat-penasihat terdiri daripada Kementerian Kewangan ataupun Kementerian Pertahanan supaya diberi special case sebagai hak istimewa oleh kerana mereka ini nanti akan berkata negeri ini negeri demokrasi, kita tidak boleh buat demikian, maka askar-askar kita yang telah berjuang di dalam negeri kita berpuluh-puluh tahun menggadai nyawanya kepada negeri ini kalau mereka mati, anak isterinya akan tinggal. Ibubapanya siapa yang akan menengokkan. Dengan adanya syarikat ini maka saya yakin dan percaya dengan adanya uniform-uniform ini diperbuat oleh satu-satu syarikat yang akan ditubuhkan kelak dan juga senjata-senjata akan dibekalkan, tengok berapa banyak kapal terbang akan dibuat ataupun nanti pada suatu masa akan datang meriam, machine gun dan sebagainya boleh jadi akan dibuat di sini supaya kita tidak lagi membeli dari luar negeri termasuklah peluru-peluru kerana peluru-peluru kita pada hari ini tidak mencukupi. Kalau Singapura boleh buat peluru dan senjata moden, apa sebabnya kita tidak boleh buat?

Sebab itu saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menengokkan supaya satu syarikat yang disokong oleh Tabung ini ditubuhkan untuk kebaikan bekas tentera ataupun askar-laskar kita yang ada pada hari ini.

Saya tidak hendak bercakap panjang atas perkara ini, maka saya berharap Yang Berhormat Menteri Pertahanan dapat memikirkan supaya lintah-lintah darat jangan dapat masuk untuk mendapat keuntungan yang besar daripadanya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

10.10 mlm.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak dan atas buah fikiran atau cadangan yang telah dikemukakan oleh beliau.

Memang sebenarnya sikap yang patut menjadi panduan bagi mentadbirkan Tabung ini adalah sikap berhati-hati (careful) kerana kita tahu wang yang ditadbirkan oleh Tabung Angkatan Tentera ini adalah wang yang diperolehi daripada caruman askar-laskar kita. Oleh sebab itu falsafah yang kita ambil sebagai panduan menjalankan pekerjaan dalam Tabung ini adalah falsafah menjalankan Employees Provident Fund. Oleh sebab itu 70% daripada wang yang disimpan oleh Tabung ini diikatkan supaya ianya dapat dilaburkan dalam trustee investment termasuk fixed deposit, 15% dibiarkan untuk dilabur dalam "quoted shares in the share market" dan hanya 15% untuk digunakan bagi penyer-taan ekuiti (equity participation) seperti dikehendaki di dalam Undang-undang ini. Jadi oleh sebab itu maka jelaslah approachnya sangat careful.

Di samping itu juga dalam memilih pelaburan yang patut diambil Tabung ini dinasihatkan oleh sekumpulan Investment Panel terdiri daripada pihak yang memang tahu pada selok-belok pelaburan modal dalam negara kita ini. Berpandu kepada apa yang telah berlaku beberapa tahun ini nasihat daripada Investment Panel ini adalah sangat baik sehingga semua investment Tabung ini telah pun memberi keuntungan dan ada yang memberi keuntungan yang sangat tinggi. Kebanyakan daripada investmentnya adalah blue-chips dan di dalam syarikat-syarikat yang mempunyai management yang cukup tegap dan mempunyai potential yang begitu baik dalam negara kita ini.

Cadangan Ahli Yang Berhormat tadi, saya sangat alu-alukan, iaitu bagi Kementerian memikirkan bagaimana untuk membolehkan negara ini mempunyai defence productionnya sendiri. Sebenarnya ini memanglah menjadi dasar yang kita sedang selidiki sedalam-dalamnya sekarang ini. Memang benar kita sudah mempunyai satu kilang peluru yang sudah berjalan beberapa tahun, tetapi saya mengakui ini tidak mencukupi bagi usaha kita. Jadi, pertanyaan sedang dibuat sekarang ini mengenai bidang-bidang yang boleh menyokong kita mendirikan perkilangan kita sendiri dalam negara ini. High consumer items statistics sedang kita kumpulkan sekarang ini untuk membolehkan kita mengambil keputusan apa yang dapat kita buat di dalam

negara kita sendiri supaya kita tidak lagi terpaksa mengimport defence items daripada luar. Saya rasa items seperti uniform, senjata kecil dan webbing adalah items yang mempunyai potential bagi kita untuk menggalakkan perkilangan tempatan.

Mengenai soal kelengkapan yang lebih sophisticated dan besar, mungkin juga akan memakan masa dan mungkin juga ada daripada items besar ini yang tidak boleh diperbuat sama sekali di sini kerana limited market. Oleh sebab itu kajian sedang berjalan sekarang ini di bawah Defence Production Committee. Bagi menyentuh soal kelengkapan yang besar maka ingin juga kita hendak mengambil langkah sedikit demi sedikit supaya dapat menentukan sama ada kita mempunyai kebolehan untuk membuat items itu di sini. Misalnya dalam soal membeli kelengkapan yang cukup bilangannya, maka kita akan cuba meletak sebagai syarat supaya kelengkapan ini dapat diassemble dalam negeri ini dahulu. Kemudian kita tanya apakah offset programme yang kita boleh buat di dalam negeri, iaitu adakah kemungkinan bagi kita sedikit demi sedikit membuat component parts daripada kelengkapan itu. Ini sedang kita jalankan sebagai separuh daripada dasar kita misalnya dalam program kita hendak membeli kapalterbang, kerana bilangannya barangkali akan memberi break even point bagi kita menjalankan assembly.

Selain daripada itu mengenai kapal, kita telahpun memberi sokongan yang hebat kepada limbungan-limbungan tempatan daripada segi pembuatan kapal-kapal kecil dan pembaikan (maintenance) kapal-kapal besar setakat mana limbungan-limbungan ini boleh buat. Yang lebih sophisticated daripada itu mungkin kita suruh buat di luar. Walau bagaimanapun, apakala Naval Base di Lumut siap nanti maka kebolehan kita untuk menjalankan maintenance dan refurbishment yang lebih sophisticated mungkin akan dapat dibuat dalam negeri sendiri.

Itulah sahaja yang saya boleh terangkan setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan ini atas sokongannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa. Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG FILEM WAYANG GAMBAR (PENAPISAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.20 mlm.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang-Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan), 1952 dan bagi memperuntukan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, Kerajaan bercadang untuk mengubahsuai jentera pentadbiran Jabatan Filem supaya Jabatan itu dapat berjalan dengan lebih licin lagi, di samping itu Kerajaan berhasrat untuk mengawal tayangan pita-pita video melalui peti-peti televisyen, begitu juga mengawal penayangan filem-filem wayang gambar untuk tayangan umum.

Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan), 1952 telah berkuat-kuasa kira-kira 30 tahun yang lalu. Pindaan Akta ini telah dibuat dalam tahun 1954 dan sekali lagi dalam tahun 1974 untuk mengubahsuai mengikut masa dan melaksanakan syor-syor Jawatan-kuasa Pemilih Parlimen yang ditubuhkan untuk mengkaji dan membuat perakuan-perakuan bagi mengatasi masalah-masalah penapisan filem.

Tuan Yang di-Pertua, memandang akan perkembangan filem-filem wayang dan sekarang ini pula perkembangan-perkembangan teknologi baru dalam penayangan wayang gambar, pita-pita video banyak diimport ke dalam negeri untuk tayangan gambar-gambar melalui peti-peti televisyen dan juga penayangan gambar seperti ini telahpun berkembang dengan luasnya. Maka adalah perlu sekarang ini wayang-wayang yang ditayangkan melalui pita-pita video seperti juga filem-filem wayang gambar di pawagam-pawagam dikawal dan diawasi. Tayangan-tayangan melalui pita video juga adalah merupakan tayangan-tayangan cerita-cerita seperti yang ditayangkan melalui filem-filem di pawagam-pawagam. Maka dengan banyaknya kemasyarakatan dan mudahnya pita-pita video diperolehi oleh orang ramai maka timbullah trend baru, iaitu menayang gambar-gambar kepada orang ramai pita-pita video seperti tempat-tempat coffe house, di kelab-kelab dan di hotel-hotel bahkan dikedai-kedai yang menjual pita-pita video dan peti-peti televisyen untuk menarik pelanggan-pelanggan. Kerajaan percaya perkhidmatan dan kemudahan seumpama ini akan bertambah luas lagi memandangkan popularnya hiburan-hiburan melalui pita-pita video itu.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan sekarang ini hanya dikenakan ke atas filem-filem yang ditayangkan kepada umum di panggung-panggung dan juga melalui televisyen sahaja. Tayangan seperti ini ditakrif sebagai tayangan umum (public view) bagi maksud Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan), 1952. Kerajaan berpendapat tayangan-tayangan kepada orang ramai melalui pita-pita video dengan menggunakan peti televisyen perlulah dikawal untuk kepentingan masyarakat dan kepentingan negara dan perlulah ditakrifkan juga sebagai public viewing bagi maksud Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan), 1952.

Untuk membolehkan Kerajaan mengawal dan mengawasi tayangan cerita-cerita atau rancangan-rancangan hiburan kepada umum dengan menggunakan pita-pita video melalui peti-peti televisyen, Kerajaan bercadang meluaskan takrif perkataan "Filem" di seksyen 2 dalam Akta yang berkenaan supaya meliputi pita-pita video (video tape) itu, manakala takrif pita video sama dengan takrif filem, maka Kerajaan bolehlah mengawal dan mengawasi dibawa masuk pengimportan dan tayangan-tayangan pita video melalui peti-peti televisyen untuk tontonan umum.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman-hukuman yang diperturunkan dalam Akta sekarang ini juga adalah terlalu rendah dan tidak setimpal dengan kesalahan-kesalahan. Maka dengan itu Kerajaan bercadang denda yang terdapat dalam seksyen 5 (2), 6 (3), 8 (5), 9A (3), 14 (3), 20 (4) dan 26A (2) itu ditambah mengikut seriusnya sesuatu kesalahan itu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan), 1952 jumlah filem-filem yang ditapisan oleh Lembaga Penapis Filem telahpun bertambah. Dalam tahun 1979 sebanyak 27,750 filem, termasuk 1,433 pita video telah ditapis dan diluluskan. Jumlah yang ditapis dan diluluskan dalam tahun 1967 bilangannya hanya sebanyak 18,450 dan dalam tahun ini tidak ada pita-pita video yang ditapisan. Maka dengan bertambahnya bilangan filem-filem dan pita-pita video yang akan ditapis oleh Lembaga Penapis Filem, maka beberapa masalah sedang dihadapi oleh Jabatan Penapis Filem. Dengan hal yang demikian, beberapa seksyen perlu dipindahkan, misalnya Fasal 8 (6) cadangan meminda seksyen 4 Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan), 1952 untuk membolehkan Pengerusi Lembaga Penapis Filem menurunkan kuasa menandatangani sijil-sijil bagi filem-filem yang sudah ditapis dan diluluskan untuk tayangan umum untuk mencepat dan melicinkan pengeluaran filem-filem yang sudah ditapis itu. Sehingga ini hanya Pengerusi seorang sahaja yang boleh menandatangani sijil-sijil bagi filem yang sudah ditapis dan diluluskan oleh Lembaga itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sukalah saya memberi pengakuan bahawa pengeluaran sijil-sijil untuk filem-filem yang diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem tidaklah akan disalahgunakan oleh mereka yang akan diperturunkan kuasa menandatangani sijil-sijil tersebut.

Selain daripada itu, dalam Akta sekarang tidak ada peruntukan yang membenarkan tuan punya bahan publisiti (publicity materials) yang diharamkan oleh Lembaga Penapis Filem untuk membuat rayuan terhadap keputusan Lembaga itu. Maka dalam pindaan yang dicadangkan ini Kerajaan berpeluang tuan-tuan punya bahan publisiti wajarlah diberi peluang untuk merayu kepada Jawatankuasa Rayuan apabila mereka tidak puas hati dengan keputusan Lembaga Penapis Filem. Peruntukan ini adalah sepertimana yang dicadangkan dalam seksyen 12A dan 12A(2).

Selain daripada itu untuk menyelaraskan kuasa menggelidih dengan kuasa-kuasa menggelidih yang terdapat dalam undang-undang lain maka Kerajaan berpendapat seksyen 16 (1) perlu dipinda. Pindaan-pindaan ini dicadangkan untuk memperkemas lagi cara-cara pihak yang berkuasa menggelidih berhubung dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini dan juga pengelidahan itu dapat dibuat dengan cepatnya.

Satu pindaan yang mana difikirkan penting dari segi pentadbiran ialah tentang perlantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Rayuan (Appeal Committee). Sekarang ini ahli-ahli Jawatankuasa tersebut dilantik bagi tempoh satu tahun sahaja dan tiap-tiap perlantikan itu berakhir pada 31hb Disember tahun yang sama. Peruntukan ini adalah didapati menyusahkan Jabatan untuk menguruskan dan difikirkan tidaklah sesuai lagi. Maka Kerajaan berpendapat ahli-ahli Jawatankuasa dilantik pada bila-bila masa yang perlu bagi satu tempoh yang tidak lebih dari tiga tahun dan pindaan ini dicadang di dalam seksyen 18 (2).

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga adalah memandang perlu peruntukan baru bagi Seksyen 26A ditambah iaitu bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk mengharamkan sesebuah filem ataupun pita video bagi ditayangkan manakala pada pendapatnya filem-filem ataupun pita video itu akan merosakkan akhlak masyarakat, ketenteraman awam ataupun memudaratkan keselamatan negara dan untuk mengemaskan lagi jentera pentadbiran Jabatan Penapis Filem, Seksyen-seksyen

baru 27 dan 28 perlu diwujudkan. Satu di antaranya ialah Menteri diberi kuasa membuat peraturan-peraturan bagi tujuan melicinkan urusan-urusan Lembaga Penapis Filem untuk kepentingan pengimport ataupun pengedar-pengedar filem dan pita video bahkan masyarakat seumumnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah saya mohon mencadangkan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

10.34 m/m.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap pada petang ini ialah menyokong Bil ini. Sebelum sampai masa berakhir, saya menyokong, saya hendak bercakap sepepat dua berhubung dengan perkara yang patut saya sentuh dalam perbahasan Bil ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memperkatakan filem yang ditapis (censor) maka tentulah permulaan itu berwujud dengan penggambaran filem yang di bawah kuasa-kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya berharap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya tidak sewenang-wenangnya membenarkan syarikat perfileman luar negeri mengambil gambar dalam negara kita ini dengan tujuan perdagangannya yang membawa kepada memburukkan imej negara kita.

Pada suatu ketika dahulu, Tuan Yang di-Pertua, berlaku sebuah syarikat perfileman asing datang ke negara kita membuat penggambaran filem iaitu di Batu Caves dan diberi pembayaran yang agak lumayan sedikit kepada pelakun-pelakun itu tetapi hendaklah mengikut arahan pengarah filem itu sehingga berkeadaan merupakan kehidupan yang luar biasa di zaman Batu.

Bantahan dibuat, Tuan Yang di-Pertua, oleh badan-badan politik dan orang perseorangan. Akan tetapi, langkah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada waktu itu tidak begitu abai di atas apa teguran yang dilakukan oleh orang ramai. Akhirnya apabila filem itu digambarkan semula setelah dicensor semula ke dalam negeri ini maka benarlah, walaupun tidak merupakan seperti diambil di Batu Caves atau di Kuala Lumpur tetapi asal usul filem itu setelah diketahui umum bahawa ia ditayang semula dalam negara kita dan kita lihat setengah daripada actor/actress kita, kita boleh kenal walaupun dengan keadaan yang tidak begitu siuman; cara pakainya boleh menampakkan buah dada dan juga memakai kain yang cabik yang paku satu kehidupan zaman yang tidak bertamadun.

Soal pokok yang saya perkatikan, Tuan Yang di-Pertua, ialah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri membenarkan syarikat perfileman asing mengambil penggambaran, itu yang saya tonjolkan. Maka hendaklah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bukan sahaja beliau berhak mencencor apabila filem itu dibuat dalam negeri ini tetapi beliau juga harus mencencor apa cerita lakonan dan skrip yang hendak dipergambarkan. Kita takut nanti cerita orang-orang di Malaysia ini juga tinggal di atas pokok berulang beberapa kali.

Jadi ini kenyataan yang nyata, Tuan Yang di-Pertua, yang saya bawa ke Dewan ini bagi timbangan Yang Berhormat Menteri dan saya berharap kejadian seumpama ini tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Kemudian berikutlah dengan kehendak Bil ini, Lembaga Penapis Filem meluluskan filemnya sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru sebentar tadi, lebih 27,000 filem yang dicensor setahun dan 95% daripada filem-filem itu ialah filem yang datang daripada luar negeri.

Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem ini bekerja enam hari seminggu sebagai kakitangan Kerajaan sedangkan perkhidmatan itu adalah sebagai khidmat Lembaga yang lain tidak pernah buat macam Ahli Lembaga Penapis Filem. Walaupun mereka diberi

imbuhan, elaun mesyuarat tetapi enam hari bekerja seminggu dan sepanjang tahun berkhidmat. Perkara ini perlu difikirkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya ianya seimbang dengan lain-lain board walaupun pendapatan Ahli Lembaga Penapis Filem ini menjangkau \$1,780 sebulan akan tetapi perkhidmatan enam hari seminggu tidak putus-putus ini boleh dikatakan satu kerja yang berat. Jadi saya mohon kepada Kerajaan lebih-lebih lagi kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memikirkan imbuhan yang diberikan kepada ahli Lembaga Penapis Filem ini hendaklah sesuai dan kalau boleh ini tidak kurang dari apa yang telah diberikan kepada commissions yang lain.

Jika saya tidak silap, ada setengah commissions memberi imbuhan bulanan \$1,250 sebulan, dicampur dengan elaun harian tetapi ahli penapis filem ini cuma mendapat \$750 sebulan dan dicampur dengan elaun harian \$40 satu hari yang tidak lebih daripada pendapatan \$1,700 sebulan. Apabila kita memikirkan 27,000 lebih filem yang mesti dicensor dalam tahun-tahun yang sudah, ini belum kita tahu lagi dalam tahun yang akan datang, tahun 80an yang akan datang. Mungkin dengan kemajuan filem dan jumlah filem kita semakin bertambah, tentulah angka ini boleh meningkat lagi dan tentulah khidmat mereka itu juga menjadi satu keperluan yang patut difikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit lagi selain daripada perkara itu penapis filem adalah menapis filem dan filem itu mestilah ditayangkan sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi. Video tapes boleh ditayangkan di coffee house atau di lain-lain tempat tetapi filem Melayu umpamanya tentulah ia berkehendakkan juga tempat (panggung) untuk penayangannya. Maka walaupun ini bukan tugas Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menentukan takrif ini tetapi oleh sebab ia ada hubungan dengan penayangan filem maka pada fikiran saya patut saya bercakap dalam Dewan ini berhubung dengan perkembangan perfileman Melayu kita. Dan saya harap Kementerian Dalam Negeri akan menyampaikan kepada sahabat karibnya iaitu Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian supaya boleh memikirkan masalah yang saya sebutkan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapat tahu daripada akhbar-akhbar yang kita baca, satu festival filem telah diadakan di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan kita dapat satu keadaan dan pemandangan yang indah apabila beratur barisan aktor dan aktres kita pada malam yang penuh dengan kenangan-kenangan manis. Hadiah pun disampaikan iaitu "Merak Kayangan" dan lain-lain lagi pada "Malam Merak Kayangan" itu akan tetapi usaha ini adalah satu usaha yang baik dan saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya mengadakan malam festival filem ini setahun sekali, hendaklah meliputi segala pengeluaran filem di negara kita termasuk keluaran Filem Negara, kerana hasil keputusan penayangan festival filem itu boleh kita ambil dan menjadikannya satu filem yang mewakili negara kita dalam pertandingan festival filem Asia atau ASEAN umpamanya, yang ianya betul-betul diwakili dalam satu pemilihan yang lebih teratur.

Saya mengangkat topi kepada tenaga penganjur festival filem yang baru diadakan iaitu oleh EJA di atas kesanggupannya mengadakan festival filem pada malam tersebut yang boleh merupakan kali pertama yang diusahakan oleh pihak bukan Kerajaan. Apa yang saya sarankan pada masa akan datang ini, Kerajaan hendaklah kalau boleh memberi bantuan dan juga bersama memperandingkan filem-filem keluaran Kerajaan itu daripada Filem Negara supaya ianya boleh dipertunjukkan satu kejayaan yang besar bagi negara kita, akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya tak ada embarrassing ataupun prejudice dalam masalah ini.

Pada satu ketika dahulu filem "Tiada Esok Bagimu" yang diarahkan oleh Jins Shamsuddin ditayangkan di Pangueung Coliseum dan telah memecahkan box office lebih daripada 45 hari tayangannya berjuta-juta ringgit diperolehi daripada hasil tayangan wayang gambar itu, akan tetapi tahukah kita, Tuan Yang di-Pertua, berapa peratus sahaja yang didapati oleh pengeluar filem itu? Tidak lebih daripada 40% sahaja. Kalau sekiranya dapat \$1 juta, bermakna \$400.000 sahaja didapati oleh pengeluar filem, 60% darinya adalah diambil oleh tuan punya panggung wayang. Jadi berkenaan dengan perkembangan filem ini Kerajaan hendaklah memikirkan usaha

mewujudkan panggung wayang, bukan boleh dimonopoli oleh dua naga besar yang kita sedia ketahui, akan tetapi usaha ini hendaklah diberi juga kepada kaum bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah membangunkan panggung wayang ianya hendaklah dilibatkan dalam kaedah pioneer status walaupun ianya bukan merupakan satu perusahaan tetapi ia merupakan satu bangunan tetapi ada hubungan dengan perusahaan filem. Kalau sekiranya bumiputra umpamanya hendak membangunkan panggung wayang yang tidak ada mempunyai taraf perintis maka wang pinjaman itu mesti dibayar kepada bank-bank dan institusi kewangan, sedangkan pembangunan itu memakan masa tidak kurang daripada satu tahun, satu tahun faedah dia bayar, pokok perlu dibayar. Dari manakah sumber kewangan itu akan diambil? Kecualilah kalau sekiranya pengedar filem atau penerbit filem itu orang yang mempunyai kedudukan kewangan yang lebih baik dan kewangannya lebih tegap. Jadi jika sekiranya kita masuk dalam keadaan pioneer status ianya dapat perlindungan, sekurang-kurangnya 5-8 tahun terlepas daripada cukai yang patut dibayar. Jadi walaupun dalam Bil ini tidak ada kaitan secara langsung, saya setuju, sebab sebagaimana saya katakan tadi, masalah filem ini ada kaitannya, Tuan Yang di-Pertua. Saya berlindung di bawah filem, sebab kalau tidak ada panggung di mana filem boleh ditayangkan? Walaupun ini saya bersetuju tidak berapa betul, tetapi tidaklah salah kalau saya memperkatakan sebagai meminta pandangan Kerajaan bahawa ianya diwujudkan pembangunan panggung wayang itu di bawah pioneer status iaitu sebagaimana yang dirakamkan filem ini bukan mengenai filem, tetapi video tapes dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan tahniah kepada wujudnya Bil ini, maka saya sokonglah Bil ini dengan sepenuh hati.

10.48 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita hampir pukul 11.00 malam dan betul-betul Dewan kita ini pada malam ini yang akhirnya mengemukakan babak filem. Jadi tayangan ini kita boleh lanjutkan, mudah-mudahan akan memberi ilham kepada Ahli-ahli Parlimen bercakap sampai pukul 12.00 malam.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ini menyokong Rang Undang-undang Satu Akta untuk meminda Akta Filem Wayang Gambar (Pindaan) 1952 yang telah disebutkan alasan-alasannya oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan hujah-hujah yang menasabah.

Saya sebagai salah seorang Ahli Dewan ini gemar memberikan pandangan-pandangan yang meluas dalam masalah filem ini. Pertama, Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah mengetahui bahawa melalui filem, melalui TV ia menjadikan satu kesan kepada masyarakat kita terutama sekali dari kalangan muda-mudi dan anak-anak kita sangat berkesan atas apa yang ditayangkan yang dibuat oleh filem itu atau yang ditayangkan pada TV kita. Alhamdulillah Kerajaan sedar bahawa telah menerima mudarat yang banyak kepada masyarakat kita, rakyat negeri ini melalui filem-filem yang telah ditayangkan di pawagam-pawagam kita dan juga di TV, jadi dengan sebab itu Rang Undang-undang ini melalui Lembaga Penapis Filem akan menentukan filem-filem yang diharamkan dalam negeri ini untuk ditayangkan, kononnya kalau filem itu ditayangkan ia tidak akan memberi kesan buruk kepada masyarakat kita.

Saya sangat berterima kasih kepada Kerajaan bahawa Kerajaan telah mengharamkan satu filem yang berbentuk Samurai. Samurai itu satu filem keganasan, selama Samurai itu ditayangkan di tanahair kita ini, selama itu dapat diikuti oleh anak-anak kita dan juga penjenayah-penjenayah dalam tanah air kita ini, mereka menggunakan bentuk pedang Samurai, keganasan bercorak Samurai. Ini satu contoh bahawa filem ini meninggalkan satu kesan kepada masyarakat kita dalam bentuk keganasan.

Yang kedua, Kerajaan juga melalui filem yang ditayangkan di dalam negeri ini mendapat hasil kutipan cukai hiburan. Ini sangat baik, sangat menghairahkan Kerajaan dan menguntungkan Kerajaan, malahan pula dalam pusingan rakyat dalam negeri ini banyak yang ada mempunyai wang. Jadi bila mana mereka mempunyai wang, mereka suka hendak pergi kepada satu hiburan, sekurang-kurangnya hiburan yang rendah dilihat filem-filem di pawagam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kesan filem-filem ini kepada masyarakat kita dan ada juga keuntungan kepada negara kita. Apa yang saya harap kepada Kementerian ini pada Lembaga Penapis Filem, kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya di masa yang akan datang hendaklah mengurangkan kuota kemasukan filem daripada luar negeri dari masa ke semasa. Kita bawa filem-filem daripada Eropah, daripada Amerika, daripada India, daripada China, daripada Hongkong. Saya tidak ada satu perincian yang menunjukkan berapa peratus, sebab saya bukan ahli dalam perfileman ini. Tetapi menurut pandangan saya filem dari luar ini lebih banyak dimasukkan dalam negeri ini, ditapis, kemudian ditayangkan kepada orang ramai.

Apa yang saya mahu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah mengambil filem-filem tempatan terutamanya kita gunakan filem tempatan supaya ditayangkan kepada masyarakat umum, malahan pula mutu pengeluaran filem-filem tempatan pada masa sekarang sudah ada mempunyai standard yang begitu baik yang dapat diterima oleh masyarakat sebagaimana kata Yang Berhormat saudara saya. Dengan keadaan ini, kalau kita dapat mengurangkan kuota kemasukan filem daripada luar negeri, kita mengutamakan, melebihi filem-filem tempatan, dengan cara tidak langsung bukan sahaja artis-artis kita mendapat taraf hidup yang baik, tetapi wang yang kita gunakan itu kembali kepada negeri kita. Jadi kalau sekiranya pada masa saat ini belum dapat lagi Kerajaan mengambil 50% atau 10% filem tempatan, kita ambil filem-filem daripada negara ASEAN ertinya filem-filem daripada barat, filem daripada India, filem daripada China, filem daripada Amerika itu kita beri dia 5%, 20% filem tempatan, 30% filem daripada negara-negara ASEAN, sebab saya mengatakan keadaan ini kalau boleh dibuat, saya fikir akan mendedahkan satu perasaan muhibbah kepada rakyat negara ASEAN dan kita boleh bertukar-tukar filem antara negara-negara ASEAN ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya huraikan sedikit sebanyak filem yang ditayangkan di negeri ini yang ada mempunyai kesan kepada masyarakat kita, filem ini banyak unsur yang berunsur pendidikan—itu molek kita lebihkan, berunsur rencana, berunsurkan hiburan

dan seks, berunsurkan sejarah, berunsurkan keganasan, berunsurkan gerun termasuklah cerita hantu. Dalam masalah ini Lembaga Penapis Filem patut memberikan satu perincian sudut yang mana yang banyak dan patut kita berikan peluang kemasukannya dalam negeri ini, jangan kita banyak memasukkan filem yang berunsurkan hiburan yang membawa seks ataupun kita banyak masukkan filem-filem yang bercorak keganasan, yang bercorak satu kaum, bila filem keganasan ini ditayangkan, akibatnya semangat keganasan itu akan meresap kepada penonton-penonton wayang itu. Saya minta maaf, kalau saya boleh bercakap di tanahair kita ini banyak pawagam, pawagam-pawagam yang ada itu ada kalanya bersendirian, ada daripada sebuah syarikat, pawagam ini tidak mahu mengutamakan filem-filem yang berupa filem tempatan atau filem-filem yang diedarkan ke panggung-panggung di bandar, kalau kampung orang Tionghua, filem Tionghua sahaja ditayangkan, jadi Lembaga Penapis Filem hendaklah memberi kuasa bagi mentadbir, kalau dalam kampung Tionghua, jangan hanya filem itu sahaja ditayangkan, kita beri peratusnya, filem Tionghua 60%, filem daripada Eropah 20%, filem daripada tempatan 10%. Dengan keadaan ini masyarakat di tempat itu dengan sendirinya akan menerima, akan mendapat bagaimana cara unsur-unsur kebudayaan sesuatu kaum dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai filem keganasan iaitu filem-filem daripada Hongkong atau filem daripada Taiwan, saya ingat ia menggunakan filem ini 100% yang bercorak keganasan atau pendekar, itu kita suka, kerana ada semangat kesateriaan. Tetapi kepada setengah pengambilan memasukkan suatu semangat kebangsaan dengan cara kekerasan rakyat negeri ini—itu yang saya tidak mahu, bukan saya tentang habis-habisan semua filem itu tidak boleh masuk, tetapi filem itu memang itulah yang banyak ditayangkan. Jadi saya mengharapkan kalau boleh berikan satu semangat, sebagaimana saya kata tadi ada kesan kepada masyarakat. Kalau filem keganasan, ada juga filem keganasan daripada tempatan, jangan kita banyakkkan filem keganasan, sebab saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, kesannya pada masyarakat itu ada. Kalau dalam filem itu pula tidak ada filem yang berunsurkan hiburan dan tidak ada berunsurkan seks, itu

pun satu benda yang kaku dan tidak dinamakan filem, jadi jangan kita banyakkkan filem-filem yang saya katakan tadi yang berunsur keganasan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan dalam Rang Undang-undang pindaan ini berhubung dengan Lembaga Penapis Filem. Lembaga Penapis Filem ini saya hendak tahu, saya kurang faham berapa ramai ahli-ahli dan siapa Pengerusinya; adakah ahli Lembaga Penapis Filem ini daripada wanita atau orang ahli ugama atau ahli kebudayaan, itu yang kita mahu sebab kadangkala filem-filem yang ditayangkan di pawagam kita ini bertentangan, bercanggah sangat dengan kebudayaan yang kita hendak lahirkan iaitu kebudayaan nasional dalam negeri kita ini. Kalau ada menjejaskan pengwujudan kebudayaan nasional dalam negeri ini, Lembaga Penapis Filem ini patut membuat satu potongan supaya filem itu dapat diluluskan.

Lagi satu saya mengharapkan dalam Lembaga Penapis Filem ini saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah memberi sarikata sama ada filem Tionghua, filem India, filem Inggeris; ini sangat baik dan saya sangat tertarik melihat cerita-cerita daripada filem Tionghua sebab mutu ceritanya sangat tinggi, dengan adanya sarikata dalam Bahasa Kebangsaan. Ini satu usaha yang sangat baik tetapi cuma saya hendak mengingatkan Lembaga Penapis Filem ini dalam sarikata Bahasa Malaysia ini jangan dicemarkan Bahasa Malaysia ini. Kalau hendak dibuat sarikata Bahasa Malaysia kenalah menggunakan Bahasa Malaysia yang bermutu, yang ada standard, yang tidak bertentangan dengan nahu-nahu Bahasa Melayu. Kita bukan kurang orang yang boleh membuat sarikata ini. Pihak Lembaga Penapis Filem ataupun pihak syarikat-syarikat dan pawagam-pawagam patut mengambil ahli-ahli bahasa kita yang boleh membuat sarikata dalam filem-filem itu.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penapis Filem ini patut membuat satu langkah yang tinggi lagi iaitu mengalihkata dalam Bahasa Malaysia. Dahulu sarikata, sekarang alihkata, ertinya bila seorang itu bercakap dalam bahasa India asal tetapi bila dia bertutur di filem dia menggunakan

Bahasa Malaysia. Ini pernah dibuat di mana-mana negeri seperti di Filipina, di Bangkok menggunakan bahasa-bahasa mereka sendiri; bahasa Thailand sendiri padahal filem itu filem Amerika.

Lagi satu mengenai takrif peluk cium yang dihalalkan dalam filem itu, macammana takrifnya? Saya tidak gemar juga kalau babak yang seumpama ini kita terus hilangkan tetapi di TV kita bila anak kita menengok sebuah filem yang ada menunjukkan babak orang itu berdakap-dakap, bercium, budak itupun hendak cuba. Itulah kesannya kepada anak-anak. Jadi kalau filem di TV; saya pun tidak tahu kalau hendak potong babak cium sama ada boleh atau tidak dibuat oleh Lembaga Penapis Filem, itu terpalang kepada keadaan tetapi memang berkesan. Bila lepas babak berkucup, anak kita pun hendak cuba macammana orang itu buat tadi. Ini satu keadaan yang patut difikirkan. Kalau hendak dibuang semuanya hilanglah keaslian filem itu. Itupun satu benda yang merosakkan keperibadian sesebuah filem.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya minta sebab manusia yang dinamakan manusia memang berkehendakkan hiburan. Tadi Yang Berhormat telah mengatakan hiburan ringan yang dibuat oleh masyarakat kita iaitu melalui pawagam filem-filem ini ditapis, barulah boleh ditayangkan di pawagam. Saya tidak hendak sentuh filem-filem di pawagam itu. Saya menyokong atas pandangan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Hussain berhubung dengan satu usaha patut pawagam ini didirikan lebih banyak dan yang boleh membantu usaha perfileman daripada bumi-putra.

Yang kedua kita dapat hiburan daripada peti TV. Di setengah-setengah negeri mereka menggunakan peti TV itu yang boleh menerima filem-filem yang asli betul, macammana bentuk filem itu boleh diterima tetapi di negeri kita tidak boleh, tidak dibenarkan tetapi setengah negeri itu menggunakan pita tayangan keaslian filem itu dia dapat tengok, terutama sekali bila hendak tengok filem TV ini ialah waktu tengahmalam. Dalam negeri kita ini tentulah tidak dapat dibuat tayangan TV yang begini iaitu termasuklah; saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, iaitu

babak-babak yang berupa kebudayaan kuning dimasukkan kepada filem TV di setengah-setengah negeri yang maju tetapi di Malaysia ini saya fikir tidak ada dibuat begitu.

Yang ketiga dari pita video. Ini satu benda yang sangat menarik orang ramai. Kalau kita tidak kawal tidak jaga betul akan merosakkan lagi masyarakat kita sebab kelab-kelab malam, coffee house dan bangunan-bangunan yang tertentu memikirkan bahawa hak rumahnya apa yang dia hendak buat, dia boleh buat, kalau dia hendak tayangkan gambar, dia boleh buat tetapi dengan ada kawalan ini, ini satu perkara yang sangat berguna kepada negara kita.

Yang keempat, hiburan yang didapati melalui kaset. Kaset ini digunakan oleh masyarakat kita dengan nyanyian-nyanyian lucu. Ini juga patut kita perhatikan, kalau ada nyanyian-nyanyian bukan sahaja yang merosakkan keselamatan dalam negeri, nyanyian-nyanyian yang berunsur lucu itu-pun patut kita kawal, kita haramkan.

Lagi satu termasuklah tarian-tarian disko. Disko ini baru hidup dalam negeri kita ini tetapi sangat diminati oleh anak-anak kita, anak-anak sekolah kita pun pergi ke kelab-kelab malam, ke mana sahaja tempat hiburan dan disko ini mereka pergi. Jadi hal yang macam ini kalau kita biar keadaan ini akan merosakkan masyarakat, akan merosakkan anak-anak kita meninggalkan pelajaran sebab dia terhibur dengan disko-disko. Di kelab yang mengadakan tarian disko ini mengadakan pula satu kumpulan. Dari sini-lah mungkin pedegar dadah berjalan pada kelab-kelab yang kita katakan itu. Jadi dengan keadaan ini patutlah Kementerian ini mengambil perhatian berat atas apa pandangan-pandangan daripada fikiran saya yang begitu cetek demi kepentingan negara ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan penuh atas pindaan ini.

11.08 mlm.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak berucap sedikit sahaja kerana sudah pukul 11.00 malam dan ramai lagi rakan-rakan yang hendak balik jauh.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh rakan-rakan saya berkenaan dengan penapisan filem, jikalau tapisan ini terlampau keras saya yakin dan percaya orang tidak berminat untuk menengok wayang. Dengan sebab itu penapisan-penapisan ini adalah yang dinamakan hiburan dalam filem-filem ini. Kalau educational filem itu adalah bukan untuk hiburan tetapi untuk educational, boleh jadi untuk meniaga kesihatan badan dan sebagainya. Ada filem untuk hiburan di mana kita duduk berihat sambil menonton. Dalam pada itu ada filem-filem seperti yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad iaitu dalam filem-filem memanglah kalau orang-orang itu berkasih-kasih, dia peluk, dia cium; ini sudah biasa dari duhulu, peluk cium ini tidak jadi apa-apa kepada kita kerana ini sungguhpun kita katakan di sini ugama adalah salah, di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan isterinya diciumnya, dipeluknya itu adalah salah. Tetapi kalau dikirakan salah berjudi lebih salah lagi; minum arak lebih salah lagi, mabuk dan sebagainya. Ini dibenarkan oleh Kerajaan.

Jadi filem ini adalah untuk kita melihatkan dan kita riang hati atas perkara-perkara begini; bukan yang lucah. Kalau dipotong, ditapis habis-habis sudah tidak bermakna lagi filem itu.

Yang keduanya berkenaan dengan filem tadi yang disebut oleh rakan saya juga iaitu "Samurai". Kalau mengikut cerita, Samurai ini ialah hero, ia bukan penganas. Sungguhpun dia ada pedang itu ialah untuk mempertahankan dari kezaliman, barangkali Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad dia tidak tahu filem itu. Yang terloncat-loncat yang berbaju hitam itu ialah gangsters, dan Samurai inilah yang membunuh gangsters itu tadi, yang Samurai pergi menjahanankan gangsters ini, dia seorang sahaja boleh membunuh orang-orang yang jahat yang ramai itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan. Adakah dia membela Jepun ini, ada kena mengena dia dengan Jepun? (*Ketawa*).

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Sebab dia tidak mengerti jadi dimengertikan apa dia Samurai. Tengok apa yang dia kata

itu, Samurai jahatlah. Jadi itulah saya hendak memberi tahu, barangkali sekarang dia dapat tahu apa yang jahat dan apa yang baik. Begitu juga western film, kita tengok bang! bang! dia tembak. Dia menembak orang yang jahat, polis pakai pistol pergi menyerang orang-orang jahat, menyerbu tempat yang jahat dia bertembak-tembak. Akhirnya siapa yang jahat mesti jahanam itu satu pengajaran kepada kita. Orang-orang yang jahat walau bagaimanapun satu masa mengikut pepatah orang Melayu, "sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke bawah juga." Begitu juga orang-orang jahat ini, adalah satu perkara yang memberi kita pelajaran kepada anak-anak kita, orang jahat akhirnya ia akan menempah maut. walau bagaimana pandai-pun macam "Botak Chin" begitu pandai, Botak Chin ada empat lima pistol akhirnya dia mati juga. Ini adalah perkara-perkara kalau kita hendak buat jahat akhirnya kita kena. Begitulah filem-filem ini ditunjukkan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tadi berkenaan dengan filem-filem mesti dicensor betul-betul dan sebagainya supaya jangan filem-filem yang selucah-lucahnya boleh masuk ke negeri kita seperti kalau kita pergi ke Eropah di Amsterdam, di manapun boleh dibeli filem-filem lucah ini, sudah tiada moral langsung orang-orang Eropah, di tepi-tepi jalan kita boleh lihat. Kalau di Jerman pun begitu jua di tepi-tepi autobahn boleh kita lihat, apa sahaja boleh kita nampak. Jika begini sudah tiada maruah langsung, maruah hampir tiada lagi, budak kecil pun boleh masuk boleh lihat bermacam-macam lucah. Barangkali Eropahlah tempat yang sehabis-habis lucah di dunia dan di Amerika juga begitu. Kita tidak hendak negeri kita sampai begitu. Sebab itu sebagai negeri Islam ataupun kalau tidak negeri Islam dalam Perlembagaan mengatakan bukan official religion—Islam is the religion of the Federation. Cuma itu sahaja. Jadi lain maknanya sedikit. Dengan sebab itu, jikalau negeri kita adalah negeri Islam tulin maka filem-filem ini memang tidak boleh masuk dengan cium dan sebagainya, tetapi mengenangkan yang lain iaitu seperti orang India, orang Cina dan yang lainnya itu terpaksa kita mengikut censor yang tidak begitu strict sekali.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dubbing ini, sari-sari kata juga apa yang dikatakan oleh rakan-rakan saya ini adalah betul. Di negeri yang mengamalkan Bahasa Kebangsaan dia yang sebenar-benarnya dia membuat dubbing betul-betul, sari-sari kata yang memakai bahasa yang sebenar-benarnya. Ini ada yang translation dibuat di Hongkong nampaknya tempat kita translationnya dibuat di Hongkong. Dia punya nahu cukup hodoh sangat. Kalau dilihat oleh kita di sini, kita orang Melayu, kita tahu betul ini bukan dibuat di sini. Dengan sebab itu pada hari akan datang apabila kita tayangkan filem dari mana-mana sahaja daripada bahasa Cina itu ada sari katanya, sari kata-sari kata mestilah dibuat di negeri kita ini. Janganlah dibuat di Hongkong atau negeri yang lain sebab kita orang Malaysia boleh membuat lebih baik sari katanya di dalam Bahasa Malaysia tadi.

Berkenaan dengan filem dan juga berkenaan dengan panggung-panggung ini apa yang dikatakan oleh rakan-rakan saya adalah benar iaitu Shaw Brothers dan Cathay ini monopoli tempat-tempat wayang ini. Dengan sebab itu Kerajaan mesti bertindak oleh kerana kita telah bercakap beberapa kali Shaw dan Cathay ini di mana-mana sahaja ceruk rantau ada sahaja. Kalau di Amerika orang yang mengeluarkan filem dia boleh mengeluarkan filem sahaja. Dia tidak boleh mempunyai panggung wayang. Ini dimonopoli segala-galanya yang kita tiada peluang walaupun kalau diboycottnya filem-filem yang masuk langsung kita tidak boleh tunjuk apa-apa filem.

Lagi satu berkenaan dengan filem-filem yang dikatakan berapa peratus.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada sebut kes berkenaan dengan "Botak Chin". Saya suka mengingati bahawa kes Botak Chin sekarang adalah sub judice dan diminta tarik balik, tidak boleh sebut itu, kerana perkara itu masih bersangkutan dengan mahkamah pada masa ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Saya tarik balik. Dengan sebab itu maka filem-filem yang hendak ditapis mestilah menengok keadaan supaya janganlah ditapis sampai habis-habis sampai "putih" langsung, langsung tidak ada hiburan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menarik balik apa yang saya telah katakan mengenai Botak Chin, bukan maknanya kerana ada perbicaraan tetapi saya sebut itu adalah sebagai satu contoh sahaja iaitu kalau orang jahat, satu hari dia tertangkap, bukan kerana perbicaraan, dia kena gantungkan, dia mesti digantung, tidak. Cuma orang yang jahat akhirnya dia jatuh juga.

Tuan Yang di-Pertua: Saya merayu juga kepada siberan am janganlah menyebut kes berkenaan "Botak Chin". Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

11.20 mlm.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telahpun bercakap menyokong Rang Undang-undang Pindaan ini.

Saya rasa perbahasan bagi undang-undang ini dan juga perbahasan akhir di Dewan yang mulia ini kepada undang-undang pindaan ini tidaklah sampai mid-night dan diharap boleh boleh kita balik sekurang-kurangnya dapat melihat apa-apa filem yang ada di TV atau sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab teguran daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telahpun menyentuh dalam beberapa perkara seperti yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Pindaan ini, sukalah saya memberi sedikit sebanyak penjelasan.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak telahpun bercakap dan meminta supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melihat supaya syarikat-syarikat filem luar negeri supaya disekat daripada membuat filem di negeri kita ini dengan merendahkan imej negara kerana peristiwa perbuatan gambar di Batu Caves. Beliau juga telah menyatakan bahawa Kementerian tidak begitu peduli dengan desakan-desakan daripada pihak orang ramai di dalam perkara ini pada masa itu.

Dalam perkara ini, sukalah saya menyatakan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sememangnya mengkaji segala skrip-skrip sesuatu filem sebelum membenarkan syarikat-syarikat sama ada di dalam ataupun di luar negeri membuat filem-filem di dalam negeri ini. Dan juga Kementerian ini sentiasalah mengambil berat tentang perkara-perkara yang tersebut itu dan mana-mana skrip yang menjatuhkan imej ataupun cara-cara hidup negeri ini adalah dipotong oleh Lembaga Penapis Filem sebelum dibenarkan filem-filem itu dibuat ataupun ditayang di dalam negeri ini.

Berhubung dengan filem yang dibuat di Batu Caves juga, sukalah saya menyatakan bahawa filem itu sebenarnya tidaklah menunjukkan bahawa orang-orang yang mengambil bahagian di dalam filem itu adalah orang-orang Melayu ataupun kisah di dalam filem itu juga bukanlah berlaku di negara ini. Hanya tempat ataupun lokasi penggambarannya sahaja diambil di negara ini dan sebenarnya filem tersebut tidaklah menyentuh tentang keperibadian orang-orang Melayu sendiri.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak juga telahpun membuat cadangan-cadangan mengenai perkembangan di dalam industri perfileman. Maka di dalam perkara ini, sukalah saya menyatakan bahawa perkara ini adalah di luar daripada kuasa Kementerian saya. Walau bagaimanapun cadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu adalah satu cadangan yang memang baik dan saya rasa memang diberi perhatian oleh pihak yang berkenaan khususnya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam menggalakkan pengeluaran filem-filem tempatan dan sebagainya. Saya rasa cadangan tersebut dapat disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan semoga dapatlah dibuat kajian dari semasa ke semasa dan sekiranya sesuai maka bolehlah dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan itu.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak juga telah menyentuh tentang Ahli Lembaga Penapis Filem iaitu tentang pembayaran elaun kepada Ahli Lembaga Penapis Filem. Menurut kata Ahli Yang Berhormat itu, bayarannya tidaklah seimbang dengan badan-badan berkanun yang lain. Dalam perkara ini, sukalah saya menerangkan

bahawa buat masa ini Kerajaan berpendapat kadar pembayaran gaji ataupun elaun yang diberi kepada Ahli Lembaga dan juga Pengerusinya itu adalah memuaskan dan untuk makluman, elaun bulanan bagi seseorang Ahli Lembaga Penapis Filem yang diberi ialah sebanyak \$750 bagi sebulan. Dan selain daripada itu adalah diberi elaun harian iaitu pada masa seseorang Ahli Lembaga itu hadir untuk menjalankan tugas iaitu sebanyak \$40.00 pada satu hari dengan maksimum 25 hari dalam satu bulan. Dengan itu kiranya penuh masa seseorang itu berkhidmat maka dia akan mendapat sekurangnya \$1,750 bagi sebulan. Dan bagi Pengerusi Lembaga pula dia mendapat sebanyak \$2,500 sebulan tetap sebagai gaji bulanan dan kepada Timbalan Pengerusi Lembaga sebanyak \$2,000 sebulan. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan akan mengkaji tentang bayaran gaji ini sekiranya perlu dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad dalam beberapa tegurannya berhubung dengan pindaan undang-undang ini telahpun menjelaskan tentang perkara-perkara seperti mana sarikata yang diadakan di gambar-gambar filem dan ada kalanya bahawa bahasa dan cara sarikata itu adalah mencemarkan Bahasa Malaysia yang digunakan di dalam filem-filem itu.

Saya suka menyatakan bahawa sarikata ini diadakan oleh pengeluar-pengeluar filem dengan secara sukarela iaitu bukanlah dengan kuasa undang-undang. Hanya pengeluar-pengeluar filem mengadakan sarikata itu dengan permintaan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semoga diadakan sarikata dan perkara ini telahpun mendapat sambutan dan persetujuan daripada pengeluar-pengeluar filem.

Walaupun bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasalah memberi panduan-panduan dan juga teguran-teguran kepada pengeluar-pengeluar filem dan juga syarikat-syarikat yang membuat sarikata ini semoga mereka itu memberi perhatian tentang penggunaan bahasa yang sempurna pada setiap masa. Dan dalam hubungan ini pihak Kementerian akan mewujudkan bahkan telahpun mewujudkan jawatan Penyemak Skrip-skrip Sarikata Bahasa Malaysia sebanyak 2 orang iaitu jawatan Penterjemah Bahasa yang telahpun diwujudkan dalam tahun ini. Dengan perwujudan 2

jawatan baharu ini maka adalah diharapkan sarikata Bahasa Malaysia yang dikandungkan di dalam filem-filem tersebut itu akan dapat dijalankan dengan memuaskan lagi dari semasa ke semasa dan berbagai-bagai perkara yang berhubung dengan sarikata ini akan dapat diatasi. Dan sekiranya perlu juga penterjemah ini akan ditambahkan lagi pada masa-masa akan datang memandangkan kepada banyaknya filem-filem dan juga pengeluaran-pengeluaran filem yang diadakan daripada luar negeri dan juga filem-filem tempatan pada masa ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad telahpun menyentuh berhubung dengan Lembaga Penapis Filem iaitu tentang bentuknya yang mana telahpun saya terangkan tadi semasa menjawab pandangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak iaitu tentang Pengerusi dan adakah Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem ini terdiri daripada ahli-ahli kebudayaan, wanita dan juga filem-filem yang diluluskan itu adalah ditakuti bertentangan dengan kehendak-kehendak kebudayaan negara kita sekarang, ini. Dalam perkara ini, suka saya menyatakan adalah tidak benar bahawa filem-filem yang diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem itu adalah bertentangan dengan kehendak kebudayaan, kerana Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem adalah sentiasa berpandu kepada garis-garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan dengan adanya garis-garis panduan ini maka adalah didapati tidaklah perlu bagi Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem terdiri daripada pakar-pakar di dalam bidang-bidang yang tertentu sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu bidang-bidang kebudayaan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Lembaga yang dipilih ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang bersara yang mempunyai kebolehan dalam berbagai-bagai aspek termasuklah bahasa-bahasa dan juga ahli-ahli ini berkhidmat dengan cara kontrak dan adalah sangat sukar bagi mendapat pakar-pakar untuk berkhidmat sebagai Ahli Lembaga ini, maka dengan sebab itulah Kementerian saya mengadakan pula garis panduan supaya dapat diikuti oleh Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem ini.

Selain daripada itu pula, untuk menjawab kepada soalan Ahli Yang Berhormat Tan Sri Dato Haji Abdul Razak dan juga Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad itu bahawa Ahli-ahli Lembaga Penapis ini adalah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebanyak 12 orang Ahli pada masa ini. Dan tentang bilangan ahli ini tidaklah dihadkan, jika sekiranya perlu dan dikehendaki boleh ditambah lagi dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad juga telah menyentuh tentang pengaruh filem-filem yang mana katanya adalah sangat berkesan kepada kanak-kanak khususnya filem-filem yang ditayangkan di peti-peti TV, dan Yang Berhormat juga telah meminta Lembaga Penapis Filem supaya mengurangkan kuota-kuota filem yang diimport daripada negeri luar seperti dari India, China, Hongkong ataupun Eropah dan juga lain-lain supaya membolehkan pengeluaran filem tempatan berkembang dengan banyaknya. Yang Berhormat juga menyentuh berhubung dengan pengaruh filem yang mana katanya memberi kesan kepada kanak-kanak, suka saya menyatakan lagi bahawa Lembaga Penapis Filem memang sedar akan kesan filem-filem kepada kanak-kanak itu dan pihak Lembaga sentiasalah membuat potongan kepada babak-babak yang tidak begitu sesuai mengikut garis-garis panduan yang telahpun ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seperti yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu, Lembaga Penapis Filem tidaklah meletakkan kuota atas filem-filem yang diimport daripada luar negeri itu. Maka pengimportan filem itu adalah urusan pengedar-pengedar filem itu sendiri. Maka jenis filem ataupun corak filem itu terpulanglah juga kepada pengedar-pengedar filem itu sendiri. Lembaga Penapis hanya bertanggungjawab atau bertugas menapis filem-filem yang diserahkan kepada Lembaga untuk ditapis.

Selain daripada itu maka filem tempatan keluarannya itu bukanlah dikawal oleh Lembaga juga dan terserahlah kepada pengeluaran filem-filem tempatan dan juga Lembaga sentiasa membantu pengeluaran-pengeluaran tempatan dengan cara-cara untuk mempercepatkan penapisan filem-filem mereka itu yang dihantar kepada Lembaga Penapis Filem dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun membuat cadangan-cadangan dan syor-syor yang memang bernas terhadap cadangan-cadangan Kementerian saya bagi meminda Akta Filem Wayang Gambar ini, bagi mana-mana cadangan-cadangan yang tidak dapat saya jawab pada masa ini, sukalah saya menyatakan bahawa semua syor-syor dan cadangan-cadangan yang telahpun dihadapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan diberi perhatian dan juga pertimbangan yang sewajarnya dan jika boleh akan dilaksanakan di mana-mana masa yang sesuai. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 32 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.42 malam.